

**ASPEK-ASPEK SEJARAH DALAM KARYA SASTERA
DI ZAMAN KERAJAAN ISLAM ACHEH PADA ABAD
KE-19**

HANAFIAH

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

**ASPEK-ASPEK SEJARAH DALAM KARYA SASTERA
DI ZAMAN KERAJAAN ISLAM ACHEH PADA ABAD
KE-19**

HANAFIAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN
(SECARA DISERTASI)**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

ABSTRAK

Disertasi ini bertajuk “Aspek-aspek Sejarah Dalam Karya Sastera Di Zaman Kerajaan Islam Aceh Pada Abad Ke-19”. Tujuan Kajian ini dilakukan untuk mengetahui aspek-aspek sejarah yang terdapat dalam karya sastera (hikayat) di zaman kerajaan Islam Aceh. Pentingnya kajian ini dilakukan kerana sastera dapat memberikan informasi mengenai peristiwa-peristiwa sejarah yang pernah terjadi di Aceh pada masa tersebut dan informasi itu dapat dipergunakan oleh sejarawan untuk menulis karya sejarah. Sebahagian peristiwa-peristiwa tersebut terkandung di dalam karya sastera (hikayat) Aceh itu sendiri. Semua permasalahan ini dikaji dengan menggunakan metode induksi dan kualitatif. Manakala dalam pengumpulan data menggunakan teknik penyelidikan kepustakaan (*Library Research*). Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui sumber sejarah yang terdapat di dalam karya sastera Aceh, kemudian dilanjutkan dengan mencari aspek-aspek sejarah yang terdapat dalam karya sastera tersebut, sehingga menambah informasi tentang sejarah Aceh melalui karya sastera. Dari hasil kajian ini dapat disimpulkan bahawa sebahagian karya sastera (hikayat) yang ditulis pada masa kerajaan Islam Aceh khususnya dapat dijadikan sebagai bahan kajian untuk mendapatkan sebahagian sumber sejarah masa kini dan akan datang.

ABSTRACT

This Dissertation is entitled “Aspects of History in Literary Works of the 19th Century Acehnesse Kingdom.” This study is aimed at figuring out historical aspects in the literary works of Aceh (hikayat) during the era of Islamic Kingdom of Aceh. The significance of this research is that it can inform on the historical events that took place in Aceh in the age and the information could be utilized by historians for history writing. Some of the historical events are found in the literary works (hikayat) of Aceh. All the problems were studied by employing inductive and qualitative methods. For data gathering, library research was conducted. The aim of this research is led to know the sources of history contained in the Acehnesse literary works. Then, it was proceeded to find out historical aspects in the literary works. In this way, information on Aceh history through literary document could be increased. From this study it could be concluded that some of the literary works (hikayat) which were written in the period of the Islamic Kingdom of Aceh in special could be potential research materials that become sources of history for the present and the future.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke hadirat Ilahi Rabbi yang telah memberikan petunjuk dan hidayah serta kekuatan dan kesihatan kepada saya sehingga dapat menyelesaikan penulisan disertasi ini. Selawat serta salam juga dipersembahkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang telah membawa manusia dari alam jahiliah ke alam yang berilmu pengetahuan.

Pada kesempatan ini penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Ali Mohammad sebagai penyelia utama, yang telah memberikan bimbingan yang sangat berharga sehingga selesainya Disertasi ini. Tidak lupa pula terima kasih serta iringan do'a yang tidak pernah henti kepada Ayahanda (Allahyarham) Abdurrahman Bin Usman dan (Almarhumah) Ibunda Basyariah binti Gamcut serta kakanda yang sulung (Allahyarham) Dahlan Bin Abdul Rahman yang telah mendoakan saya dan bersusah payah mendidik serta mengorbankan material dan spiritual untuk mencapai kejayaan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga disampaikan kepada isteri tersayang, Risnawati Binti Edris yang telah memberikan sokongan moral dan material selama ini, terima kasih pula untuk semua ahli keluarga saya: Mukhtar, Muhammad, Azhar, Abdullah, Husna serta Abah dan Mama di seksyen 17 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan. Dan semua kawan-kawan yang telah banyak membantu serta mendoakan saya. Terima kasih kepada mereka semuanya semoga Allah merahmati-Nya semua.

Hanafiah

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

KANDUNGAN

DAFTAR KANDUNGAN	HALAMAN
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Isi kandungan	vi
Senarai kependekan	ix
Panduan transliterasi	x

BAB I PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah	1
1.2 Perumusan Masalah Kajian	9
1.3 Hipotesis	10
1.4 Kepentingan Kajian	11
1.5 Skop dan Masalah Kajian	11
1.6 Pengertian Tajuk	12
1.7 Tinjauan Kajian Terdahulu	14
1.8 Metodologi Penyelidikan	16
1.9 Sistematika Penulisan	18

BAB II LATAR BELAKANG SEJARAH ISLAM DI ACHEH

2.1 Pendahuluan	20
2.2 Kedatangan Islam Ke Aceh	26
2.3 Penubuhan Kerajaan Islam di Aceh	31

2.3.1 Kerajaan Perlak	35
2.3.2 Kerajaan Pasai	38
2.3.3 Kerajaan Aceh	46
2.4 Perkembangan Ilmu Pengetahuan Islam di Aceh	63
2.4.1 Kesusasteraan	66
2.5 Penyebaran Islam ke Nusantara.....	68

BAB III

PERKEMBANGAN SASTERA DI ACHEH

3.1. Pendahuluan	76
3.2. Asal-usul Sastera	77
3.3. Jenis-jenis Sastera	85
3.3.1. Sastera Lisan	86
3.3.2. Sastera Tulisan	87
3.4. Perkembangan Sastera Aceh	95
3.4.1 Perkembangan Sastera Lisan	98
3.4.2. Perkembangan Sastera Tulisan	100

BAB IV

ASPEK-ASPEK SEJARAH DALAM KARYA SASTERA (HIKAYAT) DI ZAMAN KERAJAAN ISLAM ACHEH

4.1. Pendahuluan	103
4.2. Aspek Sumber	104
4.3. Sastera Sebagai Sumber Sejarah	110
4.4. Peranan Sastera Dalam Sejarah Aceh	155
4.5. Pengaruh Sastera Dalam Masyarakat Aceh	165
4.6. Pengaruh Sastera Dalam Penulisan Sejarah Aceh	172
4.7. Tokoh Sastera Dalam Sejarah Aceh	177

BAB V
PENUTUP

5.1 Kesimpulan Umum	181
5.2 Sarananan	183
5.3 Penutup	185
BIBLIOGRAFI	186

Universiti Malaya

SENARAI KEPENDEKAN

Ed	: Editor
Hal	: Halaman, muka surat.
H	: Hijriah
Ibid	: <i>Ibidem</i> , rujukan yang tidak diselangi oleh buku lain.
M	: Masihi
Op.cit	: <i>Opera citato</i> , rujukan yang diselangi oleh buku lain.
S.W.T	: <i>Subhānahu Wata'ālā</i> .
S.A.W	: <i>Sallā Allāh Alaihi wa Sallām</i> .
Terj	: Terjemahan.
t.t	: Tanpa tahun terbit.

SISTEM TRANSLITERASI HURUF ARAB

Tranliterasi yang digunakan ialah berdasarkan kepada Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur sebagaimana terdapat dalam buku Panduan Penulisan tesis/disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ء, ا	a, '(hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ

ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
هـ	h
و	w
ي	y
ة	h

VOKAL

a. Vokal Pendek

ا = _____ = a

ي = _____ = i

و = _____ = u

b. Vokal Panjang

Semua vokal panjang atau mad (di atas, di bawah dan di hadapan) ditanda dengan

ا = _____ = ā

ي = _____ = ī

و = _____ = ū

c. Diftong

Diftong huruf yang berbaris di atas bersambung dengan huruf ya (ي) dan waw (و) yang berbaris mati.

أَي = _____ = ay

أَوْ = _____ = aw

يَّي = _____ = iy/i

وَّو = _____ = uww

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Masalah

Acheh (Nanggroe Aceh Darussalam) pada suatu ketika dahulu merupakan sebuah negara Islam yang sangat termasyhur di Nusantara. Acheh pada masa ini merupakan sebahagian (Propinsi) daripada Negara Republik Indonesia. Wilayah Acheh terdiri daripada 16 buah Kabupaten iaitu kawasan yang diketuai oleh seorang pegawai daerah dan 4 buah Kota Madya.

Secara geografi kedudukan negeri Acheh terletak di laluan yang sangat strategik iaitu berada di laluan pelayaran dan perdagangan antarabangsa. Saudagar-saudagar Muslim yang datang dari luar negara dapat menjadikan laluan Selat Melaka sebagai pusat urusan untuk perdagangan, mereka juga menjadikannya sebagai pusat penyebaran agama Islam yang terkenal pada masa tersebut. Disebabkan adanya kerajaan Samudera Pasai pada abad ke-13 M, kerajaan Melaka pada awal abad ke-15 M, dan munculnya Kerajaan Acheh Darussalam yang menggantikan kedudukan Melaka pada awal abad ke-16 M.¹

Kemunculan kerajaan Samudera Pasai, kerajaan Melaka dan Kerajaan Acheh Darussalam telah banyak menyumbangkan jasanya terhadap proses penyebaran Agama Islam dan telah menjadi pusat kebudayaan di Asia Tenggara pada masa tersebut. Acheh yang juga negeri yang paling awal sekali menerima ajaran agama Islam di Asia Tenggara pada umumnya Namun demikian, timbul persoalan mengenai tempoh masa

¹ Teuku Ibrahim Alfian (1999), *Wajah Aceh Dalam Lintasan Sejarah*. Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, hal.1.

dan daerah pertama yang menerima ajaran Islam di Aceh, sehingga sekarang para ahli sejarah masih berbeza pendapat, berkaitan persoalan ini akan penulis huraikan dalam bab berikutnya (bab dua) mengenai hal tersebut.

Pada tahun 1297 Masihi, seorang pelaut keturunan Itali yang bernama Marcopolo telah mengunjungi Aceh. Demikian pula pada tahun 1345 Masihi, negeri ini sekali lagi telah dikunjungi oleh seorang pelaut berasal dari Moroko (Magribi) iaitu Ibn Batutah. Ketika mereka sampai di Aceh pada masa itu, mereka melihat bahawa penduduk negeri ini telah memeluk agama Islam dan terkenal dengan kerajaan Islam Samudera Pasai yang dipimpin oleh seorang raja yang bernama Sultan Malik Al-Zahir.²

Selain menjadi pusat penyebaran agama Islam ke daerah-daerah lain di Nusantara mahupun Asia Tenggara, Aceh berperanan juga sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan dan kesusasteraan pada masa tersebut, bahkan pada masa kerajaan *Acheh Darussalam* semakin memuncak dan mencapai zaman kegemilangannya di bawah pucuk pimpinan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1635 M). Baginda berjaya menguasai bidang perdagangan di pantai Barat Pulau Sumatra dan juga perdagangan di Sumatra Timur pulau tersebut.³

Pada abad XVI dan XVII kerajaan *Acheh Darussalam* mencapai puncak keagungannya dan mendapat pengiktirafan daripada dunia Islam lain. Pada masa itulah muncul tokoh-tokoh ulama sekaligus sebagai sasterawan agung dengan karya-karya

² Ibrahim Syukri (1985), *History of the Malay Kingdom of Patani*. Corner Bailey dan John N. Miksic (terj.), Ohio University Press. hal. 11.

³ Sidik Haji Baba (1993), "Aceh: Pusat Dakwah Islamiyah Pada Abad Ke 16 dan 18", *Jurnal Usuluddin*, Bil .1, Oktober 1993, hal. 166.

sastera mereka dalam bentuk hikayat yang sampai sekarang masih dapat dipelajari dan dinikmati oleh setiap orang. Bahkan mulai abad tersebut sehingga ke abad berikutnya, wujud pelbagai macam karya sastera (hikayat) Aceh yang mengisahkan tentang kehidupan sosial masyarakat saat itu. Dengan demikian, karya sastera (hikayat) merupakan saksi dari segala peristiwa yang terjadi dalam setiap corak kehidupan manusia.

Oleh itu, di antara karya sastera (hikayat) dan penulisan sejarah saling berkaitan kerana sastera yang berbentuk hikayat dapat memberikan informasi-informasi masa lampau mengenai peristiwa-peristiwa yang terjadi, sedangkan dalam penulisan sejarah, masa lampau merupakan sebahagian daripada objek kajian para ahli sejarah. Oleh kerana itu, penulis akan mencari suatu jawapan terhadap persoalan apakah aspek-aspek sejarah yang terkandung dalam karya sastera (hikayat) Aceh. Persoalan tersebut merupakan landasan utama penulisan disertasi ini. Ini bermakna kajian ini berpijak dari suatu pemikiran bahawa karya sastera dalam bentuk hikayat mempunyai hubungan dalam aspek sumber yang erat kaitannya dengan penulisan sejarah.

Oleh itu, karya tersebut menyimpan masa lampau manusia, maka sangatlah penting dalam penulisan karya sejarah, kerana ianya dapat memberikan informasi-informasi tentang masa lalu mengenai sejarah Aceh. Sehingga perlunya melakukan kajian terhadap karya sastera tersebut untuk mengetahui sejauh mana sumbangannya terhadap proses penulisan kisah sejarah masa kini dan akan datang. Dengan demikian, sangatlah menarik untuk melakukan kajian ini kerana karya sastera (hikayat) di samping sebagai ungkapan seni, juga mengandungi unsur-unsur sejarah.

Walau bagaimanapun, masih menjadi persoalan mengenai hubungan antara kedua-duanya dari sudut pandangan ilmiah sehingga perlunya suatu kajian yang lebih mendalam terhadap permasalahan tersebut.

Secara keseluruhannya, aktiviti-aktiviti sasterawan dengan sejarawan memiliki banyak persamaan. Namun, dari aspek objek pengkajian wujud beberapa perbezaan. Sastera secara umum dapat dikatakan suatu hasil karya manusia sama ada dalam bentuk tulisan mahupun lisan, dengan menggunakan gaya bahasa yang indah dan isi kandungan yang pada asasnya dapat memberikan sesuatu informasi tentang kejadian atau peristiwa yang terjadi pada zamannya. Bahkan ada yang mengatakan sastera merupakan cermin masyarakat pada zaman tersebut.

Harus diakui bahawa masih tiada batasan di antara pengertian sastera dan bukan sastera dan sehingga kini belum ada kesefahaman antara sasterawan.⁴ Namun demikian kedudukan sastera jenis hikayat dalam masyarakat Aceh dianggap sebagai suatu peristiwa kehidupan yang benar-benar terjadi dan bukan sahaja hasil daripada buah fikiran pengarangnya, malahan, isi daripada kandungan hikayat tersebut mengandungi sedikit sebanyak tentang peristiwa kehidupan sosial Aceh sehingga mempengaruhi tingkah laku, norma atau nilai-nilai sosial, kehidupan bermasyarakat dan budaya pada umumnya.

Karya sastera merupakan salah satu dari kenyataan sosial yang menampilkan tentang suatu gambaran kehidupan, baik gambaran hubungan manusia sesama manusia

⁴ Ariel Haryanto, (1985) “ *Sastera dan Politik (Sebuah Upaya Memahami Persoalan Kesustraan Mutakhir di Indonesia,*” dalam Ariel Haryanto (ed.), *Perdebatan Sastera Konstekstual*. Jakarta: Rajawali, hal. 57.

dan dengan alam sekitar mahupun hubungan manusia dengan Pencipta-Nya. Semua kenyataan seringkali menjadi bahan penciptaan karya sastera. Supardi Djoko Damono menyebutkan:

Karya sastera diciptakan oleh sasterawan untuk dinikmati, difahami, dan dimanfaatkan oleh masyarakat. Sasterawan itu sendiri adalah anggota masyarakat, ia terikat oleh status sosial tertentu. Sastera adalah lembaga sosial yang menggunakan bahasa sebagai medium; bahasa itu sendiri merupakan ciptaan sosial. Dalam pengertian ini, kehidupan mencakupi hubungan antara masyarakat, sama ada antara masyarakat dengan orang perseorangan, antara manusia dan antara peristiwa yang terjadi dalam batin seseorang. Bagaimanapun juga, peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam batin seseorang yang sering menjadi bahan sastera adalah pantulan hubungan seseorang dengan orang lain atau dengan masyarakat.⁵

Dalam konteks ini, jelas menunjukkan sastera (hikayat) juga sebenarnya merupakan saksi dari segala kejadian atau peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam setiap gerak hidup manusia. Ketika manusia ingin mengetahui tentang sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lampau, maka salah satunya adalah membaca kembali karya sastera (hikayat) yang ditulis oleh sejarawan pada zaman itu, sama ada dalam bentuk sajak, puisi, prosa, roman dan lain-lain yang mengisahkan peristiwa-peristiwa tertentu, seperti Hikayat Raja-raja Pasai yang merupakan sebuah karya sastera (hikayat) yang melambangkan zaman awal penulisan kesusasteraan Melayu yang berunsur sejarah di Pasai.⁶ Meskipun karya tersebut merupakan karya sastera bersifat kurang ilmiah dari sudut pandangan ahli-ahli sejarah, namun ia dapat memberikan informasi kepada pengkaji sejarah kerana hikayat masih menggambarkan

⁵ Supardi Djoko Damono (1978), *Sosiologi Sastera Sebuah Pengantar Ringkas*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, hal. 131.

⁶ Arba'iyah Mohd Noor (2002), *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, hal. 131.

sesuatu keadaan masa lampau yang dapat digunakan sebagai salah satu sumber dalam penulisan karya sejarah untuk masa sekarang.

Pengertian ini menunjukkan kaitan antara pengertian sastra dengan pengertian sejarah. Sejarah adalah gambaran atau deskripsi masa lampau dalam karya para sejarawan.⁷ Atas dasar inilah didapati bahawa sejarah adalah campuran dari ilmu seni dan sastra sekaligus.⁸ Bagaimana caranya mengaplikasikan masa lampau ke dalam bentuk karya tulisan, itulah yang disebut dengan penulisan sejarah, iaitu usaha menceritakan kembali peristiwa yang pernah terjadi di masa lampau yang diwujudkan melalui tulisan para sejarawan.

Dengan demikian, sastra dapat dikatakan suatu ilmu yang sangat besar perannya dalam penulisan sejarah. Peranan ini tidak hanya berfungsi sebagai sumber dalam memberikan informasi-informasi bagi penelitian sejarah, malahan sastra juga sangat berperanan dalam gaya bahasa penulisan sejarah, sehingga apa yang ditulis tentang sesuatu cerita sejarah dengan menggunakan gaya bahasa sastra, orang akan lebih mudah mengerti dan memahami peristiwa-peristiwa sejarah tersebut. Hal ini kerana sejarah adalah bentuk fikiran yang ada dalam suatu kebudayaan bertanggungjawab kepada dirinya atas masa lalu.⁹

Secara teorinya, menulis sejarah tidak hanya sekadar laporan yang mencatat tarikh atau tahun peristiwa sahaja, malah penulisan sejarah harus memiliki penghayatan seni secara kritis dan dinamis. Penghayatan seni ini diperlukan supaya

⁷ Badri Yatim (1997), *Historiografi Islam*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu, hal. 3.

⁸ Hasan Usman (1986), *Metode Penelitian Sejarah*. Perguruan Tinggi Agama / IAIN (terj.), Jakarta: Departemen Agama Republik Indonesia, hal. 12.

⁹ Sidi Gazalba (1981), *Pengantar Sejarah Sebagai Ilmu*. Jakarta: Bhratara Karya Aksara, hal. 15.

apa yang diungkapkan dari suatu peristiwa masa lalu dapat digambarkan kembali oleh pembaca masa kini dan akan datang.

Dalam sejarah peradaban budaya Islam terdapat dua model penulisan sejarah iaitu, “*khabar*” dan “*hawliyat*”. Model pertama sangat erat kaitannya dengan sastra terutama yang berbentuk syair. Model kedua “*hawliyat*”, penulisan sejarah dengan cara pendekatan dari tahun ke tahun (kronologi). Semua peristiwa-peristiwa sejarah itu telah dihimpunkan di bawah tema tahunan. Namun, kerana penulisan sejarah kedua-dua model ini tidak dilengkapi dengan penghayatan seni, maka kurang menarik untuk dibaca.

Louis Gottschalk mengungkapkan bahawa seorang sejarawan yang menulis sejarah tidak menarik dikenali sebagai seorang sejarawan yang tidak profesional. Hal ini kerana secara profesionalnya sejarawan wajib menggambarkan peristiwa-peristiwa yang terjadi pada masa lampau tersebut sehingga dapat menghidupkan kembali suasananya.¹⁰

Namun, sejauh mana dalam penulisan sejarah dibenarkan penggunaan kata-kata indah atau ekspresi bahasa dan seni, sehingga karya sejarah mudah dibaca dan difahami oleh orang awam adalah suatu yang masih diteliti secara tepat. Di sinilah signifikan penelitian ini iaitu mengkaji dan menganalisis secara kritis di antara aspek-aspek sejarah dalam karya sastra (hikayat), sehingga keduanya saling berhubungan dalam penulisan kisah sejarah. Dalam perkembangan sejarah Islam di Nusantara umumnya dan di Aceh khususnya, kita dapat melihat wujudnya pengaruh sastra

¹⁰ Louis Gottschalk (1975), *Mengerti Sejarah*. Nugroho Notosusanto (terj.), Jakarta: Yayasan Penerbit Universitas Indonesia, hal. 8.

dalam penulisan sejarah seperti memasukkan prosa dan kalimat-kalimat dalam penulisan sejarah.

Di samping itu, pengkajian ini penting dilakukan terutama dalam konteks penulisan sejarah Aceh. Banyak karya sejarah Aceh yang bersumberkan dari karya sastra (hikayat) tempatan yang berkembang dalam masyarakat Aceh itu sendiri. Bahkan antara karya-karya sastra tersebut mengisahkan suatu zaman kegemilangan sultan-sultan kerajaan Islam Aceh dan masa penjajahan Belanda di Indonesia pada umumnya dan Aceh khususnya.

Peristiwa-peristiwa yang berlaku pada masa lalu sangat menarik dipelajari pada kini. Contohnya Hikayat Perang Sabil yang dijadikan sebagai ideologi dalam menghadapi penjajah ketika Negeri Aceh dilanda serangan bangsa asing (Belanda). Selain itu terdapat karya sastra lain yang dijadikan sebagai objek pengkajian dan ia agak sukar untuk dibezakan dengan karya sejarah. Oleh demikian, dalam penulisan disertasi ini penulis berasa perlu membuat penyelidikan, untuk mengetahui sejauh mana terdapat aspek-aspek sejarah dalam karya sastra (hikayat) tersebut, sehingga antara karya sastra dan sejarah ada hubung kaitnya, terutama karya-karya sastra (hikayat) yang pernah ditulis pada abad ke-XV sampai XIX.

Penulisan karya sastra (hikayat) sudah bermula sejak dari Kerajaan Pasai dengan karyanya Hikayat Raja-raja Pasai (*HRP*) yang menceritakan situasi dan kondisi pada masa itu. Sir Richard O.Winstedt dalam bukunya *A History of Malay Literature* mengatakan bahawa Hikayat Raja Pasai mungkin ditulis pada abad ke-15 M, iaitu di

antara tahun 1350 M dan tahun 1500 M.¹¹ Kegiatan penulisan tersebut berterusan ke abad XVI dan XIX dengan munculnya pelbagai karya sastera (hikayat) seperti Hikayat Perang Sabil, Hikayat Putroe Gumbak Meuh, Hikayat Malem Dagang dan Hikayat Pocut Muhammad dan lain-lain.

Sekiranya Hikayat Raja-raja Pasai tersebut ditulis pada abad ke-15M, maka masyarakat Pasai telah menulisnya dengan menggunakan bahasa Melayu dan tulisan Jawi sebagai media pada waktu itu. Hikayat Raja-raja Pasai sebagai karya sastera paling awal dan tertua di Alam Melayu terbahagi kepada tiga bahagian utama. Pertama mengisahkan asal-usul kerajaan Samudera Pasai serta zaman kegemilangannya setelah Raja Merah Silu memeluk agama Islam. Kemudian pada bahagian kedua ia menceritakan kehandalan Tun Beraim Bapa serta kemerosotan Kerajaan Pasai.

Pada bahagian ketiga pula ia mengisahkan Putri Ratu Majapahit yang menyukai Tun Abdul Jalil sehingga teretusnya serangan oleh kerajaan Majapahit. Tun Abdul Jalil telah dibunuh oleh kerana baginda sultan tidak dapat memikat putri Ratu Majapahit.¹² Oleh sebab itu, sangat wajar sekiranya karya sastera (hikayat) yang ditulis pada abad ke-XV sehingga XIX dijadikan sebagai contoh daripada beberapa contoh karya-karya sastera lain untuk menyokong kesempurnaan penulisan disertasi ini.

1.2. Perumusan Masalah Kajian

Daripada latar belakang ini, penulis dapat menyatakan beberapa masalah kajian seperti:

¹¹ Teuku Ibrahim Alfian (1999), *op.cit.*, hal. 10.

¹² Arba'iyah Mohd Noor (2002), *op.cit.*, hal. 110.

- a) Bagaimanakah perkembangan karya sastera (hikayat) dalam masyarakat Aceh ?
- b) Adakah hubungkait di antara ilmu sastera (hikayat) dengan ilmu sejarah dalam penulisan sejarah di Aceh ?
- c) Apakah peranan dan pengaruh hikayat terhadap penulisan sejarah di Aceh?
- d) Apakah aspek-aspek sejarah yang terdapat dalam karya sastera (hikayat) Aceh?

1.3. Hipotesis

Dalam suatu pengkajian, *hipotesis* (andaian) adalah suatu perkara yang sangat penting. Setiap *hipotesis* harus dijadikan sebagai dasar suatu perbincangan mengenai suatu masalah. Dalam pengkajian ini, penulis telah membuat *hipotesis* atau kesimpulan sementara untuk membandingkan antara teori-teori atau data-data yang diperolehi penulis, dan adakah *hipotesis* itu dapat dibuktikan ataupun tidak.

Yang menjadi *hipotesis* penulis dalam kajian ini adalah karya sastera (hikayat) Aceh pada masa dahulu dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dalam penulisan kisah sejarah masa kini, terutama sejarah Aceh. Karya sastera (Hikayat) pada zaman kerajaan Islam Aceh sebahagiannya mengandungi unsur-unsur kisah sejarah masa lampau umat manusia. Sastera di samping boleh digunakan sebagai sumber untuk penulisan kisah sejarah, ia juga dapat digunakan untuk gaya penulisan karya sejarah, sehingga apa yang digambarkan oleh sejarawan dapat difahami dengan mudah serta dapat menarik minat pembaca. Sementara yang menjadi *hipotesis* kajian penulis dalam

perbahasan ini ialah karya sastra (hikayat) mempunyai peranan penting dalam penulisan sejarah (*historiografi*), kerana ia mengandungi aspek-aspek yang dapat membantu para ahli sejarawan untuk menulis kembali kisah sejarah.

1.4. Kepentingan Kajian

Pengkajian ini bertujuan untuk meneliti dan menganalisis mengenai aspek-aspek sejarah yang terdapat dalam sebuah karya sastra (hikayat) sehingga dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dalam penulisan karya sejarah. Perkembangan sejarah Aceh pada masa Kerajaan Islam Samudera Pasai hingga ke Kerajaan Aceh Darussalam telah banyak melahirkan tokoh-tokoh sastrawan serta karya sastranya yang terkenal. Karya-karya tersebut dapat mempengaruhi pembacanya, sekaligus ia dapat memberikan informasi-informasi awal terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman karya sastra tersebut dihasilkan.

Maka dalam persoalan ini, penulis ingin melakukan kajian dan menganalisis kembali, sejauh manakah sastra dapat memberikan sokongannya dalam proses penulisan sejarah yang sebenar, khususnya sejarah Aceh. Kemudian sastra dapat digolongkan sebagai salah satu ilmu yang dapat membantu para sejarawan dalam menulis kembali kisah sejarah masa lampau.

1.5. Skop dan Masalah Kajian

Secara umum sastra atau hikayat dapat dikatakan suatu hasil karya manusia baik dalam bentuk tulisan mahupun lisan, ia menggunakan bahasa atau kata-kata sebagai media untuk menyampaikan kepada masyarakat. Menurut *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, ia adalah bahasa atau kata-kata, boleh juga diertikan gaya bahasa

yang dipakai dalam penulisan sejarah.¹³ Manakala sastra yang dimaksudkan dalam disertasi ini adalah suatu karya manusia yang diwujudkan dalam bentuk hikayat dengan menggunakan bahasa (sastra), kerana selain dijadikan sebagai sumber sejarah ia juga dapat dijadikan sebagai sebuah bentuk penulisan sejarah yang bernilai sastra.

Dari zaman dahulu hingga sekarang karya sastra masih ditulis oleh sasterawan-sasterawan dalam bermacam-macam bentuk. Maka dalam penulisan disertasi ini penulis ingin mengkaji dan menganalisis terhadap karya-karya sastra (hikayat) yang pernah ditulis oleh sasterawan pada masa kerajaan Aceh yang ada hubungannya dengan perbahasan disertasi ini.

Dalam masyarakat Indonesia (Aceh) sastra jenis hikayat ini dianggap erat kaitannya dengan persoalan yang dibahas dalam disertasi ini, oleh kerana itu dalam bab khusus nanti, penulis akan menjelaskan mengenai bentuk-bentuk sastra (hikayat) terutama sastra yang dapat dijadikan sumber sejarah, terutama karya sastra (hikayat) yang pernah ditulis sehingga abad ke *XIX*. Karya-karya tersebut dapat memberi informasi terhadap peristiwa masa lalu di Aceh yang dikemukakan dalam bentuk tulisan mahupun lisan dan buku-buku bacaan di perpustakaan.

1.6. Pengertian Tajuk

Tajuk penyelidikan ini ialah “Aspek-aspek Sejarah Dalam Karya Sastra (hikayat) Di Zaman Kerajaan Islam Aceh Pada Abad Ke-19” Merujuk kepada kamus

¹³ Departemen Pendidikan dan Kebudayaan (1984), *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka, hal. 786.

Dewan edisi ketiga, *Aspek* diertikan sebagai segi, sudut, bahagian.¹⁴ Sedangkan aspek yang penulis maksudkan dalam disertasi ini adalah bahagian yang terpenting dalam karya sastera untuk dijadikan sumber penulisan karya sejarah.

Sejarah menurut etimologi ialah asal usul, salasilah. Peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa lampau.¹⁵ Menurut Kamus Umum Bahasa Indonesia pula ialah “silsilah” “asal-usul” atau keturunan”.¹⁶ Sejarah yang penulis maksudkan dalam disertasi ini adalah usaha sejarawan menulis kembali kisah sejarah yang pernah berlaku pada masa lampau di negeri Aceh khususnya secara benar dan objektif.

Sastera, dalam kamus Dewan Edisi ketiga, sastera diertikan sebagai bahasa yang digunakan dalam kitab-kitab.¹⁷ Merujuk kepada Kamus Besar Bahasa Indonesia sastera adalah bahasa atau kata-kata, atau boleh juga diertikan dengan gaya bahasa yang digunakan dalam penulisan sejarah.¹⁸ Sedangkan sastera yang penulis maksudkan di sini adalah sebuah karya manusia yang dihasilkan dalam bentuk tulisan yang bercorak hikayat, karya yang dihasilkan tersebut dapat memberikan petunjuk (sumber sejarah) langsung mahupun tidak, kepada sejarawan sehingga dapat ditulis kembali dalam bentuk penulisan sejarah yang bernilai sastera.

Acheh adalah sebuah negeri yang terletak di hujung Utara pulau Sumatera yang bersempadan dengan Selat Melaka, Sebelah Timur bersempadan dengan Samudera Indonesia, Sebelah Selatan bersempadan dengan Sumatera utara. Pada masa dahulu

¹⁴ *Kamus Dewan Edisi ketiga* (2002), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 69.

¹⁵ *Ibid.*, hal. 1208

¹⁶ Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, *op.cit.*, hal.190.

¹⁷ *Kamus Dewan, op.cit.*, hal. 194.

¹⁸ Departemen Pendidikan dan Kebudayaan (1988), *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Jakarta: Balai Pustaka, hal. 313.

negeri Aceh pernah menjadi sebuah negara Islam teragung di Nusantara yang berdiri sendiri (merdeka), namun demikian pada hari ini Aceh lebih dikenali sebagai sebahagian daripada wilayah Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI)

1.7. Tinjauan Kajian-Kajian Terdahulu

Kajian-kajian terhadap karya-karya sastra memang telah banyak dilakukan oleh para penyelidik sebelum ini. Tetapi penulis tidak menemui suatu kajian khusus mengenai hal-hal yang ingin penulis kaji, iaitu tentang aspek-aspek sejarah yang terdapat dalam hikayat (sastra) Aceh sehingga dapat di jadikan sebagai sumber penulisan sejarah. Karya-karya sastra (hikayat) di negeri Aceh masih kekal sehingga kini dan dapat dipelajari untuk kepentingan kajian dalam penulisan penulis.

Hasil penelitian mengenai sastra secara umum pernah ditulis oleh A. Hasjmy, bertajuk "*Sumbangan Kesusasteraan Aceh Dalam Pembinaan Kesusasteraan Indonesia*". Dalam karya ini A.Hasjmy menghuraikan mengenai bahasa sebagai alat penghubung antara masyarakat kerana sebelum bahasa Melayu disatukan dengan bahasa Indonesia, telah berkembang kesusasteraan dalam bahasa Melayu di Nusantara.

Begitu juga Nab Bahany As, dalam artikelnya pada akhbar harian Waspada, yang bertajuk *Hamzah Fansuri Pelopor Sastra Melayu*, beliau menjelaskan kewujudan karya sastra Hamzah Fansuri yang pernah ditulis lima ratus tahun yang lalu, sehingga bahasanya masih memiliki nilai sastra yang paling tinggi dan sesuai dengan keadaan zaman sekarang.

Bakar Hatta dalam karyanya, *Sastera Nusantara Suatu Pengantar Studi Sastra Melayu*, menghuraikan Hikayat Raja-raja Pasai (HRP) merupakan sebuah karya sastera tertua jika dibandingkan dengan karya sastera sejarah yang lain. Sedangkan Teuku Ibrahim Alfian dalam bukunya yang berjudul, *Wajah Aceh Dalam Lintasan Sejarah*, menghuraikan tentang Hikayat Perang Sabil yang dihasilkan sekitar abad ke *XVII* dapat dijadikan sebagai senjata yang sangat berbahaya dalam membuat perlawanan terhadap musuh yang ingin merampas kedaulatan Aceh ketika itu, terutama sekali pihak Belanda.

Raden Hoesein Djajaduningrat dalam bukunya yang bertajuk *Kesultanan Aceh (Suatu Pembahasan Tentang Sejarah Kesultanan Aceh Berdasarkan Bahan-bahan Yang terdapat Dala Karya Melayu)*, beliau menghuraikan tentang sejarah kesultanan Aceh berdasarkan naskah-naskah Melayu. Di samping penggunaan hikayat tempatan, beliau juga mengambil beberapa bahan ataupun naskah-naskah perbandingan daripada orang-orang Eropa mengenai kesultanan Aceh.

Seorang Orientalis Barat Snouck Hurgronje dalam karyanya *Aceh di Mata Kolonealis*, yang diterjemahkan oleh Ng. Singarimbun, beliau juga menghuraikan dalam sub-bab karyanya mengenai kisah-kisah bersejarah di Aceh, berdasarkan beberapa isi karya sastera (hikayat Aceh) itu sendiri.

Berdasarkan kajian-kajian atau bacaan lepas, penulis mendapat gambaran sebenar dalam penulisan ini. Kajian-kajian lepas lebih menumpukan kepada peranan umum kesusasteraan itu sendiri. Manakala penulis pula ingin mengkaji mengenai bahagian-bahagian penting yang dapat di ambil daripada karya sastera (hikayat) yang

pernah dihasilkan dari abad ke- XV-XIX, atau sejak lahirnya Kerajaan Islam Samudera Pasai hingga Kerajaan Aceh Darussalam.

1.8. Metodologi Penelitian.

Metodologi berasal dari dua perkataan bahasa Yunani iaitu `methodos` yang bererti cara atau jalan¹⁹ manakala perkataan `logos` pula bermakna ilmu.²⁰ Ahmad Mahdzan Ayub menyatakan metodologi memberi maksud satu ilmu pengetahuan sains bagi mencari suatu jawapan.²¹ Jadi, metodologi adalah ilmu tentang cara yang diusahakan sistematis dan objektif dengan tujuan untuk mendapatkan dan mengumpulkan data-data serta fakta yang berhubungkait dengan masalah yang sedang dikaji. Oleh itu, metodologi kajian merupakan asas penting untuk mendapatkan data dan fakta, sehingga sebuah kajian yang menggunakan metodologi yang tepat akan menghasilkan sebuah penyelidikan yang berkualiti.

Adapun data yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah hikayat-hikayat sebagai karya sastra yang sangat popular dikalangan masyarakat Aceh khususnya pada masa dahulu seperti *Hikayat Raja-raja Pasai (HRP)*, *Hikayat Perang Sabil (HPS)*, *Hikayat Malem Dagang (HMD)*, *Hikayat Putroe Gumbak Meuh*, *Hikayat Pocut Muhammad* dan lain-lain yang sampai pada abad ke- XIX. Karya-karya tersebut akan dikaji dan dianalisis untuk dijadikan sebagai sumber penulisan sejarah Aceh.

Selain metode pensejarahan di atas, penulis juga menggunakan metode penyelidikan perpustakaan (*library research*) dalam kajian ini. Ia merujuk kepada

¹⁹ N.K. Koenjaraningrat (1986), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P.T Gramedia, hal. 17.

²⁰ *Ibid.* hal. 3.

²¹ Ahmad Mahdzan Ayub (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi: Satu Pengenalan* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 9.

karya yang telah disempurnakan dalam bentuk tesis, disertasi, buku, monograf, kertas kerja, artikel, jurnal, akhbar dan lain-lain. Data-data tersebut amat berkaitan dengan masalah kajian ini. Daripada sumber-sumber (data) yang diperoleh itu kemudiannya dianalisis secara sistematik untuk mendapatkan sumber asli (*authenticity*) mengkaji kebenaran sumber-sumber tersebut sama ada ia dapat dipercayai ataupun tidak (*credibility*). Ini kerana karya-karya tersebut dapat dijadikan sebagai rujukan dalam menyempurnakan penulisan disertasi ini. Bagi teknik penulisan ini penulis merujuk kepada buku panduan penulisan tesis/disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Metode Analisis Data

Setelah semua data-data dikumpulkan, maka langkah selanjutnya adalah analisis data. Metode ini sesuai yang dicadangkan oleh Neong Muhajir yang disebut dengan proses berfikir secara berulang-alik secara cepat antara induksi, deduksi, abstraksi dan penjelasan.²²

Langkah selanjutnya adalah menggunakan metode induktif iaitu suatu proses analisa data melalui pola dalil-dalil yang bersifat am.²³ Melalui proses ini penulis akan mencari dan mengumpulkan data sehingga persoalan menjadi lebih nyata dan jelas.

Disamping menggunakan metode induktif di atas penulis juga menggunakan metode deduktif iaitu suatu proses analisis data melalui pola fikir dengan mencari pembuktian pada dalil-dalil yang umum terhadap hal-hal yang khusus. Selanjutnya

²² Noeng Muhajir (1998), *Metodelogi Penelitian Kualitatif*, Yogyakarta: Reka Sarain, hal.6.

²³ Dr. Abdul Halim Bin Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hal. 13

adalah penggunaan metode komperatif iaitu melakukan analisis kesimpulan dengan membandingkan terhadap data-data yang diperoleh dalam melakukan penelitian.²⁴

1.9. Sistematika Penulisan

Dalam penulisan disertasi ini penulis membahagikan kepada lima bab berasingan. Pada setiap bab membincangkan secara tersendiri mengenai masalah yang ada. Semua susunan bab telah penulis susun secara rapi bagi menyampaikan maklumat kepada pembaca dalam hal-hal yang berkaitan dengan penulisan disertasi ini.

Dalam bab satu atau pendahuluan, penulis memberikan penjelasan asas tentang rancangan penyelidikan kajian ini. Di samping itu penulis juga menghuraikan sedikit isu-isu penting dalam bab-bab selanjutnya.

Manakala dalam bab dua membincangkan landasan teori yang ada hubungkaitnya dengan tajuk disertasi ini. Iaitu “ Aspek-aspek Sejarah Dalam Karya Sastera (Hikayat) di Zaman Kerajaan Islam Aceh Abad Ke-19. Di sini penulis akan membincangkan mengenai latar belakang sejarah Islam di Aceh dan raja-raja yang memimpin kerajaan tersebut serta penyebarannya ke daerah lain di kepulauan Nusantara ini.

Dalam bab ketiga pula, penulis akan memfokuskan kepada permulaan karya sastera (hikayat) di Aceh serta perkembangannya.

²⁴ *Ibid.*, hal.38

Dalam membahaskan bab ke empat penulis menghuraikan tentang aspek-aspek sejarah dalam karya sastera (Hikayat) serta peranan dan sokongan terhadap penulisan sebuah karya sejarah, terutama sejarah Islam Aceh.

Bab kelima merupakan bab penutup dalam disertasi ini. Dalam bab ini penulis menghuraikan beberapa kesimpulan dan cadangan yang dihasilkan daripada kajian tersebut, setelah keseluruhan isi kandungan dalam tajuk kajian ini dibahas dengan teliti dan cermat.

Universiti Malaysia

BAB II

LATAR BELAKANG SEJARAH ISLAM DI ACHEH

2.1. Pendahuluan

Daerah Istimewa Aceh terletak di hujung Utara Pulau Sumatera, di bahagian paling Barat Negara Republik Indonesia. Kedudukan 95°-98° Bujur Timur dan 2°-6° Lintang Utara. Kedudukan negeri Aceh sangat strategik di laluan pelayaran antarabangsa. Secara geografi letak negeri Aceh adalah sebagai berikut:

1. Sebelah Utara bersempadan dengan Selat Melaka
2. Sebelah Selatan bersempadan dengan Propinsi Sumatera Utara
3. Sebelah Barat bersempadan dengan Samudera Indonesia
4. Sebelah Timur bersempadan dengan Selat Melaka.³¹

Masyarakat Aceh adalah terdiri daripada pelbagai suku bangsa seperti Aceh, Tamiang, Gayo, Alas, Aneuk Jamee, Kluet, Aneuk Laot, Simeulue dan Sinabang yang masing-masing mempunyai budaya dan bahasa yang berbeza-beza antara satu daerah dengan daerah lain.³² Adat resam (budaya) masyarakat Aceh adalah berbeza di antara satu daerah dengan daerah yang lain dan perbezaan itu tetap mencerminkan ciri-ciri keislamannya yang sangat kuat kerana antara adat dan agama (hukum agama) tak dapat dipisahkan. Dalam salah satu pepatah orang tua-tua Aceh yang sangat popular

³¹ Muhammad Umar (2002), *Darah Dan Jiwa Aceh* "Mengungkap Falsafah Hidup Masyarakat Aceh", Banda Aceh: Yayasan Busafat, hal. 1.

³² Al-Chaidar (1999), *Gerakan Aceh Merdeka, Jihat Rakyat Aceh Mewujudkan Negara Islam*, Jakarta: Madani Press, hal. 13.

(*hadis maja*) mengatakan bahawa: *Hukom ngon adat, Lagee zat ngon sifeuet*.³³

Maksudnya : Hukum dan adat laksana zat dengan sifatnya. Adat-istiadat yang berlaku di Aceh sangat mendukung dalam pelaksanaan hukum Islam dan nilai-nilai moral sesuai dengan anjuran agama Islam.

Istilah adat dalam masyarakat Aceh pula bermaksud, suatu kebiasaan atau tradisi yang selalu dilakukan oleh masyarakat dan dikenali sebagai Adat Aceh. Kedudukan adat Aceh berserta hukum tersebut dapat dilihat dalam sebuah *hadis maja* (kata hikmah) yang telah menjadi falsafah hidup dan politik bagi rakyat dan kerajaan Aceh Darussalam berbunyi seperti berikut:

Bahasa Aceh:

*Adat bak Poteu Meureuhoom,
Hukoom bak Syiah Kuala,
Kanun bak putrou Phang
Reusam bak Lakseumana,
Hukoom ngon adat,
Lagee zat ngon sifeut.*

Terjemahannya :

*Pemangku adat di tangan Poteu Meureuhoom,
Hukum di tangan Syiah Kuala,
Hak membuat Undang-undang di tangan Puteri Pahang,
Yang mengawal pelaksanaan adat dan resam berada di
tangan laksamana,
Hukum dengan adat, seperti zat dengan sifatnya.*

Ungkapan kata-kata hikmah di sebelah merupakan pedoman asas bagi hukum adat-istiadat di Aceh, serta pembahagian kekuasaan dalam kerajaan Aceh Darussalam yang maksudnya adalah:

³³A.Hasjmy *et.al.* (1995), *50 Tahun Aceh Membangun*. Banda Aceh: Majelis Ulama Indonesia Daerah Istimewa Aceh bekerja sama dengan Pemerintah Daerah Istimewa Aceh, hal. 38.

1. Kekuasaan eksekutif (politik) dan adat berada ditangan Sultan Imam Malikul Adil sebagai ketua pemerintahan. (*Adat bak Poteu Meureuhoom*)
2. Kekuasaan Yudikatif (hukum) atau pelaksanaan hukum selalu berada di tangan para ulama, pada masa itu Syekh Abdurrauf sebagai ahli hukum dan Kadi Malikul Adil yang terkenal, maka diberi gelaran kepadanya sebagai Syiah Kuala. (*Hukoom bak Syiah Kuala*)
3. Kekuasaan Legislatif atau lembaga yang membuat undang-undang diberi gelaran kepada Putroe Phang (Puteri Pahang), kerana Puteri dari Pahang inilah yang memberikan nasihat kepada Sultan Iskandar Muda, supaya mendirikan sebuah lembaga yang bernama Balai Majlis Mahkamah Mesyuarat Rakyat. (*Kanun bak putrou Phang*)
4. Peraturan protokol (resam), berada ditangan panglima tertinggi Angkatan Perang Aceh (Laksamana). (*Reusam bak Lakseumana*)
5. Dalam keadaan bagaimanapun, adat, qanun dan resam, tak boleh dipisahkan dengan ajaran (hukum) Islam.³⁴

Oleh itu, Van pollen Hoven seorang pakar pengkaji hukum adat dan adat Indonesia dan Snouck Hurgronje seorang orientalis terkemuka bernama Abd al-Ghaffar, sewaktu menjadi penasihat angkatan perang Belanda di Aceh, telah membuat kajian secara teliti dan menyimpulkan bahawa hubungan antara hukum adat dan agama di Aceh adalah hukum. Maka, perbincangan mengenai Aceh dan

³⁴ A.Hasjmy (1976), *59 Tahun Aceh Merdeka di bawah Pemerintahan Ratu*, Jakarta: Bulan Bintang, hal. 123.

kebudayaannya berarti mengungkapkan tentang simbol daripada agama Islam itu sendiri. Itu semua berkat usaha yang dilakukan oleh raja beserta para pimpinan lainnya yang sangat mengutamakan tamadun Islam sebagai peradaban bangsa, kemudian bersatu dengan budaya Aceh sehingga adat serta budayanya pun bersesuaian dan tidak bercanggah dengannya.

Kedudukan negeri Aceh yang sangat strategik dalam laluan perdagangan dan pelayaran antarabangsa maka para pedagang yang berasal dari India, Cina dan Arab mengambil masa untuk berlabuh di pelabuhan-pelabuhan yang ada di daerah pantai Aceh. Selain menjadi pusat perdagangan, pelabuhan itu juga turut dijadikan sebagai pusat penyebaran agama Islam di Nusantara pada masa itu.

Sebelum kedatangan agama Islam ke negeri Aceh, masyarakatnya sudah mempunyai agama dan kepercayaan tersendiri iaitu Agama Hindu-Buddha dan Animisme. Kewujudan agama Hindu-Buddha tersebut juga tidak terlepas daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh penyebar ajaran Hindu-Buddha yang datang daripada India. Kepercayaan kepada perkara-perkara ghaib (Animisme) itu merupakan kepercayaan asli daripada bangsa Indonesia itu sendiri. Sekitar tahun 500 Masihi, di negeri Aceh telah berdiri sebuah kerajaan Hindu-Buddha yang sangat terkenal bernama kerajaan Poli yang mempunyai 136 perkampungan penduduk. Kerajaan ini berdekatan pantai Sigli dan wilayah kekuasaannya sehingga sampai ke daerah Aceh Besar.³⁵

³⁵ Al-Chaidar (1999), *op.cit.*, hal. 13.

Pengaruh ataupun bekas peninggalan agama Hindu-Buddha tersebut sehingga sekarang masih terdapat dalam masyarakat Aceh khususnya, iaitu nama-nama tempat di Aceh yang masih memakai nama Hindu seperti Indrapuri, Indrapura, Indrapatra dan sampai sekarang nama itu masih digunakan. Walau bagaimanapun pengaruh lain juga masih terdapat dalam hal-hal tertentu dalam masyarakat Aceh, namun pengaruh Islam adalah yang lebih kuat dan utama. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Aceh adalah masyarakat terawal memeluk agama Hindu-Buddha dan percaya kepada perkara-perkara ghaib (Animisme) sebelum kedatangan Islam ke sana.

Setelah agama Islam datang, masyarakat yang berada di daerah persisir pantai pulau Sumatera telah menerima Islam dengan senang hati kerana agama Islam yang di bawa oleh mubaligh-mubaligh Islam sebagai pedagang disampaikan dengan penuh kesabaran dan kedamaian. Ini bertujuan di samping menjalankan proses perdagangan mereka juga dapat menjalankan misi dakwah dengan meluas dan berkesan. Maka saudagar-saudagar tersebut diterima dalam masyarakat dengan penuh keakraban dan persaudaraan. Masyarakat setempat mengagumi para saudagar Islam kerana kebanyakannya mempunyai tingkah laku yang baik dan kaya. Ramai di antara saudagar-saudagar tersebut yang berkahwin dengan wanita-wanita tempatan, terutama puteri-puteri dari kalangan istana antara seorang raja dengan seorang puteri raja negeri jiran dan negeri yang ditaklukinya.³⁶ Dengan cara itulah mereka sanggup menyebarkan syiar Islam kepada semua penduduk di daerah tempat mereka bermastautin. Ia dilakukan dengan tujuan untuk menarik minat kerabat keluarga wanita yang dinikahinya untuk memeluk agama Islam. Seperti yang pernah berlaku dalam kerajaan

³⁶Haji Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara (Khususnya Tanah Melayu)*, Malaysia: Al-Rahmah, hal. 74.

Melaka, rajanya telah mengahwini puteri daripada kerajaan Pasai pada tahun 1414 Masihi dan menyebabkan seluruh rakyat negeri itu telah memeluk Islam.³⁷

Setelah agama Islam mulai menguasai Aceh, maka lahirlah kerajaan-kerajaan Islam yang termasyhur di rantau ini, pada umumnya dipimpin oleh raja-raja yang taat beragama dan sekaligus menjadi penyebar agama Islam di daerah lain di kepulauan Nusantara. Perlak merupakan salah satu kerajaan Islam pertama di Alam Melayu kerana menurut Marco Polo dalam perjalanan pulang ke Venetia dari Tiongkok telah singgah di beberapa buah pelabuhan di Sumatera Utara. Beliau mendapati masyarakat yang terdapat sekitar pelabuhan-pelabuhan tersebut masih belum memeluk agama Islam, sedangkan penduduk negeri Perlak (Peureulak) telah menganut agama yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Jadi, menurut Marco Polo penduduk Perlak (Peureulak) merupakan kumpulan (orang) Islam yang pertama di Kepulauan Melayu.³⁸

Meskipun demikian, kerajaan Islam Samudera Pasai juga tak kurang pentingnya, bahkan ada juga yang menganggapnya kerajaan Islam pertama di kepulauan Melayu. Persoalan perbezaan pendapat para pakar sejarah ini akan penulis huraikan satu persatu dalam perbincangan berikutnya mengenai teori-teori bilakah dan di manakah Kerajaan Islam pertama di alam Melayu ini.

Di samping kerajaan Samudera Pasai dan Perlak, terdapat juga kerajaan-kerajaan lain di Aceh seperti: Lamri (Aceh Besar), Barus (Aceh Selatan), Tamiang,

³⁷ *Ibid.*, hal. 75.

³⁸ P.E. De Josselin De Jong (1965), *Agama2 Di Gugusan Pulau2 Melayu*. Abdullah Hussain (terj.) Kuala Lumpur: Oxford University Press, hal. 75.

Perlak (Aceh Timur), Daya (Aceh Barat) dan Lawas (Aceh Tengah).³⁹ Kerajaan-kerajaan inilah kemudiannya disatukan dalam kerajaan Islam *Aceh Raya Darussalam* yang berpusat di Aceh Besar, Banda-Aceh sekarang. Kerajaan Aceh Darussalam muncul di saat kerajaan Pasai telah menampakkan tanda-tanda kemundurannya disebabkan oleh gangguan orang Portugis pada abad ke- 16 Masihi.

Pada masa kerajaan Aceh Darussalam masih berkuasa semua perkembangan ilmu pengetahuan dapat berkembang dengan pesat, sehingga menjadikan Aceh sebagai salah satu dari lima kerajaan Islam terbesar di dunia, selain daripada Istanbul (Turki), Moroko, Isfahan, Persia (Iran) dan India (Mongol). Kebesaran dan kegemilangan Aceh Darussalam pada waktu itu telah memperoleh pengiktirafan daripada Syarif Mekah atas nama Khalifah Islam Turki bahawa Aceh merupakan pelindung bagi kerajan-kerajaan Islam di Nusantara. Hal tersebut diakui oleh sultan-sultan yang ada di Nusantara bahawa kerajaan Aceh berperanan sebagai pelindung dalam menjalankan tugas-tugas kerajaan.⁴⁰

2.2. Kedatangan Islam Ke Aceh

Mengenai perbincangan kedatangan agama Islam ke Aceh sebenarnya identik dengan perbincangan Islam Nusantara pada umumnya. Disebabkan Aceh sebagai bahagian daripada wilayah Nusantara dan kebetulan daerah tersebut mula-mula menerima ajaran Islam, maka penulis mengambil teori-teori pakar sejarah yang mengatakan proses islamisasi di Nusantara tersebut sebagai perbincangannya. Namun dalam teorinya pakar sejarah mempunyai pendapat yang berbeza-beza tentang bila

³⁹ Zakaria Ahmad (1972), *Sekitar Kerajaan Aceh, Dalam Tahun 1520-1675*, Dalam: *Sejarah Perjuangan Rakyat Aceh, Dalam Perang Kemerdekaan 1945-1949* (1985), Dinas Pendidikan Dan Kebudayaan Propinsi Daerah Istimewa Aceh, hal. 11.

⁴⁰ Suara Hidayatullah, Ruhnya Rakyat Aceh, <http://www.hidayatullah.com/sahid/9912/khusus2hl>, 8 Disember 2002.

tarikh ketibaan, daripada mana dan daerah mana yang pertama sekali menerima agama Islam di Nusantara pada umumnya. Maka, telah muncul bermacam-macam teori serta pendapat masing-masing tentang hal ini, mengenai perbezaan pendapat para pakar sejarah tersebut, penulis akan sebutkan satu-persatu teori-teori mereka untuk menguatkan hujahnya iaitu :

(a) Teori Gujerat

Teori ini dinamakan dengan teori Gujerat, kerana megatakan bahawa agama Islam yang berkembang di Nusantara berasal daripada Gujerat. Adapun yang mejadi pelopor teori ini adalah Snouck Hurgronje yang memilih Gujerat sebagai tempat asal agama Islam kerana kurangnya fakta yang menjelaskan peranan bangsa Arab dalam meyebarakan agama Islam ke Nusantara. Alasan yang lain pula bahawa hubungan perdagangan antara Indonesia-India telah terjalin lama, dan daripada inskripsi tertua mengenai Islam yang terdapat di Sumatera menunjukkan hubungan Sumatera dan Gujerat.⁴¹ Teori yang dipelopori oleh Snouck ini mempunyai pengaruh yang sangat kuat terhadap sejarawan Barat mahupun Timur, hal tersebut dapat kita jumpai terhadap buku-buku yang mengisahkan tentang masuknya agama Islam ke Nuantara berasal dari Gujerat. Dr. A. Mukti sebagai seorang ahli dalam ilmu perbandingan agama dalam pandangannya mengenai Asal agama Islam ke Nusantara iaitu :

“Sejarah telah mencatat, bahawa Islam yang datang di Indonesia ini adalah dibawa dari India, dimana Islam tidak lepas daripada pengaruh-pengaruh Hindu. Campurnya Islam dengan elemen-elemen Hindu menambah mudahnya tersiar agama itu di kalangan masyarakat di Indonesia, istimewanya masyarakat Jawa kerana sudah lama kenal dengan ajaran Hindu itu, sebahagian besar daripada tersianya Islam ini adalah hasil pekarjaan kaum sufi dan

⁴¹ H.A. Nawawi Rambe (1979), “*Sejarah Da’wah Islam*”, Jakarta : Wijaya, hal. 319.

*mistik ini dalam beberapa segi bersikap toleran terhadap ajaran asli dan adat kebiasaan yang hidup dan berjalan di tempat itu”.*⁴²

Teori Gujerat di atas juga disokong oleh Prof. Dr. Kreamer dalam bukunya yang bertajuk “Agama Islam” beliau mengatakan bahawa: “..... agama Islam dibawa ke Indonesia bukan dari tanah Arab, tetapi daripada India”. Pendapat yang sama juga mendapat sokongan daripada H.J. Van den Berg. Pendapat beliau berdasarkan pada batu nisan Malik al-Shalih yang wafat pada tahun 1297, kata beliau menurut kajian Muquette yang dilakukan terhadap batu nisan Malik al-Shalih berasal daripada bandar Cambay yang terletak di Gujerat. Berdasarkan itulah beliau mengambil kesimpulan bahawa agama Islam yang masuk ke Indonesia berasal dari Gujerat.⁴³

Walaupun demikian kesimpulan para ahli sejarah di atas, namun tetap mempunyai kelemahannya daripada fakta sejarah, kerana jika berpandukan kepada Gujerat sebagai asal-usul datangnya Islam. Kerana, ketika berdirinya Kerajaan Pasai pada tahun 1042 Masihi, Gujerat belum lagi menganut agama Islam.

(b) Teori dari Tanah Arab

Daerah asal agama Islam masuk ke Indonesia adalah langsung dari Tanah Arab iaitu Mekah atau Madinah. Masa kedatangannya pun bukan pada abad ke-12 atau 13, melainkan pada awal abad ke-7 Masihi, atau pada abad pertama Hijriah iaitu pada masa khulafaur rasyidin memerintah. Islam sudah mulai ekspidiesinya ke Nusantara

⁴² A. Mukti Ali (1964), *Alam Pikiran Modern di Indonesia*, Jakarta: Tinta Mas, hal. 3.

⁴³ Prof. Dr. H. Kreamer and Dr. C.A.O. Van Reiwenhuijze (1952), *Agama Islam*, Jakarta: Penerbit Kristen, hal. 266.

ketika khalifah Abu Bakar, Umar bin Khattab, Utsman bin Affan dan Ali bin Abi Thalib memegang kendali sebagai amirul mukminin.

Teori Tanah Arab (Mekah), pada hakikatnya merupakan pembetulan terhadap teori Gujerat dan bantahan terhadap teori Parsi. Di antara ahli yang menganut teori ini adalah T.W.Arnold, Crawford, Keijzer, Niemann, De Holander, Prof. Syed Naguib Naguib Al-Attas, A.Hasymi dan Hamka.

Dr. Hamka, pada hari ulang tahun Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri (P.T.A.I.N) ke-VIII, tahun 1959 di Jogjakarta, mengoreksi terhadap teori yang mengatakan bahawa agama Islam berasal daripada Gujerat. Beliau berpendapat bahawa agama Islam berasal daripada Tanah Arab (Mekah), hal tersebut di dasarkan kepada pengaruh mazhab Shafi'i di Indonesia dari permulaan sampai kepada perkembangannya di Indonesia. Sebagai bukti bahawa agama Islam di Indonesia dibawa langsung dari Mekah. Alasan lain yang dikemukakan beliau adalah :

1. Raja-raja di Pasai diberi gelaran "Al-Malik" dan bukan gelaran "Shah" atau "Khan" sepertimana tradisi gelaran yang diberikan kepada Raja Parsi dan India. Besar kemungkinan bahawa pemakaian gelaran Al-Malik di Pasai tersebut ada hubungkait dengan Mesir, kerana gelaran raja Mamluk selepas keturunan Salahuddin semuanya memakai gelaran Al- Malik.⁴⁴
2. Di Mekah ada ulama yang disebut "Al Jawi". Pada abad ke--XIII iaitu pada zaman Ibn Batutah, sudah ada ulama-ulama dari Jawi⁴⁵ yang mengajar tasauf di

⁴⁴ Hamka (1962), "Mazhab Syafi'i di Indonesia", *Gema Islam VII*, No.7, May 1962, hal. 16.

⁴⁵ Yang dimaksud ulama Jawi adalah ulama Nusantara

Mekah. Sepertimana catatan Syaikh Yusuf bin Ismail Nabhani dalam bukunya *Djami' Kiramat al-Aulia* menyebutkan bahawa Syaikh Abdullah Al-Jafi'i, guru tasauf yang sangat terkenal di Mekah adalah murid Syaikh Abdullah Mas'ud bin Abdullah Al-Jawi.⁴⁶

3. Mengenai batu nisan yang berasal dari India yang terdapat di Indonesia tidak boleh menjadi alasan bahawa Islam masuk ke Indonesia berasal dari India, tetapi daripada Mekah. Hal ini terjadi semasa Syaikh Ismail sebagai utusan Syarif Mekah yang singgah di Malabar mengambil guru keturunan Saidina Abu Bakar Shiddiq.⁴⁷

Pendapat mahupun alasan yang dikemukakan oleh Hamka di atas tersebut mendapat sokongan daripada Dahlan Mansur beliau merujuk kepada Hikayat Raja-raja Pasai iaitu: "Penduduk daerah itu hendaklah langsung diIslamkan dari Mekah, kerana kerajaan itu akan banyak menghasilkan Wali Allah, iaitu penyebar agama Islam".⁴⁸

(c) Teori Parsi

Hoesein Djajadiningrat, dalam teorinya (teori Parsi) mengenai masuknya agama Islam ke Nusantara pada umumnya sangat berbeza dengan teori Gujerat dan Mekah, namun demikian ada sedikit persamaan dalam hal Gujerat dan Mazhab Shafi'i-nya. Dalam teori Parsi ini lebih mengutamakan tinjauannya kepada kebudayaan yang berkembang dalam masyarakat Islam Indonesia yang mempunyai persamaan dengan Parsi, antara lain adalah :

⁴⁶ Hamka (1963), "*Masuk dan Perkembangan Agama Islam di Pesisir Sumatera Utara*", Gema Islam, No. 31, May 1963, hal. 12

⁴⁷ Hamka (1961), *Sejarah Umat Islam*, Bukit tinggi, Jakarta: N.V. Nusantara, hal. 660-662.

⁴⁸ M.D. Mansoer (1962), "Masuk dan Berkembangnya Agama Islam", *Gema Islam XVI*, No.7 September 1962, hal. 20.

Pertama, merayakan 10 Muharram (Asyura) sebagai perayaan untuk mengingati atas wafatnya Hasan dan Husain, cucu Rasulullah. *Kedua*, mempunyai kesamaan fahaman antara Syaikh Siti Jenar dan ajaran Sufi Iran Al-Hallaj. *Ketiga*, mengenai penggunaan istilah bahasa Iran dalam sistem mengeja huruf Arab misalnya jabar (zabar), jer (ze-er), p'es (py'es). Sedangkan bahasa Arab yang sebenarnya adalah : *fathah, kasrah, dhammah*. Begitu pula dengan huruf sin yang tidak bergigi berasal daripada Parsi, sedangkan huruf sin yang bergigi berasal daripada Arab. *Keempat*, nisan pada makam Malik al-Shalih (1297M) dan makam Malik Ibrahim (1491M) di Gresik dibawa daripada Gujerat, di sinilah letak persamaan dengan teori Gujerat. *Kelima*, pengakuan umat Islam itu sendiri terhadap mazhab Shafi'i sebagai mazhab yang paling berpengaruh di daerah Malabar.⁴⁹ Dengan demikian bahawa, Islam masuk ke Nusantara pada abad ke-13 Masihi dan daerah yang mula-mula sekali menerima Islam adalah Samudera Pasai.

2.3. Penubuhan Kerajaan Islam Di Aceh

Dalam seminar tentang masuknya Islam ke Indonesia yang pernah dilaksanakan di Medan Sumatera Utara pada 17 hb Mac 1963 dan di Banda-Acheh pada tarikh 10-16 Julai 1978, dapatlah diambil kesimpulan bahawa daerah yang pertama sekali menerima Islam ialah daerah pesisir Sumatera. Tidak beberapa lama kemudian terbentuklah sebuah kerajaan Islam maka raja Islam yang pertama berada di Aceh dan kerajaan Islam pertama adalah Perlak, Lamuri dan Pasai.⁵⁰

⁴⁹ P.A. Hosein Djajadiningrat (1963), "Islam di Indonesia", dalam Kenneth Morgan (ed) . *Islam Djalan Mutlak*, Abu Salamah (terj.), Jakarta: PT. Pembangunan, hal. 140-199.

⁵⁰ A. Hasjmy (1981), "Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia". (Kumpulan prasaran pada seminar di Aceh). Bandung: Pt. Alma'arif penerbit percetakan offset, hal. 143.

Mengenai kerajaan Perlak (Puereulak), tersebut dalam naskah Melayu : *Idhār al-Hāq fī Mamlakāti al-Ferlah al-Fasī*, yang dikarang Abū Iṣḥāk Makarani Al-Fasī, menegaskan bahawa kerajaan Islam pertama di Nusantara adalah kerajaan Islam Perlak (Peureulak) yang didirikan pada satu Muharram 225H (840M) dan raja yang pertama iaitu sultan Alaidin Sayid Maulana ‘Abdul al-Aziz Syah.⁵¹

Dalam naskah Melayu lainnya juga mengatakan bahawa kerajaan Islam Perlak merupakan kerajaan Islam pertama yang ditubuhkan pada awal abad ke--3 Hijrah. Meskipun demikian terdapat juga perbezaan tarikh dan tahun serta tempatnya, ini mungkin suatu kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menulis selepas itu.

Penubuhan kerajaan-kerajaan Islam di negeri Aceh tidak terlepas daripada usaha-usaha yang telah dilakukan oleh para saudagar atau sebagai mubaligh Islam yang datang dari India, Gujerat dan Arab. Dalam hal ini, Hamka berpendapat bahawa Islam dibawa oleh saudagar-saudagar Islam yang asasnya ialah orang-orang Arab dan kemudian diikuti oleh orang-orang Parsi dan Gujerat.⁵² Mengenai orang-orang yang terlibat dalam hal penyebaran Islam ke Indonesia, Prof Hj. Abu bakar Atjeh juga menyebut bahawa penyebar Islam pertama di Indonesia tidak hanya terdiri dari saudagar India dan Gujerat, tetapi juga mubaligh Islam bangsa Arab.⁵³ Pada awalnya agama Islam diperkenalkan kepada orang-orang yang berada di kawasan persisiran yang berdekatan dengan bandar sahaja kerana kedua-dua daerah ini mudah dikunjungi oleh pendakwah Islam, sedangkan pada waktu itu daerah-daerah pedalaman yang jauh dari pantai masih manganut agama Hindu dan Animisme.

⁵¹ *Ibid*, hal. 144.

⁵² Hamka, (1963), “Masuk dan Berkembangnya Agama Islam di Daerah Pesisir Sumatera”, (Kertas Kerja Seminar Kertas Kerja Seminar Masuknya Islam ke Indonesia di Medan 17-20 Maret 1963), hal. 40.

⁵³ Abu Bakar Atjeh (1971), *Sekitar Masuknya Islam ke Indonesia*, Solo: Penerbit Ramadhani, hal. 21.

Dalam suatu riwayat mengatakan bahawa satu rombongan para pendakwah yang berjumlah 100 orang yang terdiri dari bangsa Arab-Parsi yang tiba di Perlak (Peureulak) pada tahun 800 M.⁵⁴ Mereka ini sebagai pembawa ajaran Islam dan sekaligus sebagai saudagar di negeri Perlak yang masih menganut agama Hindu dan Animisme. Mereka meninggalkan negeri negerinya sehingga menetap di Timur Jauh terutama sekali ke China dan Asia Tenggara. Rombongan angkatan dakwah inilah yang berlabuh di Bandar Perlak dan diberi nama oleh Nakhoda Khalifah.⁵⁵ Di daerah Perlak (Peureulak) inilah mereka berjaya mengislamkan Meurah Peureulak⁵⁶ beserta rakyatnya dalam masa kurang dari setengah abad.

Ketika rombongan khalifah tersebut berada di Perlak mereka mengahwini anak dara tempatan di antaranya dari suku Quraisy mengahwini puteri Meurah, sehingga lahirlah Syed 'Abdul 'Aziz Syah yang kelak menjadi raja pertama dari kerajaan Perlak pada tahun 840 M. Sewaktu kekuasaan sultan 'Abdul al-'Aziz Syah inilah terjadinya perubahan nama ibukota kerajaan Bandar Perlak menjadi Bandar Khalifah, ini semua untuk mengenang kembali kepada Nakhoda Khalifah yang telah berjasa dalam penyebaran Islam di negeri Perlak.⁵⁷ Di samping kerajaan Perlak, kerajaan Islam Pasai juga mempunyai peranan yang sangat penting dalam hal pengembangan agama Islam dan perdagangan di rantau ini, kerana kerajaan Islam Pasai merupakan kerajaan kedua yang pernah muncul di Aceh setelah kerajaan Perlak.

⁵⁴Abdurahman Haji Abdullah (1990) *Pemikiran Ummat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke—19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 37.

⁵⁵Jakob Sumardjo, Awal Masuknya Islam ke Indonesia, <http://www.pikiranrakyat.com/prcetak/112001/06/0803.htm>. 06 November 2002.

⁵⁶Meurah Peureulek adalah gelaran yang diberikan kepada keturunan raja yang memimpin kerajaan Perlak

⁵⁷ A. Hasjmy (1981), *op.cit.*, hal. 147.

Syarif Mekah dalam kunjungannya ke Pasai yang diketuai oleh Syeikh Ismail Zarfy dapat melihat sendiri kemajuan dalam bidang agama Islam, politik, ekonomi dan kebudayaan. Mereka menyaksikan bahawa kerajaan Pasai sangat maju dan makmur, rakyatnya bermazhab Syafi'i dan berakidah '*Ahl al-sunnah wal Jamā'ah*'.⁵⁸ Oleh kerana itu, Syarif Mekah tersebut memberikan gelaran Malik al-Shalih kepada Meurah Silu sempena kepada raja Mesir yang sedang menghadapi perang Salib serta menghadiahkan sebuah al-qur'an bertinta emas kepada Malik al-Shalih.⁵⁹

Di Negeri Aceh bukan hanya kerajaan Islam Perlak dan Pasai sahaja yang telah muncul dan berperanan dalam mengembangkan ajaran Islam di bumi Nusantara ini, namun ada juga kerajaan-kerajaan kecil yang lain juga pernah berkuasa sebelum disatukan ke dalam sebuah kerajaan besar yang berpusat di Aceh Darussalam (Banda Aceh sekarang). Kerajaan-kerajaan kecil tersebut iaitu Lamuri, Pidier, Taimiang, Lingga, Isak dan Daya.

Mengenai kerajaan Lamuri ini sudah terkenal sebelum agama Islam masuk ke negeri Aceh, kerana di bahagian Utara Sumatera waktu itu telah wujud dua kerajaan yang terkenal di luar negara iaitu Lamuri dan Pasai. Kerajaan Lamuri berkedudukan di Aceh Besar kini sedangkan Pasai di Aceh bahagian Utara (Lhok' Seumawe) sekarang. Setelah penggabungan kerajaan-kerajaan kecil itulah kerajaan Aceh Darussalam menerima cabaran dan kekuatan yang lebih besar dalam menghadapi segala pengaruh yang datang dari luar negara.

⁵⁸ Mohammad Said (1961), *Aceh Sepanjang Abad*, Medan: Waspada, hal. 13.

⁵⁹ M. Yunus Jamil (1968), *Tawarich Raja-raja Kerajaan Atjeh*. Banda Aceh : Kodam Iskandar Muda, hal. 5.

2.3.1. Kerajaan Perlak (Peureulak)

Perlak (Peureulak), merupakan nama sebuah daerah yang terletak di Aceh Timur. Nama tersebut berasal daripada nama pokok kayu besar "*Kayei Peureulak*" (kayu Perlak) yang digunakan untuk membuat perahu oleh para nelayan. Pada masa dahulu nama Perlak sangat terkenal dikeranakan faktor kedudukan pelabuhan tersebut yang sangat strategik dalam pelayaran antarabangsa, di samping Perlak juga merupakan daerah yang paling awal menerima ajaran Islam di Asia tenggara serta peranannya terhadap penyebaran agama Islam ke daerah-daerah lain di Nusantara.

Dengan banyaknya manfaat kayu Perlak tersebut maka dinamakanlah daerah tersebut sebagai Perlak, bahkan sebelum agama Islam masuk ke negeri Perlak para pedagang dari China, Arab, India, Parsi, Portugis dan negeri-negeri lain singgah di pelabuhan Perlak tersebut, mereka menamakan bandar ini dengan "Bandar Perlak."⁶⁰ Saudagar-saudagar Islam yang datang ke pelabuhan Perlak di samping menjalankan perniagaannya juga berperanan sebagai pendakwah. Bahkan ada di antara mereka bermastautin di negeri Perlak mulai awal abad XI Masihi. Sebahagian daripada mereka ada yang berketurunan 'Arab suku Quraisy yang telah menikahi seorang puteri daripada keturunan raja Perlak (Muerah Peureulak) yang beragama Hindu.

Perlantikan Sultan 'Alaiddin Syah sebagai Sultan yang pertama dalam kerajaan Perlak mendapat sokongan daripada semua pihak terutama daripada saudagar-saudagar Islam. Hal ini kerana dengan penobatan Sultan 'Alaiddin Syah dalam kerajaan tersebut telah dapat menjalankan usaha untuk menyebarkan agama Islam keseluruh pelusuk daerah dan dapat mempertahankan kedudukan mereka dalam dunia perdagangan serta

⁶⁰ A.Hasjmy (1981) *op.cit.*, hal. 152.

melindungi pusat-pusat perniagaan mereka.⁶¹ Perlak, Pasai, dan Lamuri pada masa itu merupakan beberapa pusat bandar niaga dan sekaligus sebagai daerah pengeksport lada yang paling utama dalam dunia perdagangan antarabangsa.

Peranan kerajaan Perlak mulai lemah semenjak kerajaan Pasai berkembang dengan maju dan pesat, sehingga berakhirnya kerajaan Perlak pada tahun 1289 M. Pada ketika itu, Sultan Malik al-Shalih dari Samudera Pasai telah menjadikan Perlak bahagian daripada kekuasaanya.

Dinasti Maulana Syed 'Abdul Aziz Syah yang memimpin kerajaan Peureulak adalah seperti berikut :

1. Sultan 'Alaiddin Syed Maulana 'Abdul al-'Aziz Syah (225-249 H/840-864 M).
2. Sultan 'Alaiddin Syed Maulana 'Abdurahim Syah (249-258 H/864-888 M).
3. Sultan 'Alaiddin Syed Maulana 'Abbas Syah (258-300 H/888-913 M).
4. Sultan 'Alaiddin Syed Maulana 'Ali Mughayat Syah (302-305 H/915-918 M).

⁶²

Pada zaman pemerintahan sultan yang keempat iaitu Sultan 'Alaiddin Syed Maulana 'Ali Mughayat Syah, telah terjadi huru hara dalam kerajaan disebabkan oleh perebutan kuasa antara dua keturunan yang berbeza iaitu keturunan Sayyid 'Abdul 'Aziz yang berbangsa 'Arab-Quraisy berfahaman Shi'ah dengan keturunan Meurah Perlak iaitu penduduk tempatan yang berfahaman 'Ahl al-sunnah wal Jamā'ah.

⁶¹ *Ibid*, hal.17.

⁶² A.Hasjmy (1981). *op.cit.* hal. 198.

Perebutan kuasa tersebut dimenangi penduduk tempatan iaitu yang keturunan Meurah Perlak. Maka Sultan Makhdum 'Alaiddin 'Abdul Kadir Syah berketurunan Meurah Perlak telah donobatkan sebagai Sultan yang pertama memerintah pada tahun (306-310 H/ 928-932 M).⁶³

Peralihan kuasa kepada Sultan 'Abdul Kadir Syah bukanlah bermakna kerajaan tersebut menjadi aman tetapi usaha-usaha ke arah perebutan kembali kekuasaan tetap diusahakan oleh pihak yang ingin berkuasa. Maka terjadilah perpecahan dalam kerajaan tersebut sehingga mempunyai dua kuasa pemerintahan iaitu Perlak Utara dan Perlak Selatan. Perlak Utara dipimpin oleh Sultan Makhdum 'Alaiddin Malik Ibrahim dari keturunan Syed 'Abdul al-'Aziz. Perlak Selatan pula telah dipimpin oleh Sultan 'Alaiddin Mahmud Syah dari keturunan Meurah Perlak.⁶⁴ Para Sultan Dinasti Makhdum Johan Berdaulat berketurunan Syed 'Abdul al-'Aziz yang memerintah pada tahun 306 H//918 M-662 H/ 1263 M adalah:

1. Sultan Makhdum 'Alaiddin Malik 'Abdul Kadir Shah Johan Berdaulat (306-310 H/ 918-922 M).
2. Sultan Makhdūm 'Alaiddin Malik 'Alaiddin Malik Muhammad 'Amin Shah Johan berdaulat (310-334 H/ 922-946 M).
3. Sultan Makhdum 'Alaiddin 'Abdul Malik Shah Johan Berdaulat, (334-361 H/946-973 M).
4. Sultan Alaiddin Syed Maulana Mahmud Syah (365-377 H/976-988 M) dari golongan Shi'ah.
5. Sultan Makhdum 'Alaiddin Malik Ibrahim Syah Johan berdaulat (365-402 H/976-1012 M) dari golongan Ahl-Sunnah.
6. Sultan Makhdum Malik Mansur Syah Johan Berdaulat, (402-450 H/1012-1059 M).

⁶³ *Ibid*, hal. 199.

⁶⁴ Edi S Ekdjati (1975), *penyebaran Agama Islam Di pulau Sumatera*. Bandung: Pt Sangabuana, hal.18.

7. Sultan Makhdum 'Alaiddin Malik Mansur Syah Johan Berdaulat, (450-470 H/1059-1078 M).
8. Sultan Makhdum 'Alaiddin Malik 'Abdullah Syah Johan Berdaulat, (470-501 H/1078-1108 M).
9. Sultan Makhdum 'Alaiddin Malik 'Ahmad Syah Johan Berdaulat, (501-527 H/1108-1134 M).
10. Sultan Makhdum 'Alaiddin Mahmud Syah Johan Berdaulat, (527-552 H/1134-1158 M).
11. Sultan Makhdum 'Alaiddin Malik Usman Syah Johan Berdaulat, (552-565 H/1158-1170 M).
12. Sultan Makhdum 'Alaiddin Malik Muhammad Syah Johan Berdaulat, (565-592 H/1170-1196 M).
13. Sultan Makhdum 'Alaiddin Malik Abdul Jalil Syah Johan Berdaulat, (592-622 H/1196-1225 M).
14. Sultan Makhdum 'Alaiddin Malik Muhammad 'Amin Syah II Johan Berdaulat, (622-662 H/1225-1263 M).⁶⁵

Walaupun pada akhirnya perpecahan antara dua kelompok yang berbeza keturunan dan fahaman tersebut dapat disatukan kembali oleh Sultan berikutnya iaitu Makhdum 'Alaiddin Malik Ibrahim, tetapi ia tidak membawa kepada kebaikan dan kekuatan dalam kerajaan tersebut. Malah ia menjadi faktor awal kepada kehancuran, dan dengan itu kerajaan Perlak telah digantikan oleh kerajaan berikutnya iaitu kerajaan Pasai.

2.3.2. Kerajaan Pasai

Pasai merupakan nama suatu daerah yang letaknya di antara Sungai Jambo Aye` dengan sungai Pase` (Pasai) di daerah Utara Aceh, iaitu kawasan Lhok-Seumawe sekarang. Untuk menjelaskan kedudukan daerah Pasai tersebut, maka penulis mengemukakan pendapat ini : Pasai merupakan nama sebuah kampung kecil

⁶⁵ Hasanuddin Yusuf Adan (2005), *Sejarah Aceh Dan Tsunami*, Jogjakarta: Ar-Ruzza Media, hal. 55-56

terletak di sebelah kiri sungai Pasai tidak berapa jauh dari Lhok-Seumawe, tidak jauh dari tempat ini terdapatnya kubur-kubur lama semasa kerajaan Samudera Pasai pada tahun 1421 M, mungkin di daerah inilah terletak kota bernama Pasai.⁶⁶

Bandar Pasai tidak terlalu jauh kedudukannya daripada Samudera disebabkan oleh perluasan bandar. Mengenai hal ini Muhammad Said menjelaskan :

“Samudera telah maju dan berkembang, yang jelas adalah perkembangan penduduknya, sehingga Malikul Shaleh memerlukan perluasan negeri, agar penduduk tidak terlalu padat. Sejak itulah kerajaan dinamai dengan kerajaan Samudera Pasai. Adapun perkembangan kerajaan selanjutnya lebih terpusat di Pasai, sehingga akhirnya fungsi Pasai lebih penting daripada Samudera.”⁶⁷

Mengenai penubuhan bandar Pasai semasa zaman Malik al-Shalih, Sejarah Melayu menceritakan bahawa :

“Telah pagi-pagi hari maka sultan Malikul Shaleh pun berangkat naik gajah yang bernama Perma Dewana, lalu berjalan ke seberang datang ke pantai, maka anjing yang bernama si Pasai itupun menyalak. Maka sultan Malikul Shaleh pun segera mendapatkan anjing itu, maka dilihatnya yang salak itu tanah tinggi kira-kira seluas tempat istana dengan kelengkapannya, terlalu amat baik seperti tempat ditambak rupanya. Maka oleh Sultan Malikul Shaleh tanah tinggi itu disuruh baginda tebas, maka diperbuatnya istana, maka dinamainya Pasai menurut nama anjing itu.”⁶⁸

Muhammad Said dalam bukunya Aceh Sepanjang Abad menghuraikan pendapat Moen (sarjana Belanda) seperti berikut:

Bahawa asal-usul perkataan Pasai adalah dari kata Parsi dengan keterangan bahawa sejak abad ke-lima Masihi saudagar bangsa

⁶⁶ Panitia Seminar Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia (1963), *Risalah Seminar Masuknya Islam ke Indonesia*, hal. 105.

⁶⁷ Mohammad Said (1961), *op.cit.*, hal. 37.

⁶⁸ Tarjan Hadi Jaya (1951), *Sejarah Melayu*, Jakarta : Sapta Darma, hal. 75.

'Arab (Persia) datang berniaga dan bermustautin di daerah itu kemudian daerah tersebut terkenal dengan nama Pasai.⁶⁹

Manakala persepsi Hamka terhadap asal usul tentang nama Pasai adalah :

Pasai berasal dari perkataan pasir yang disebut menurut lidah Aceh. Demikian juga seperti orang Aceh menyebut kafir menjadi kafe. Sebab pase (Pasai) yang juga nama tempat yang terletak ditepi pasir pantai Utara Sumatera. Oleh karena orang Aceh dalam mengucapkan bahasa asalnya tidak mengucapkan huruf R diakhir kata, seperti kata Semelur menjadi Semeulu, jambu air menjadi Jambo Aye, Teuku Umar menjadi Uma, Pasir menjadi Paseh.⁷⁰

Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa asal-usul nama Pasai itu adalah berpadan dengan nama seekor anjing Malik al-Shalih, dan nama Samudera serupa dengan asal usul nama Pasai. Untuk mendapat penjelasan mengenai hal tersebut, maka ikutilah cerita ringkas ini.

Malik al-Shalih sebelum memeluk Islam lebih dikenali sebagai Meurah Silu. Pada suatu hari anjing peliharaannya ternampak seekor semut lalu ia menyalak sehingga diberi nama tempat itu Samud yang bermaksud semut. Kemudian tempat itu lebih dikenali dengan nama Samudera yang kelak menjadi pusat kerajaan Islam.⁷¹ Berdasarkan hasil daripada cerita-cerita di atas maka dapatlah kita simpulkan bahawa nama Meurah Silu telah diganti dengan nama Malik al-Shalih setelah Islamnya, ia adalah seorang raja yang memerintah kerajaan Pasai serta membawa kepada kemajuan bandar tersebut.

⁶⁹ Mohammad Said (1961), *op.cit.*, hal. 38.

⁷⁰ Hamka (1963), Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, hal. 73.

⁷¹ Tarjan Hadi Jaya, *op.cit.*, hal.73.

Penubuhan kerajaan Islam Samudera Pasai tersebut bermula dengan datangnya seorang daripada keluarga kerajaan Perlak bernama Meurah Khair. Beliau datang untuk mengembangkan ajaran Islam dengan harapan dapat menubuhkan kerajaan Islam di Pasai. Dengan pelbagai usaha yang dilakukan akhirnya wujudlah kerajaan Pasai pada tahun 433 H/1042 M. Setelah penubuhan kerajaan tersebut raja pertama adalah Meurah Khair atau dengan sebutan lain Maharaja Mahmud Syah, yang memerintah sehingga tahun 470 H/1078 M.⁷² Silsilah Raja-raja dari kerajaan Pasai adalah seperti berikut:

1. Maharaja Mahmud Syah (Meurah Giri), 433-470H/1042-1078.
2. Maharaja Mansur Syah, 470-527 H/ 1078-1133.
3. Maharaja Khiyasyuddin Syah, 527-550 H/ 1133-1155.
4. Maharaja Nurdin Sultan al Kamil, 550-607 H/1155-1210.
5. Sultan Malikus Shalih, 659-688 H/1261-1289.
6. Sultan Muhammad Malikul Dhahir, 688-725 H/ 1289-1326.
7. Sultan Ahmad Malikud Dhahir, 725-750 H/ 1326-1350.
8. Sultan Zainuddin Malikul Az -Zahir, 750-796 H/ 1350-1394.
9. Sultan Zainal 'Abidin, 1383-1400 M.
10. Malikh Nihrasiyah Rawangsa Khadiyu, 801-831 H/ 1400- 1428.⁷³

Sebelum kerajaan Islam Samudera Pasai bergabung dengan kerajaan Aceh yang berpusat di Aceh Besar, kerajaan Pasai berjaya mengembangkan ajaran Islam dengan baik dan menjadikan kerajaan tersebut sebagai contoh bagi kerajaan-kerajaan yang muncul kemudiannya. Contohnya dalam hal lembaga–lembaga negara yang

⁷² M. Arifin Amin *et al.* (1972), “Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh” (Risalah Seminar Sejarah Masuk Islam di Aceh Timur 1972), Majlis Ulama Aceh Timur, hal. 12.

⁷³ M. Yunus Djamil (1968), *Silsilah Tawarich Radja-radja Kerajaan Atjeh*, Banda Aceh : Kodam Iskandar Muda, hal. hal. 14.

teratur seperti lembaga pertahanan, laut dan darat, begitu juga dalam struktur pemerintahan yang memiliki kabinet yang dipimpin oleh Perdana Menteri Sri Kaya Said Khiatuddin. Manakala Mahkamah Agung pula diketuai oleh Mufti besar yang bernama Sayyid 'Ali bin 'Ali al-Makarani. Menteri Luar Negeri pada masa itu ialah Bawa Kaya 'Ali Hisamuddin al-Malabari.⁷⁴

Permulaan penyusunan struktur pentadbiran kerajaan tersebut telah bermula pada zaman Sultan Malik al-Shalih. Maka oleh itu, Syaikh Ismail al-Zarfi telah memberikan gelaran kepada Meurah Silu iaitu "Sultan Malik al-Shalih". Pada waktu itu gelaran tersebut hanya dipakai oleh Raja Mesir "Sultan Malik al-Shalih Najmuddin al-Ayubi" yang sedang menghadapi perang Salib.

Samudera Pasai semasa pemerintahan al-Malik al-Zahir sangat maju dalam segala hal sama ada dalam hal ehwal perkembangan Islam mahupun dalam hal perdagangan. Maka dalam hal ini Mohd. Ali pengarang buku "Peranan Bangsa Indonesia Dalam Sejarah Asia Tenggara" menerangkan bahawa perkembangan perdagangan dalam pelbagai faktor di Kerajaan Samudera Pasai pada masa itu menarik minat pedagang-pedagang yang berasal dari Mesir, Arab, India, iaitu Gujerat dan Cambay. Mereka berlayar melalui jalan laut pelayaran Selat Melaka menuju ke Ceylon dan singgah di Samudera Pasai. Pasai pada masa tersebut menjadi pusat perdagangan yang sangat maju pada abad ke- XIV.⁷⁵

⁷⁴ Al-Chaidar (1999), *op. cit.*, hal. 21.

⁷⁵ Mohd. Ali (1963), *Peranan Bangsa Indonesia Dalam Sejarah Asia Tenggara*. Jakarta: Bratara, hal. 116.

Faktor perdagangan merupakan faktor utama yang menjadikan kerajaan Pasai pada masa itu sebagai sebuah kerajaan yang besar, menjalinkan hubungan dengan kerajaan kecil lain yang di sekelilingnya dengan sangat baik dan harmoni. Namun, kerajaan Pasai menghadapi masalah seperti masyarakat yang bukan beragama Islam tidak bersikap tolak ansur mengenai cukai yang harus dibayar oleh mereka. Hal tersebut pernah diceritakan oleh Ibnu Batutah dalam perjalanannya ke Sumatera tentang Raja Malikul Zahir berkaitan perkara tersebut, “Dia seorang yang bersungguh-sungguh dan menjunjung tinggi nilai-nilai agama serta amat tegas terhadap negeri-negeri jiran yang membayar cukai kepadanya jika mereka belum beragama Islam”.⁷⁶

Hubungan baik antara kerajaan-kerajaan lain pula dijelaskan oleh Muhammad Yamin seperti berikut, “Hubungan baik antara negeri Pasai dan Peureulak berlaku apabila permaisuri kerajaan Samudera berasal dari Perlak dan rakyat jelata Perlak telah berpindah ke negeri Pasai. Begitu juga dengan kerajaan Melaka, setelah putera Melaka berkahwin dengan puteri Pasai, negeri tersebut selalu menerima bantuan dari negeri Pasai”.⁷⁷ Hubungan baik kerajaan Pasai juga terjalin dengan daerah lain seperti Kedah, kerana Kedah merupakan wilayah daripada kerajaan Pasai pada masa dahulu.

Dengan kemajuan perairan Selat Melaka yang dikuasai Samudera Pasai pada masa itu, maka timbul rasa cemburu kerajaan-kerajaan lain seperti Siam dan Majapahit sehingga berlakunya penawanan ke atas raja Pasai. Walau bagaimanapun aktiviti pemerintahan tetap berjalan seperti biasa meskipun raja Pasai berada dalam tawanan

⁷⁶Ibn Batutah (2006), *Pengembaraan Ibn Batutah “Pengembaraan Agung, Karya Terulung, Menyingkapi Wajah Dunia*, Syed Nurul Akla, Nurul Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd Dom (terj.), Kuala Lumpur: MPH Group Printing, Sdn. Bhd, hal. 732. Lihat juga Mohammad Said (1961), *op.cit*, hal. 95.

⁷⁷ Muhammad Yamin (1960), *Gajah Mada*, Jakarta: Balai Pustaka, hal. 108.

Siam. Dalam masa yang sama kerajaan Pasai telah menghadapi serangan yang dilakukan oleh kerajaan Majapahit ke atas mereka sehingga menyebabkan negeri itu lemah dan tidak lagi cemerlang seperti masa Malik al-Shalih yang memerintah sebelumnya.

Peristiwa-peristiwa yang dialami oleh kerajaan Samudera Pasai pada masa itu tidak menjadi penghalang kepada kerajaan Pasai dalam menjalankan aktiviti pemerintahan negaranya. Kerajaan Pasai berusaha menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara yang kuat seperti pada tahun 1383 Masihi, Pasai telah mengirinkan utusannya ke China. Di samping itu, Pasai juga telah menjalinkan hubungan dengan negara-negara lain seperti Arab, Parsi dan Gujerat. Selain menjalankan aktiviti perdagangan, mereka juga berusaha mengembangkan agama Islam di sana. Mengenai hubungan tersebut di atas, N. J. Kroom menyimpulkan bahawa "Hubungan antara kerajaan Pasai dengan negeri-negeri tersebut telah berlangsung lama sebelum Pasai menjadi sebuah kerajaan dan mereka (orang Parsi dan Arab) telah menetap di Samudera Pasai".⁷⁸

Di samping berhubung dengan negeri Parsi, Pasai juga menjalin hubungan dengan negeri Arab dalam hal perdagangan dan penyebaran agama Islam serta memberikan pengajaran ilmu agama Islam kepada penduduk Pasai, maka dalam hal ini kedua-dua kerajaan tersebut saling menguntungkan. Dalam bidang Pendidikan Islam, kerajaan Pasai juga telah mengembangkan pengetahuan agama dengan mendirikan lembaga-lembaga pendidikan (pondok) yang setakat ini masih di jumpai di negeri Aceh sebagai lembaga pendidikan lanjutan daripada lembaga pendidikan

⁷⁸ N..J.Kroom (1970), *Zaman Hindu*, Arief Effendi (terj.), Jakarta: Pustaka Sarjana, hal. 133.

dahulu tersebut. Maka dari proses pendidikan itulah kerajaan Pasai telah berjaya mengembangkan ajaran Islam ke seluruh Nusantara, meskipun akhirnya kemajuan itu telah berpindah ke Melaka.

Walau bagaimanapun kemajuan itu tidak selamanya bertahan di kerajaan Pasai sebagai pusat perdagangan. Wujudnya perselisihan dalam kerajaan itu sendiri yang merupakan punca utama kerajaan mulai lemah ia berlaku setelah sultan Malikul al-Zahir meninggal dunia dan telah terjadi perebutan kuasa di dalam istana. Selain itu, serangan kerajaan Majapahit juga adalah salah satu faktor yang menyebabkan kerajaan Pasai menjadi lemah. Maka kekuasaan yang ada di laut Melaka dan Asia Tenggara keseluruhannya telah dikuasai oleh kerajaan Majapahit. Pada waktu itu juga ramai ulama-ulama Pasai meninggalkan kampung halaman dan tidak kembali lagi.⁷⁹

Penubuhan negeri Melaka juga merupakan faktor yang mengurangkan peranan Samudera Pasai dalam aktiviti perdagangan. Kejatuhan Melaka kepada kuasa Portugis menyebabkan Samudera Pasai turut dikuasai pada tahun 1521. Oleh itu, pusat perdagangan yang dahulunya berpusat di Pasai telah berpindah ke Aceh sebagai pengganti dua kerajaan yang sudah lemah dan pada tahun 1526 Samudera telah disatukan di bawah kerajaan Aceh.

Di samping kerajaan Samudera, terdapat juga kerajaan-kerajaan Islam kecil yang lain seperti Kerajaan Jeumpa, Kerajaan Pedir, Kerajaan Lamuri⁸⁰ dan kerajaan Daya. Kesemua kerajaan tersebut disatukan di bawah kerajaan Aceh Darussalam

⁷⁹ *Ibid.*, hal.177.

⁸⁰ Nama lain untuk *Lamri* iaitu *Rammi*, *Lan-li*, *Lamiri* lihat Teuku Iskandar (1994), "Kedaulatan Aceh", dalam Khatib A.latif (1993), *Aceh Dalam Perspektif Sejarah*, (Kertas Kerja Seminar yang disampaikan pada pertemuan pengenalan Aceh kepada rombongan pelancong Majlis Agama Islam, Port Klang Ogos 1993), hal. 1.

pada abad ke- 16 M oleh Sultan ‘Ali Mughayat Syah yang memerintah pada tahun 1511-1530 M. Beliau merupakan raja pertama bagi kerajaan Aceh Darussalam.

2.3.3. Kerajaan Aceh

Pada awal abad ke--16, kebanyakan negeri-negeri Islam dikuasai oleh penjajah Barat. Kerajaan-kerajaan yang ada di Aceh pada masa itu juga tidak terlepas daripada ancaman penjajah. Penubuhan kerajaan-kerajaan kecil di negeri Aceh memberi peluang kepada pihak penjajah untuk menguasai wilayah itu dengan mudah. Penjajah telah menimbulkan huru hara dalam sistem pentadbiran dan politik kerajaan sehingga mengakibatkan Aceh jatuh di bawah kuasa mereka.

Di saat kerajaan Samudera Pasai dan Pidie mulai lemah kerana mendapat ancaman daripada bangsa Portugis, maka muncul pula inisiatif ‘Ali Mughayat Syah sebagai putera Mahkota daripada Sultan Alaidin Syamsu Syah (1497-1511M), dengan segala program pemerintahannya seperti berikut :

- a. Mempersatukan kerajaan-kerajaan kecil di Aceh Besar yang akan dijadikan pusat kerajaan yang kuat dan merdeka, selepas itu akan diperluas ke daerah-daerah di tepi Selat Melaka.
- b. Mengusir penjajah Portugis dari daerah-daerah sepanjang Selat Melaka dan seterusnya mendapatkan semula Melaka dari tangan Portugis agar laluan entrepot di Selat Melaka berada sepenuhnya di tangan Kerajaan Aceh
- c. Untuk mengimbangi semangat penjajahan bangsa Portugis (*conquistador*) yang bernyala-nyala, maka rakyat Aceh telah bangun dan bangkit

semangat jihad yang tinggi dengan memperhebatkan pengajaran agama Islam di kalangan rakyat.⁸¹

Setelah program tersebut dilaksanakan dan Portugis dapat diusir dari Samudera Pasai di bawah pimpinan Radja Ibrahim pada tahun 1524 M, serta penaklukan terhadap kerajaan-kerajaan kecil yang ada di Aceh Besar (Banda Aceh sekarang) dan di Daya maka kerajaan Aceh ditubuhkan sebagai satu kerajaan Islam yang merdeka dan wilayah kekuasaannya meliputi seluruh daerah Aceh. Aceh Besar dan Daya (Aceh Barat) telah dijadikan sebagai daerah utama kerajaan Aceh. Ketika itulah kerajaan Aceh mendapatkan gelaran tambahan *Darussalam*.⁸²

Dalam masa setahun Kerajaan Aceh memperoleh kemerdekaannya daripada segala ancaman, namun tidaklah membawa ketenangan yang sebenar, kerana dalam masanya yang begitu singkat Portugis kembali berhasrat untuk merebut kuasa kerajaan Aceh untuk menjadi negeri jajahannya. Dengan persatuan dan kesatuan yang telah diperolehinya, Kerajaan Islam Aceh dapat menahan segala ancaman dan tentangan tersebut sehingga panglima Portugis yang bernama Joge de Brito mati dalam suatu pertempuran.⁸³ Pertempuran demi pertempuran terus berlaku secara besar-besaran terhadap markas-markas pertahanan Portugis sehingga ke daerah Pidie, akhirnya daerah Pidie dan Pasai dapat ditakluk dan menjadi wilayah kuasa Kerajaan Aceh dengan menempatkan para wakil dari kerajaan yang berpusat di Banda Aceh.

⁸¹ Drs. Zakaria Ahmad (1972), *Sekitar Keradjaan Atjeh Dalam Tahun 1520-1675*, Medan : Monora, hal. 37.

⁸² *Ibid*, hal. 37.

⁸³ *Ibid*.

Sultan 'Ali Mughayat Syah selain menyatukan kerajaan-kerajaan kecil yang terdahulu terpisah dengan kerajaan pusat (Kerajaan Aceh) yang terletak di Aceh Besar, beliau juga turut membebaskan negeri Aceh khususnya daripada penjajahan Portugis. Walau bagaimanapun, semua rancangan beliau tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana beliau meninggal dunia pada 7hb Ogos 1930 bersamaan (12 Zulhijjah 936).⁸⁴ Walaupun beliau telah meninggal dunia akan tetapi beliau telah menanam dasar-dasar perjuangan yang kuat untuk generasi berikutnya.

Selepas Sultan 'Ali Mughayat Syah meninggal dunia, beliau meninggalkan dua orang putera sebagai pengganti beliau dalam mewarisi takhta kerajaan yang pernah beliau pimpin dahulu. Puteranya yang pertama bernama Salahuddin dan yang kedua bernama 'Alauddin. Dalam pemerintahan negara, Sultan Salahuddin telah menggantikan ayahnya 'Ali Mughayat Syah sebagai sultan. Manakala 'Alauddin, telah dinobatkan sebagai raja muda bagi kerajaan Pasai.⁸⁵

Meskipun syarat yang dibina oleh Sultan 'Ali Mughayat Syah sangat kuat terhadap penggantinya kelak, namun ia tidak berlaku berlaku terhadap puteranya Salahuddin kerana beliau lebih suka kesenangan duniawi semata-mata tanpa menghiraukan persoalan pemerintahan yang dipimpinnya. Melihat keadaan sedemikian, maka adiknya 'Alauddin yang memerintah kerajaan Pasai telah memberikan perhatian sepenuhnya agar pemerintahan kembali tegak dan kukuh di negeri Aceh. Pada tahun 1539 M telah berlakunya peralihan kuasa pemerintah daripada sultan Salahuddin kepada adiknya Alauddin. Pada waktu ini, Aceh telah

⁸⁴ Drs. Zakaria Ahmad (1972), *op.cit.*, hal. 38.

⁸⁵ *Ibid.*

mengalami pelbagai perubahan sehingga dapat mengeratkan kembali hubungan dengan daerah-daerah yang terdapat dalam wilayah tersebut. Ia sebagai satu langkah untuk membendung pihak-pihak yang ingin menghancurkan kekuasaan kerajaan Aceh.

Bandar Aceh Darussalam sebagai pusat pemerintahan kerajaan waktu itu telah menumpukan perhatian kepada daerah-daerah yang pernah ditakluki oleh Aceh kerana terdapat sebahagian daerah tersebut masih menampakkan rasa kurang setia terhadap kekuasaan kerajaan Aceh. Maka Sultan Alauddin Ri'ayat Syah telah menempatkan wakil-wakilnya di daerah tersebut untuk mengenal pasti sekiranya berlakunya usaha-usaha pemberontakan terhadap kerajaan pusat. Untuk menghadapi segala kemungkinan serta gangguan keamanan dari mana-mana pihak, kerajaan Aceh juga telah menubuhkan badan pertahanan yang meliputi angkatan laut dan darat yang kuat serta sangat disegani dan ditakuti oleh musuh.

Dalam meningkatkan hubungan dengan negara-negara lain, kerajaan Aceh telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara luar seperti Arab, Turki dan India. Pada tahun (1566-1573) Turki di bawah pemerintahan Sultan Salim II, Sultan Alauddin Riayat Syah telah mengutuskan delegasi kerajaan Aceh untuk menghadap khalifah di Istanbul.⁸⁶ Pada waktu itu khalifah Salim II mengesahkan gelaran Sultan untuk Sultan Aceh serta mengirinkan 40 orang perwira Turki untuk melatih para tentera Aceh.⁸⁷ Manakala untuk bekalan senjata, kerajaan Turki telah

⁸⁶ B.Schrike (1960), *Indonesian Sociological Studies*, Bandung: Sumur Bandung. hal. 245

⁸⁷ Hamka (2000), *Sejarah Ummat Islam*, Edisi Baharu, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hal. 490.

mengirim 400 orang pakar untuk membuat meriam di Aceh yang bertempat di kampung Pande Aceh Besar.⁸⁸

Dengan kemajuan kerajaan Aceh dalam segala bidang pada masa sultan-sultan Aceh tersebut sehingga kerajaan Aceh mendapat kedudukan yang sangat memuaskan dan menjadi salah satu dari lima kerajaan Islam terbesar di dunia selain Turki, Moroko, Isfahan (Parsi atau Iran) dan India.⁸⁹ Kerjasama yang baik antara negara-negara tersebut tidak hanya dalam skop sebagai organisasi Islam sahaja akan tetapi juga kerjasama dalam bidang ekonomi, politik dan keamanan sangat diutamakan.

Salasilah para Sultan yang telah memimpin Kerajaan Aceh Raya Darussalam adalah seperti berikut:

1. Sultan 'Alaidin Mughayat Syah (1511-1530)
2. Sultan Salahuddin (1530-1539)
3. Sultan 'Alaidin Riayat Syah II Al Qahar (1539-1571)
4. Sultan Husain 'Alaidin Riayat syah III (1571-1579)
1. Sultan Zainal 'Abidin (1579-1580)
2. Sultan 'Alaidin Mansur Syah (1581-1587)
3. Sultan Megat Buyung (1587-1589)
4. Sultan 'Alaidin Riayat Syah IV (1589-1604)
5. Sultan Muda 'Ali Riayat Syah V (1604-1607)
6. Sultan Iskandar Muda Meukuta 'Alam (1607-1636 M)

⁸⁸ Al-Chaidar (1999), *op.cit.*, hal. 29.

⁸⁹ Wilfred C. Smith (1957), *Islam Modern History*, Princeton N.J: Princeton University Press.hal. 38.

7. Sultan Iskandar Thani (1636-1641)
8. Sultanah Sri Ratu Tajul 'Alam Safiatuddin (1641-1675)
9. Sultan Sri Ratu Nurul 'Alam Naqiatuddin (1675-1678)
10. Sultanah Sri Ratu Zakiatuddin Inayat Syah (1678-1688)
11. Sultanah Sri Ratu Keumalat Syah (1688-1699)
12. Sultan Badrul 'Alam Syarif Hasyim Jamalul (1699-1702)
13. Sultan Perkasa 'Alam Syarif Lam Tui (1702-1703)
14. Sultan Jauharul 'Alam Imaduddin (1726)
15. Sultan Syamsul 'Alam Wandu Teubeung (1726)
16. Sultan 'Alaidin Maharaja Lila Ahmad Syah (1727-1735)
17. Sultan 'Alaidin Johan Syah (1735-1760)
18. Sultan 'Alaidin Mahmud Syah (1760-1781)
19. Sultan 'Alaidin Jauharul 'Alam Syah (1781-1795)
20. Sultan Husain 'Alaidin Jauharul 'Alam Syah 1795-1823)
21. Sultan 'Alaidin Muhammad Daud Syah (1823-1836)
22. Sultan Sulaiman 'Ali Alaidin Iskandar Syah (1836-1870)
23. Sultan 'Alaidin Mahmud Syah (1286-1290 H=1870-1874 M)
24. Sultan 'Alaidin Muhammad Daud Syah (1874-1937).⁹⁰

Semasa pemerintahan Sultan 'Alaidin Mughayat Syah pada 1511-1530 M sehingga Sultan Al-Qahar 1539-1571 M, Aceh berada dalam kemajuan yang sangat pesat sehingga mencapai kegemilangan pada zaman Sultan Iskandar Muda yang memerintah pada tahun 1607-1636 M. Kepesatan dan kemajuan yang telah diraih mendapat pujian daripada Syarif Mekah atas nama Khalifah Islam Turki, bahawa Aceh merupakan pelindung bagi kerajaan-kerajaan Islam lain di Nusantara sehingga

⁹⁰ *Ibid*, hal. 27-28.

Sultan di Nusantara pun mengakui Kesultanan Aceh sebagai payung dalam menjalankan tugas-tugas kerajaan.

Sewaktu Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam memerintah pada tahun 1607-1636 M, Aceh telah menjadi sebuah negara yang sangat terkenal dan terkemuka di seluruh Asia Tenggara khususnya. Ia dapat meluaskan wilayah kekuasaannya ke pesisir daerah pulau Sumatera, wilayah Barat hingga ke daerah Bengkulu dan di Selatan sampai ke Indra Giri, ke Semenanjung Tanah Melayu sampai ke daerah Perak, Kedah dan Terengganu menjadi wilayah kekuasaan kerajaan Islam Aceh.⁹¹

Di samping meluaskan wilayah kekuasaannya, Sultan juga sangat mengutamakan masalah pendidikan Islam. Dengan menubuhkan lembaga-lembaga pengajian Islam yang sangat teratur setaraf dengan Universiti kerana mempunyai beberapa fakulti serta tenaga pengajar yang pakar dalam bidang masing-masing. Mereka berasal dari dalam mahupun luar negeri, berkat kerjasama yang baik antara sultan dan ulama telah melahirkan pendidikan Islam yang maju serta banyak melahirkan para lulusan yang berkualiti dan cemerlang sebagai generasi-generasi baru untuk menyambung cita-cita mulia sebagai pewaris para Nabi.

Di samping menjadi pusat pengajian Islam yang terkenal di Nusantara masa itu, Aceh juga terkenal dalam perkembangan kesusasteraan yang bercirikan Islam. Karya-karya para pujangga dituliskan dalam pelbagai bentuk karya dan bahasa, isinya tidak terlepas daripada perbincangan mengenai persoalan agama dan sejarah. Bahasa Melayu, Bahasa Aceh dan Bahasa Arab juga merupakan media (bahasa) utama dalam

⁹¹ Prof. Osman Raliby (1980), *op. cit.*, hal. 33.

menyampaikan segala imajinasinya. Para pengarang terkenal di negeri Aceh pada masa itu ialah Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Sumaterani, Abdul Rauf al-Singkili, Nuruddin Al-Raniry, Bukhari al-Jauhari, Tun Sri Lanang dan lain-lain.⁹²

Peranan ulama dan pihak kesultanan Aceh tidak boleh dipisahkan antara keduanya kerana kedudukan ulama dalam kerajaan Aceh pada waktu itu sangat diperlukan. Peranan ulama bukan sahaja dalam menyelesaikan persoalan agama semata-mata akan tetapi persoalan politik juga menjadi tanggungjawab mereka untuk memberikan pemahaman yang sesuai dengan syari'at Islam. Sewaktu zaman pemerintahan sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh mempunyai institusi (lembaga) penasihat yang terdiri daripada dua puluh dua orang para ulama yang mendampingi para Sultan dalam menjalankan tugas-tugas kerajaan. Lembaga tersebut diberi nama *Balai Gadang*.⁹³ Dengan adanya lembaga tersebut segala persoalan hukum dan lain-lain dalam kerajaan Aceh dapat dilaksanakan dengan baik menurut Qanūn al-Asyī.⁹⁴ Undang-Undang Dasar Islam Aceh Raya tersebut (Qanūn al-Asyī) berpandukan kepada al-Qurān, al-Hadīth, Ijmā' ulama dan Qiyās. Di antara hukum-hukum yang bersandarkan kepada al-Qurān, al-Hadīth, Qiyās serta Ijma' ulama adalah seperti:

Hukum *Syar'i*, *Adat Syar'i*, *Reusam(Resam) Syar'i* dan *Qanūn Syar'i* (iaitu Hukum dasar dan undang-undang pokok yang mengatur keagamaan, kenegaraan, kemasyarakatan dan ketenteraan. Sumbernya Qurān, Hadīth, Ijmā' Ulama dan Qiyās.

⁹² Dr. Haji Abdullah Ishak (1990), *op.cit.*, hal. 118.

⁹³ *Ibid.* hal. 123.

⁹⁴ *Qanūn Al-Asyī* iaitu sebuah nama yang diberikan kepada asas Undang-Undang Dasar Kerajaan Islam Aceh Raya Darussalam atau disebut juga Adat Meukuta Alam.

1. Hukum *Aridli, Adat Aridli, Reusam Aridli dan Qanūn Aridli*. (iaitu peraturan-peraturan yang dibuat oleh pemerintah (Sultan atau para Wazir /Menteri) untuk mengatur masalah keagamaan, kenegaraan, kemasyarakatan dan ketentaraan).
2. Hukum *Dlaruri, Adat Dlaruri, Reusam Dlaruri dan Qanūn Dlaruri*. (iaitu undang-undang atau peraturan darurat yang langsung dibuat / dijalankan oleh Sultan sebagai Penguasa Tertinggi Angkatan Perang untuk mengatur masalah-masalah keagamaan, kenegaraan, kemasyarakatan dan ketenteraan, apabila kerajaan dalam keadaan perang).
3. Hukum *Nafsi, Adat Nafsi, Reusam Nafsi dan Qanūn Nafsi*. (iaitu peraturan-peraturan istimewa yang khusus dibuat oleh Sultan untuk mengatur masalah-masalah keagamaan, Kenegaraan, Kemasyarakatan dan Ketenteraan).
4. Hukum *Urfi, Adat Urfi, Reusam Urfi dan Qanūn Urfi*. (iaitu peraturan-peraturan yang dibuat oleh penguasa daerah untuk mengatur masalah-masalah keagamaan, kenegaraan, kemasyarakatan dan ketentaraan).⁹⁵

Semua masalah yang berkaitan dengan hukum-hukum Islam dalam masyarakat Aceh telah dijalankan dengan bersungguh-sungguh, serta tidak ada yang terlepas daripada tindakan mahkamah syariah untuk mempertanggung jawabkan segala perbuatan yang melanggar hukum-hukum tersebut, meskipun kesalahan itu dilakukan oleh keluarga kerajaan itu sendiri. Dalam pelaksanaan hukum Islam secara *kaffah*⁹⁶ sultan Iskandar Muda telah menjalankan proses hukuman terhadap puteranya sendiri

⁹⁵ Al-Chaidar (1999), *op.cit.*, hal. 36.

⁹⁶ *Kaffah*, yang penulis maksudkan dalam tulisan di sini iaitu pelaksanaan Hukum Islam secara merata

yang berzina dengan isteri seorang perwira iaitu dengan hukuman rejam sampai mati. Maka pada ketika itulah Sultan Iskandar Muda mengeluarkan titah yang menjadi pegangan para hakim dalam melaksanakan tugas, iaitu “*Matee anaik meupat jeurat, gadoh adat pat tamita*” (meninggal anak ada pusaranya, hilang keadilan/adat ke mana hendak dicari).⁹⁷

Qanūn al-Asyī yang menjadi asas kerajaan Aceh dalam menjalankan undang-undang sangat dititikberatkan kepada seseorang calon sultan dalam memimpin kerajaan. Ia mestilah memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Qanūn al-Asyī tersebut. Antaranya penguasaan ilmu pengetahuan dunia dan akhirat, taat beragama serta adil dalam memimpin menjadi kriteria utama seorang calon Sultan. Begitu juga dengan kesalahan yang dilakukan oleh Sultan harus dihukum sesuai dengan peraturan yang berlaku dalam Qanūn al-Asyī.⁹⁸

Selain itu, Sultan Iskandar Muda juga berperanan menggubal undang-undang yang sangat terkenal dengan nama Adat Meukuta Alam. Undang-undang ini dijadikan rujukan oleh raja-raja yang memimpin pada masa hadapan. Adat Meukuta Alam mempunyai kaitan rapat dengan agama kerana adat tersebut berpandukan syarak. Ini merupakan sedikit gambaran tentang kemajuan-kemajuan yang pernah dicapai oleh kerajaan Aceh Darussalam. Walau bagaimanapun, terdapat banyak perkembangan-perkembangan lain yang pernah dilakukan oleh Sultan-sultan lain selepas Iskandar Muda Meukuta Alam meninggal dunia.

⁹⁷ H.M. Zainuddin (1957), *Singa Aceh*. Medan : Pustaka. Iskandar Muda, , hal. 131.

⁹⁸ Al- Chaidar (1999), *op.cit.*, hal. 351.

Setelah Sultan Iskandar Muda meninggal, kepemimpinan kerajaan Aceh berada di bawah pemerintahan Iskandar Thani iaitu menantu Iskandar Muda. Corak kepemimpinan Iskandar Thani adalah lebih lembut berbanding daripada Sultan Iskandar Muda kerana baginda Sultan lebih memfokuskan perhatiannya kepada pembangunan dan meningkatkan perkembangan pendidikan agama. Manakala pertahanan wilayah kekuasaan Aceh pada waktu itu tidak dihiraukan sehingga Melaka yang pada masa dahulu yang menjadi perhatian Sultan Iskandar Muda telah mula dikuasai oleh Belanda. Kerjasama yang tidak terkawal oleh Sultan Iskandar Thani itu akhirnya menyebabkan Melaka dikuasai oleh Belanda. Sehingga segala yang dipertahankan oleh Sultan Iskandar Muda pada zamannya menjadi lenyap dan hancur di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Thani. Sewaktu Melaka dikuasai Belanda, Sultan Iskandar Thani meninggal dunia iaitu pada tanggal 15hb Februari 1641.⁹⁹

Setelah Sultan Iskandar Thani meninggal dunia maka isterinya yang menggantikan tempat baginda sebagai pemimpin kerajaan Aceh pada masa itu yang bernama Tajul 'Alam Puteri Iskandar Muda Meukuta 'Alam, atau nama lengkapnya Sri Sultan Tajul 'Alam Safiatuddin Syah Zillullahi Fil 'Alam binti Sultan Raja Iskandar Muda Djohan berdaulat.¹⁰⁰ Aceh telah memulakan lembaran baru dalam sejarahnya kerana pertama kali dalam kerajaan Aceh seorang wanita menjadi pemimpin negara. Antara Ratu yang memerintah Aceh ialah:

1. Sultanah Sri Ratu Tajul 'Alam Safiatuddin Syah (1050-1086 H/1641-1675 M).
2. Sultanah Sri Ratu Nurul 'Alam Naqiatuddin, (1086-1088 H/1675-1678 M).

⁹⁹ Drs. Zakaria Ahmad (1972), *op.cit.*, hal.79.

¹⁰⁰ *Ibid.*

3. Sultanah Sri Ratu Zakiatuddin Inayat Syah, (1088-1098 H/1675-1688 M).
4. Sultanah Sri Kamalat Syah, (1098-1109 H/ 1688-1699 M).¹⁰¹

Tempoh 34 tahun merupakan masa yang paling lama dalam kepimpinan seorang wanita (Sri Ratu Tajul 'Alam Safiatuddin Syah) sebagai Sultanah yang pertama dalam kerajaan Aceh. Ini dapat menunjukkan bahawa kredibiliti seorang wanita bukan hanya sebagai isteri dan ibu, tetapi mampu untuk memimpin sesebuah negara seperti mana yang telah dilakukan oleh Sri Ratu Tajul 'Alam Safiatuddin Syah. Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh beliau dapat diatasi dengan semangat yang kental dan kebijaksanaan yang dimiliki akhirnya berjaya menjalankan pemerintahan dalam tempoh tersebut. Seperti mana yang dinyatakan oleh Muhammad Said:

*“Sungguhpun demikian, sebagai seorang wanita prestasi yang telah dicapainya sebagai Ratu adalah cukup besar. Kecuali Ratu Elizabeth dari Inggris di sekitar zaman itu, tidaklah terdengar peranan seorang raja perempuan yang sedemikian mengagumkan seperti Tajul 'Alam ini.....”*¹⁰²

Tajul 'Alam safiatuiddin Syah telah menjalankan pemerintahan dalam tempoh yang begitu lama dan beliau memberikan sesuatu yang berguna untuk pemimpin selepasnya iaitu pemerintahan Ratu yang kedua Ratu Nurul 'Alam Naqiatuddin. Pada pemerintahan Ratu kedua inilah sistem federasi dijalankan. Sistem federasi tersebut dikenali sebagai “Aceh Tiga Segi”. Ia terbahagi kepada tiga mukim iaitu mukim XXII, mukim XXV dan XXVI.¹⁰³ Dalam naskah Aceh ada menceritakan mengenai tokoh wanita ini, seperti :

¹⁰¹ A.Hasjmy (1976), *op.cit.*, hal. 32. Lihat juga. Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh Dan Nusantara*, Medan: Pustaka Iskandar Muda, hal. 406-409.

¹⁰² Mohammad Said (1961), *op.cit.*, hal.192.

¹⁰³ M. Yunus Jamil (1968), *op.cit.*, 5.

“Bahawa adalah bagi baginda itu beberapa sifat kepujian dan perangai kebajikan lagi takut akan Allah dan senantiasa sembahyang lima waktu dan membaca kitab Allah dan menyuruh orang berbuat kebajikan dan melarang orang berbuat kejahatan seperti yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan selalu sangat adil dalam perihal pemeriksaan dan menghukum segala hamba Allah. Maka daripada berkat daulat dan sa’adat duli yang mulia itu jadi banyaklah segala hamba Allah yang saleh dan sembahyang menuntut ilmu. Syahdan ialah yang sangat tawadhu’nya akan Allah S.W.T maka dianugerahi Allah akan dia lama menjunjung khalifahnyanya mendapat beberapa galian emas itu dan ialah yang mengeraskan syari’at nabi kita Muhammad s.a.w.”¹⁰⁴

Tajul ‘Alam sangat mementingkan soal-soal pendidikan dan ekonomi sewaktu pemerintahannya. Perlantikan beliau sebagai Sultan dalam kerajaan Aceh mendapat sokongan kuat daripada para menteri dan ulama. Namun, dalam tempoh pemerintahannya Tajul ‘Alam tidak dapat mempersatukan daerah-daerah yang pernah ditakluki oleh ayahandanya Sultan Iskandar Muda. Seluruh Semenanjung Tanah Melayu tidak lagi berada di bawah kekuasaan kerajaan Aceh dan daerah tersebut berjuang sendiri untuk melawan penjajah Belanda.

Di saat-saat akhir pemerintahan Tajul ‘Alam, kekuasaan Kerajaan Aceh hanya tinggal daerah sahaja. Namun sepanjang tempoh kepimpinan, beliau mampu mempertahankan kekuasaan Kerajaan Aceh selama 34 tahun dengan cabaran yang sangat berat. Beliau meninggal dunia pada tahun 1675 dan selepas itu terdapat tiga tokoh wanita yang memimpin Kerajaan Aceh sebagai pengantinya iaitu, Nurul’ Alam Nakiatuddin Syah yang memerintah antara tahun 1637-1675 M, Inayat Zakiatuddin Syah yang memerintah antara tahun 1677-1688 M, dan Sri Ratu Kemalat Syah yang memerintah antara tahun 1688-1699 M.

¹⁰⁴ *Ibid.*, hal. 80.

Selepas Inayat Syah berkuasa, semasa Sultan terakhir iaitu Sultan Kemalat Syah berlaku perebutan pemerintahan antara golongan yang melantik wanita sebagai Sultan (golongan tiga Segi) dan golongan yang tidak melantik wanita sebagai Sultan (golongan pemerintah). Perebutan kuasa tersebut dimenangi oleh golongan tiga Segi dan kesultanan dipimpin oleh kaum wanita iaitu Kemalat Syah yang memerintah sehingga tahun 1699M. Namun sepanjang tempoh kesultanan di bawah kepimpinan wanita wujud perbalahan dalam kerajaan. Malah selepas tempoh tersebut juga tidak membawa banyak perubahan. Ini kerana, setelah pemerintahan Kemalat Syah juga masih berlaku pertelingkan dalam kerajaan dan saling bersaing antara satu sama lain, bahkan wujudnya perang saudara sesama mereka. Manakala di daerah-daerah terbentuk kerajaan-kerajaan kecil yang berdiri sendiri dan tidak patuh terhadap kerajaan pusat iaitu Kerajaan Aceh yang berpusat di Banda Aceh sekarang ini.

Dalam keadaan yang tidak menentu itu pihak Belanda mengambil kesempatan untuk menyerang Kerajaan Aceh, dengan demikian terjadilah pendaratan bangsa Belanda ke bumi Aceh pada 8 hb April 1873 di daerah Pantai Kuta Pantee Ceureumin dalam kawasan Banda Aceh Darussalam. Jeneral Kohler yang memimpin pasukan Belanda ditembak oleh tentera Aceh di depan Masjid Raya Baiturrahman sehingga mati pada 14 April 1873. Di saat itu, gerakan Belanda yang pertama ini mampu dihadapi oleh tentera Aceh dan apabila pihak Belanda tidak mendapat apa-apa keuntungan mereka kembali ke pangkalannya di Pantee Ceureumin.¹⁰⁵

Pada masa penjajahan Belanda para ulama di Aceh menyeru agar berjihad melawan bangsa kafir (Belanda). Gerakan perlawanan itu oleh rakyat Aceh diberi

¹⁰⁵ Mr. T. Hasan (1980), *op.cit.*, hal. 180.

nama *Prang Belanda* (perang Belanda), *Prang Gompeuni* (Prang Kompeni), *Prang Sabil* (Perang Sabil) dan *Prang Kaphe* (Perang Kafir). Sesiapa yang mati kerana memerangi kafir (Belanda) kerana tidak seagama dengan orang Aceh pada masa peperangan itu dianggap mati syahid sebagaimana diceritakan dalam Hikayat Perang Sabil.¹⁰⁶ Maka, pada saat itu pula ramai pejuang Aceh syahid dalam medan pertempuran melawan pihak Belanda.

Kerajaan Aceh sewaktu pemerintahan sultan yang terakhir iaitu Sultan ‘Alaiddin Muhammad Daud Syah (1874-1903 M), menunjukkan berlakunya kemerosotan. Ini kerana, zaman pemerintahannya banyak dihabiskan untuk berperang melawan penjajah Belanda. Sehingga pada tahun 1904 Belanda mengistiharkan penamatan perang. Meskipun demikian, kenyataan yang dikeluarkan oleh penjajah Belanda kepada kerajaan Aceh, tidak dihiraukan oleh bangsa Aceh malahan mereka tetap meneruskan perjuangannya melawan *kaphe* (kafir) Belanda tanpa henti selagi kezaliman dan penjajahan wujud di bumi Nusantara ini. Pada awal tahun 1918, Sultan terakhir tersebut ditangkap dan di bawa ke daerah Batavia (Jakarta sekarang) hingga meninggal di sana.

Oleh itu, generasi kini sewajarnya mengenang jasa Sultan ‘Alaiddin yang tidak pernah menyerahkan kedaulatan Kerajaan Aceh kepada bangsa penjajah Belanda. Dengan demikian, kerajaan Aceh merupakan salah satu kerajaan yang tidak pernah tunduk di bawah kekuasaan penjajah Belanda di Nusantara. Maka pada abad ke 19 M, muncul satu organisasi yang berperanan sebagai institusi untuk mengukuhkan

¹⁰⁶ Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, (1977), *Perang Kolonial Belanda di Aceh*, Banda Aceh Pusat dokumentasi dan Informasi Aceh, hal. 24.

kedudukan persatuan ulama Aceh iaitu Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA) pada tahun 1939 M. Persatuan ini diketuai oleh Teungku Muhammad Daud Beureueh.¹⁰⁷

Berdasarkan semangat jihad dan perjuangan melawan kezaliman dan ketidakadilan itulah sehingga sekarang ini Aceh masih bergolak melawan penjajahan, sama ada bangsa asing mahupun bangsa sendiri (Pemerintahan Republik Indonesia) yang berpusat di Jakarta. Setelah Aceh bebas dari perlawanan bangsa penjajah Portugis, Jepun dan Belanda sehingga bergabung dengan pemerintah Republik Indonesia yang mencapai kemerdekaan pada tahun 1945. Tujuannya hanya satu adalah untuk memperluaskan wilayah kekuasaan Islam semata-mata.

Penggabungan Aceh dalam wilayah kesatuan Republik Indonesia pada masa pemerintahan Sukarno (Orde Lama) tidak membawa sebarang perubahan dalam meningkatkan pengembangan syariah Islam, seperti yang telah dijanjikan sebelum Aceh dijadikan sebahagian daripada Indonesia untuk memberi kebebasan kepada rakyat Aceh dalam meningkatkan pengembangan agama Islam. Bahkan rejim Sukarno pada masa itu menolak sama sekali kemahuan para pemimpin Aceh yang sebelumnya telah mereka mempersetujui bersama. Oleh kerana memungkirkan perjanjian tersebut, maka timbul kekecewaan para pemimpin Aceh terhadap pemerintahan Jakarta ketika itu. Bermula dari situasi inilah maka terjadi peristiwa-peristiwa berdarah sejak tahun 1953 semasa pimpinan rejim Sukarno (Orde Lama). Bahkan keadaan ini berlarutan sehingga pada masa pemerintahan Suharto (Orde Baru) yang sentiasa tidak mempersetujui kehendak pemimpin Aceh tersebut. Malah sebaliknya, para pemimpin pemerintahan yang berpusat di Jakarta mengirinkan puluhan ribu askar dan polis ke

¹⁰⁷ C. Van Dijk (1983), *Darul Islam: Sebuah Pemberontakan*, Jakarta: Graffiti Press, hal. 256.

Acheh dari pelbagai kesatuan untuk menjalankan operasi ketenteraan yang diberi nama Daerah Operasi Militer (DOM).

Setelah dijalankan operasi ketenteraan itulah masyarakat menjadi trauma dalam masa yang sangat panjang. Ini disebabkan, ribuan masyarakat awam mati secara berleluasa dan tanpa melalui hukum mahupun undang-undang yang berlaku di Indonesia masa itu. Bahkan, sebahagian golongan mengatakan di Acheh masa itu berlakunya pembantaian (*Genocide*) kaum seperti yang terjadi di Bosnia dan Kosovo.¹⁰⁸ Selepas Daerah Operasi Militer (DOM) ditamatkan, maka bermulanya pergerakan reformasi di Indonesia. Dalam tempoh tersebut tidak jauh berbeza dengan sistem yang diterapkan sebelumnya, kerana pemerintah Indonesia ketika itu lebih mengutamakan operasi keamanan yang membabitkan puluhan ribu askarnya untuk menghadapi puak pemisah Gerakan Acheh Merdeka (GAM). Malah, dalam reformasi ini orang awam juga menjadi mangsa korban mereka yang tidak tahu-menahu tentang persoalan politik antara Acheh dengan Jakarta.

Walaupun berbagai-bagai nama operasi ketenteraan telah dilakukan oleh pemerintah Jakarta terhadap Acheh tetapi tidak membawa kebaikan untuk kerajaan pusat. Malah, di pihak Gerakan Acheh Merdeka (GAM) pula, dapat menjadikan perlakuan tidak berprikemanusiaan (pelanggaran HAM) askar dalam menjalankan operasi ketenteraan tersebut sebagai sebahagian perjuangannya dan menjadi isu Internasional sehingga menarik perhatian negara-negara asing. Disebabkan desakan dan tekanan dunia Internasional pemerintah reformasi akhirnya menunaikan permintaan rakyat Acheh tentang kebebasan melaksanakan syariat Islam di daerah

¹⁰⁸ A.Rani Usman (2003), *Sejarah Peradaban Aceh*. Jakarta : Yayasan Obor Indonesia, hal. 130.

tersebut, sehingga pemerintah Indonesia mengeluarkan peruntukan mengenai “Keistimewaan Propinsi Aceh” melalui Undang-undang Nombor 44 tahun 1999 yang dikuatkuasakan pada 4 Oktober 1999.¹⁰⁹ Setelah kerajaan Indonesia mengisytiharkan undang-undang tersebut ternyata tidak juga membawa hasil yang diharapkan. Ini terbukti, sehingga kini kebanyakan sembilan puluh peratus (90%) masyarakat Aceh menuntut lebih daripada yang diberikan oleh kerajaan, iaitu hak untuk mengurus wilayah sendiri terpisah dari pemerintahan Jakarta (*Self Determination*).¹¹⁰

2.4. Perkembangan Ilmu Pengetahuan Islam Di Aceh.

Gelaran Serambi Makkah yang pernah diberikan untuk Aceh pada masa dahulu merupakan sebagai ingatan kita kepada negeri Aceh yang pernah berjaya dan berhasil dalam meneruskan perjuangan menegakkan agama Allah (Islam) di Nusantara. Malah, Aceh juga sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan Islam yang sangat maju dalam segala aspek kehidupan. Dengan sebab kekuatan pegangan keislaman tersebut Aceh diberikan gelaran Serambi Makkah.¹¹¹ Di samping perkembangan politik yang sangat maju ketika itu perkembangan ilmu pengetahuan juga sangat pesat, bahkan ramai orang yang bukan penduduk tempatan tertarik pergi ke Aceh untuk menuntut ilmu pengetahuan Islam. *Dayah*,¹¹² *Masjid* dan *Meunasah*,¹¹³ merupakan institusi-institusi pendidikan yang sangat terkenal pada masa itu, dari pendidikan rendah dan menengah sampai kepada pendidikan yang lebih tinggi.

¹⁰⁹ Suara Hidayatullah. *op.cit.*,

¹¹⁰ *Ibid.*

¹¹¹ Indonesia-Aceh, No. 3713 / YPAH /961 (t.t), Tc, hal.7. Lihat juga, HAMKA (2000), *Sejarah Umat Islam*, Singapura PTE LTD, hlm. 796.

¹¹² Dayah berasal dari bahasa Arab iaitu *zawiyah* ertinya sudut. *Dayah* ini hanya terkenal di Aceh, Pesantren di Pulau Jawa dan Pondok di Malaysia.

¹¹³ *Menasah* adalah sebuah nama yang diberikan kepada tempat ibadah di Aceh, setiap kampung di Aceh mesti mempunyai satu menasah tersebut, di Malaysia menasah ini disebut Madrasah.

Fungsi masjid pada masa itu tidak hanya dijadikan sebagai tempat untuk mengadakan dakwah dan ritual keagamaan semata-mata akan tetapi juga berfungsi sebagai tempat pengajian tinggi Islam yang terbesar dan terkenal di Asia Tenggara dengan bermacam-macam disiplin ilmu pengetahuan.

Masjid-masjid menjadi objek kajian sejarah sebagai tempat menjalankan kegiatan pengajian tersebut di antaranya Masjid Bayt al-Rahim, Masjid Bayt al-Musyahadah, dan Masjid Jami' Bayt al-Rahman yang sangat terkenal hingga kini. Masjid ini terletak di tengah-tengah kota Propinsi Aceh Darussalam kini. Sistem pengajian yang diajar dalam masjid tersebut boleh dikatakan sudah bertaraf Universiti kerana mempunyai beberapa fakulti.¹¹⁴ Manakala institusi pendidikan sudah tersusun dalam beberapa peringkat bermula dari peringkat *Meunasah*, *Rangkang*, *Balee* hingga kepada *Dayah*. Guru-guru yang berkhidmat di institusi tersebut kebanyakannya berasal dari luar negeri Aceh seperti dari tanah Arab, Parsi, Turki, India dan lain-lain.

Institusi Pendidikan Dayah (pondok) di Aceh sudah wujud sejak agama Islam masuk ke Aceh pada abad pertama atau kedua Hijrah atau abad ke--8 M. Dayah yang pertama sekali wujud di Aceh iaitu "*Dayah Cot Kala*". Pengasasnya adalah Tengku Chik¹¹⁵ Muhammad Amin, kemudian diikuti oleh "*Dayah Sereulu*", "*Dayah Blang Peria*", "*Dayah Peuneuen*", "*Dayah Simpang Kanan*", "*Dayah Kuta Karang*", "*Dayah Lambirah*" dan "*Dayah Tanoh Abee*".¹¹⁶

¹¹⁴ Sidik Haji Baba (1993), *op.cit.*, hal. 166

¹¹⁵ *Teungku Chik* adalah seorang ulama besar yang memiliki ilmu agama yang mendalam dan pada umumnya memiliki sebuah dayah dan ianya sebagai guru.

¹¹⁶ Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *op.cit.*, hal. 62

Perkembangan agama dan ilmu pengetahuan Islam bertambah pesat di Negeri Aceh. Ini kerana, orang Aceh belajar agama di Dayah yang dikelolakan oleh seorang yang bergelar Tengku Chik (orang yang bertanggungjawab kepada seluruh pelaksanaan dayah). Pengajian Islam tersebut, telah melahirkan ulama-ulama sekaligus sebagai intelektual yang termahsyur seperti Hamzah Fansuri yang banyak mengarang karya sastera yang berbentuk prosa dan puisi. Di antaranya, ialah *Syarīb al- 'Āsyyiqin*, *Asrār al- 'Ārifīn fī Bayānī ilmi al-Sulūk wa at-Tauhīd*, *Al-Muntahī*, *Ruba'i Hamzah Fansūri*, *Kasyfu Sirri Tajallī al-Syibyān*, *Kitāb fī Bayāni Ma`rifat*, *Asrār al-Ārifīn*, *Sya'ir si Burung Pingai*, *Sya'ir si Burung Pungguk*, *Sya'ir Sidang Faqir*, *Sya'ir Dagang*, *Sya'ir Perahu*.¹¹⁷ Di antara karya-karya tersebut terdapat karya sastera dan falsafah yang sukar difahami oleh orang awam.

Syeikh Nuruddin al-Raniry pula terkenal dengan bukunya yang berjudul “*Bustān al-Salātīn*”, dan Bukhari al-Jauhari dengan kitab ketatanegaraanya iaitu “*Tāj al Salātīn*”.¹¹⁸ Terdapat ramai lagi ulama-ulama tempatan lainnya yang penulis tidak nyatakan di sini. Kesemuanya telah memberikan sumbangan mereka dalam menjayakan kerajaan Aceh Darussalam pada masa lalu.

Di samping itu, telah lahir para ilmuan tempatan yang dapat menarik perhatian ulama-ulama besar negara-negara lain untuk datang ke Aceh, seperti daripada Makkah, Madinah, Yaman, Turki, New Delhi dan negara-negara lain.¹¹⁹ Para ‘alim ulama tersebut selain menjadi pendakwah mereka juga berperanan sebagai guru agama bagi penduduk di daerah Aceh masa itu. Semua kegiatan keagamaan yang mereka

¹¹⁷ Hj. Wan Muhammad Shaghir Abdullah (1996), *Tafsir Puisi Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, hal. 7.

¹¹⁸ *Ibid.* hal.166.

¹¹⁹ Hamka (1976), “Pengaruh Islam dalam Sastera Melayu “dalam *Islam dan Kebudayaan Melayu, Malaysia: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan*, , hal.172.

lakukan berjalan dengan baik. Ini kerana, kegiatan tersebut mendapat sokongan daripada pimpinan kerajaan dan masyarakat pada umumnya.

Semua kemajuan dalam berbagai-bagai bidang yang disebutkan di atas, saling berkait dengan pengamalan ajaran Islam di Aceh yang sangat maju. Misalnya, ulama Dayah memegang peranan penting dalam kehidupan masyarakat Aceh, sehingga ke hari ini terdapat lebih ratusan dayah di Aceh baik yang masih menjalankan sistem tradisional mahupun sistem moden yang menggunakan kurikulum.

2.4.1. Kesusasteraan

Selaras dengan perkembangan politik, pendidikan dan ekonomi dalam kerajaan Aceh, perkembangan kebudayaan pun sangat maju ketika itu, terutama dalam dunia kesusasteraan Melayu yang bercorak Islam. Sejak abad ke--17 M, kerajaan Aceh telah menjadi tempat persinggahan para pengarang dari dalam mahupun luar negara.

Banyak kitab-kitab yang berbahasa Melayu dan Aceh yang hingga kini masih dapat dijumpai sebagai karya para ulama yang hidup semasa zaman kerajaan Aceh berkuasa. Karya-karya tersebut ada yang berbentuk karya sejarah, agama dan kesusasteraan. Karya ini merupakan karya yang sangat berharga kerana di dalamnya mengandungi nilai-nilai sejarah. Karya seperti ini ditulis pada masa lalu yang menceritakan kembali apa yang terjadi pada masa dahulu dalam sebuah karya yang ditulis dalam bentuk prosa mahupun puisi.

Sepertimana Hikayat Malem Dagang merupakan bentuk karya sastera kepahlawanan. Yang menceritakan tentang kejadian yang terjadi pada masa Sultan

Iskandar Muda dengan armadanya menuju ke Semenanjung Tanah Melayu. Armada perang Aceh dipimpin oleh panglima Malem Dagang yang gagah dan perkasa. Ia adalah seorang yang cerdas dan berasal dari Negeri Ndjong Kampung Teupin Jangat.¹²⁰ Di antara para pengarang yang sangat terkenal ketika itu adalah Hamzah Fansuri, Syamsuddin al-Sumaterani, Abdul Rauf al-Singkili, Nuruddin al-Raniry, Bukhari al-Jauhari dan Tun Seri Lanang dengan karya-karyanya yang sangat terkenal dalam mahupun luar negara serta menjadi pedoman kebanyakan umat Islam di Nusantara. Di samping nama-nama yang tersebut di atas, banyak lagi pengarang-pengarang lain yang muncul kemudian dalam masa kepemimpinan kerajaan Aceh dengan karya yang berbentuk hikayat Aceh.

Semua karya-karya sastra dalam bentuk hikayat Aceh mempunyai ramai peminatnya dalam masyarakat. Ini kerana, di samping menjadi cerita sejarah yang mengisahkan tentang berbagai-bagai keadaan pada masa karya tersebut ditulis, ia juga telah memberikan kesan serta pengaruh yang sangat besar dalam jiwa bangsa Aceh untuk melawan kaum penjajah. Bahkan menjadi penggerak semangat untuk melakukan jihad di medan perang demi mempertahankan harga diri serta maruah bangsa Aceh. Maka dalam hal ini, seorang pengarang Belanda Zentgraaf menggambarkan sebagai berikut:

“.....mening jong man deerstescheden op het oorslogpad onder den machtinggen indruk dier lectuur.....(.....para pemuda meletakkan langkah pertamanya di medan perang atas pengaruh yang sangat besar dari karya sastra ini (Hikayat Prang Sabi), menyentuh perasaan mereka yang mudah tersinggungkarya yang sangat berbahaya.....)”¹²¹

¹²⁰ H.M. Zainuddin (1957), *op.cit.*, hal. hal. 144.

¹²¹ A.Hasjmy (1977), *Apa Sebab Rakyat Aceh Sanggup Berperang Puluhan Tahun Melawan Agresi Belanda*, Jakarta: Bulan Bintang, hal. 54.

Begitu juga, karya-karya sastra yang lain seperti Hikayat Nun Parisi pula menceritakan perkembangan kerajaan Syamtalira (kerajaan bahagian Samudera Pasai) masa pemerintahan Sultan Malik al-Shalih, Hikayat Putroe Gumbak Meuh, melukiskan keadaan Aceh Darussalam pada zaman Sultan Iskandar Muda, Hikayat Malem Dagang, menceritakan peristiwa armada Cakra Donya yang dipimpin Sultan Iskandar Muda ke Melaka dan Hikayat Pocut Muhammad mengisahkan peristiwa Perang Saudara yang terjadi dalam kerajaan Aceh Darussalam.

Oleh itu, sangatlah wajar para pengkaji sejarah menjadikan karya-karya sastra (hikayat) peninggalan kerajaan Islam Aceh masa dahulu sebagai bahan rujukan untuk menulis karya penulisan sejarah masa kini dan akan datang, kerana di dalamnya terdapat sedikit sebanyak informasi tentang kehidupan masa lampau manusia.

2.5. Penyebaran Islam ke Nusantara

Di antara daerah yang mula-mula sekali menerima agama Islam di Asia Tenggara adalah Aceh iaitu Perlak dan Pasai. Kedua-dua daerah tersebut sangat besar peranannya dalam menyebarkan agama Islam ke pelbagai daerah di Nusantara umumnya. Ini semua merupakan suatu kewajiban bagi umat Islam secara individu atau kelompok untuk menyampaikan kebenaran (dakwah) kepada setiap orang sama ada lelaki mahupun perempuan di mana pun mereka berada.

Islam yang sudah menjadi sebagai pegangan hidup (*way of life*) bagi orang Aceh serta dipraktikkan dalam kehidupan seharian menyebabkan mereka merasa bertanggungjawab untuk menyampaikan kebenaran Islam yang telah memberikan rasa persaudaraan dalam kehidupan tanpa membezakan kedudukan antara satu kaum

dengan yang lain, antara orang kaya dan miskin. Malah, Islam turut menekankan rasa *ukhūwah Islamīyah* yang tinggi antara sesama kaum muslimin di seluruh dunia. Maka, dengan penuh tanggung jawab, agama Islam terus disebar ke seluruh pelusuk Nusantara oleh para mubaligh dari kerajaan Perlak dan Pasai pada masa itu. Rentetan dari itu, Samudera Pasai pada masa tersebut masyhur sebagai tempat lahirnya para mubaligh Islam yang menjadi pendakwah sehingga mereka muncul ke merata tempat di seluruh Nusantara ini untuk menyebarkan agama Islam kepada penduduk yang belum mengenal dan belum memeluk agama Islam.

Disebabkan sikap pendakwah yang lemah lembut serta penuh rasa kekeluargaan, agama Islam dapat disebarkan dan diterima baik dalam kehidupan masyarakat Nusantara masa itu. Di samping sikap baik yang ditunjukkan oleh pendakwah di atas tetapi terdapat juga faktor-faktor lain yang turut menentukan dan memberikan sokongannya, antara lain adalah :

(a) Kedudukan Negeri Aceh

Kedudukan Aceh sangat strategik iaitu terletak pada laluan pelayaran antarabangsa dan merupakan pintu gerbang untuk memasuki kawasan kepulauan Nusantara. Oleh kerana kedudukan Aceh yang sangat strategik dalam laluan pelayaran antarabangsa, maka Aceh dijadikan sebagai pusat perdagangan yang sangat maju pada masa itu sehingga ramai peniaga-peniaga dari luar negara berdagang ke Aceh.

Kedudukan Aceh di persimpangan jalan telah terjalin hubungan luas dengan negara-negara luar. Ini kerana, Aceh di samping sebagai pusat perdagangan ia juga

sebagai tempat persinggahan para penuntut ilmu sebelum meneruskan perjalanan ke negeri Arab. Sebahagian besar pelajar serta para ulama di Nusantara belajar di negeri ini, sebelum meneruskan kegiatannya di negeri lain. Begitu juga peranan ulama yang berasal dari Makkah turut membantu memajukan kerajaan Pasai dalam bidang ilmu pengetahuan, agama Islam serta bidang penyebaran agama.

Di samping Aceh maju dalam perkembangan ilmu pengetahuan, ia juga menjadi pelopor dalam pembangunan tamadun Islam disebabkan oleh kedudukannya yang sangat strategik, sehingga Aceh dapat menguasai Selat Melaka sewaktu Portugis menguasai negeri-negeri Melayu. Dalam lembaran sejarah Aceh, dapat dibuktikan betapa kuat keIslamannya sehingga undang-undang dalam kerajaan merujuk kepada al-Qurān, al-Hadīth, Ijmā' ulama dan Qiyās, serta para ulama dijadikan sebagai mufti kerajaan tersebut.

(b) Pengiriman Pendakwah ke Nusantara

Kemajuan yang telah dicapai dalam kerajaan Islam Pasai telah melahirkan ramai mubaligh tempatan dalam menjalankan dakwah agama Islam di Nusantara. Mereka adalah pendakwah-pendakwah Islam yang pertama di Aceh, mereka merantau ke berbagai-bagai daerah di Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu, Pulau Jawa dan pulau-pulau lain di Nusantara.¹²² Usaha-usaha dakwah yang mereka lakukan hanyalah sebagai tanggungjawab yang harus dilaksanakan oleh setiap kaum muslimin dan muslimat untuk menyampaikan kebenaran Islam semata-mata.

Para mubaligh yang datang daripada Aceh sudah dibekalkan dengan bermacam-macam ilmu pengetahuan serta dapat menyesuaikan diri dengan penduduk

¹²² Edi S. Ekadjati (1995), *op.cit.*, hal. 21-22.

tempatan yang mereka singgah. Bahkan penduduk tempatan sendiri dengan senang hati menerimanya sebagai saudara baru, bahkan banyak di antara mereka yang di hantar itu terdiri daripada para ulama yang berperanan sebagai pengarang kitab-kitab agama Islam dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab. Sehingga kini, karya tersebut mungkin masih menjadi bahan rujukan dalam melaksanakan hukum-hukum Islam di rantau ini. Di antara ulama-ulama yang menjalankan kegiatan dakwah ke kawasan-kawasan luar Aceh ialah Syeikh Shamsuddin al-Sumaterani yang sering dihantar ke Tanah Melayu dan beliau meninggal di sini pada tahun 1630 M. Begitu juga dengan Hamzah Fansuri yang biasa datang ke Pahang, Banten, Kudus dan Siam.¹²³

Usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan Pasai terhadap pengiriman para pendakwah Islam ke Nusantara tidak hanya terhad pada tokoh yang telah penulis nyatakan di atas sahaja. Akan tetapi jauh lebih banyak daripada itu, kerana menurut catatan salah seorang ulama dari Aceh yang bernama Abdullah al-Malikul Mubin, pada abad ke--15M, kerajaan Aceh telah mengirim beberapa orang utusan (pendakwah) ke negeri Nusantara, di antara ulama-ulama tersebut adalah :

1. Al-Sayid Syeikh Ahmad al-Turawi Tabalahu ke Samudera Pasai.
2. Al-Sayid Syeikh Muhammad Said Tattahiri ke Champa.
3. Al-Sayid Syeikh Muhammad ke Minang Kabau.
4. Al-Sayid Syeikh Muhammad Daud ke Patani.
5. Al-Sayid Syeikh Abdul Wahab ke Kedah.¹²⁴

¹²³ Abdullah Ishak (1990), *op.cit.*, hal.121-122.

¹²⁴ Mahyuddin Hj Yahya (1997), *Sejarah Islam*, Kuala Lumpur : Fajar bakti Sdn, hal. 603-604.

Di samping pengiriman para pendakwah ke berbagai-bagai daerah di Asia Tenggara, peranan Samudera Pasai juga sangat maju terhadap perkembangan dan kemajuan Islam di Nusantara khususnya Asia Tenggara pada umumnya. Ini kerana peranan Samudera Pasai di samping menjadi penerima tetamu yang datang dari luar untuk belajar agama ke tempat tersebut, ia juga sebagai pusat penyebar agama Islam ke seluruh Nusantara dan Asia Tenggara. Berdasarkan persoalan tersebut di atas hikayat Patani menceritakan bahawa di samping datang belajar ke Pasai, ada pula di antara para ulama Pasai yang meninggalkan negerinya pergi ke Patani untuk menyebarkan agama Islam di negeri itu.¹²⁵ Begitu juga ke daerah-daerah lain di Nusantara bahagian Timur iaitu ke Pulau Jawa juga menerima kedatangan pendakwah Islam daripada Pasai. Beliau adalah seorang ulama kelahiran Pasai sekitar tahun 1490, ayahnya Maulana Makhdar Ibrahim merupakan seorang guru agama Pasai.¹²⁶

Pendakwah dalam menjalankan misi dakwahnya ke wilayah bahagian Timur seperti Fatahillah mendapatkan hasil yang sangat cemerlang kerana beliau dapat meluaskan kekuasaan Islam serta dapat menakluk daerah lain seperti Cirebon, Gunung Jati dan Pajajaran telah menjadi wilayah kekuasaannya. Beliau memberikan nama daerah tersebut dengan nama Sunda Kelapa, Bandar Jakarta sekarang, dan menjadi ibu kota negara Republik Indonesia kini. Oleh kerana, jasa-jasa yang telah beliau sumbangkan itulah sehingga hari ini namanya masih dikenang oleh orang sebagai seorang Waliullah dengan gelaran Sunan Gunung Jati.¹²⁷

¹²⁵ Teuku Ibrahim Alfian (1999), *op.cit.*, hal. 12.

¹²⁶ Edi Ekadjati (1995), *op.cit.*, hal. 25.

¹²⁷ S. M. Amin, (1980), "Sejenak Memonitor Aceh Serambi Mekkah", dalam Ismail Suny (*ed.*), *Bunga Rampai Tentang Aceh*, Jakarta : Brata Karya Aksara, hal. 55.

Demikian juga halnya dengan Malik Ishak, beliau adalah seorang tuan guru yang datang daripada Pasai ke Gresik untuk mengajar di institusi Pengajian Tinggi Islam yang didirikan oleh Malik Ibrahim iaitu guru besar di Perguruan Tinggi Islam Pasai ke Gresik. Oleh kerana jasa-jasa dan sokongannya terhadap perkembangan Islam itulah Malik Ishak mendapat kedudukan yang sangat istimewa dalam masyarakat, sehingga beliau meninggal dunia dan masyarakat memberikan gelaran kepadanya Waliullah dengan gelaran Sunan Giri.¹²⁸

Para pendakwah Islam dari Pasai tidak hanya menfokuskan dakwahnya di dalam negeri sahaja, malah luar negara (Asia Tenggara) juga menjadi tujuan utama penyebaran agama Islam. Manakala daerah Melaka, Kedah, Terengganu, Patani (Thailand), Brunai dan Filipina bahagian Selatan, menurut cerita sejarah Raja Melaka Parameswara diIslamkan oleh mubaligh dari kerajaan Aceh (Pasai). Setelah memeluk agama Islam namanya menjadi Muhammad Syah dan anaknya Iskandar Syah pula yang berkahwin dengan Puteri Sultan Zainal Abidin dari Pasai yang diIslamkan oleh Sidi Abdul Aziz dari Pasai.¹²⁹ Begitu juga, raja Kedah Pra Ang Madan Angsa, yang namanya setelah memeluk Islam menjadi Muzafar Syah.

Bukti-bukti peninggalan sejarah yang menyatakan tentang pengislaman daerah-daerah tersebut di atas menurut Windstesdt, di Terengganu (Malaysia) terdapat sebuah batu bersurat yang menyatakan bahawa pengembangan Islam di sana adalah datang dari Pasai pada abad ke-14. Di samping, negeri-negeri yang disebut oleh Windstesdt, Negeri Thailand juga mendapatkan ajaran Islam yang dibawa oleh pendakwah dari Pasai. Hal ini berdasarkan bukti daripada makam peninggalan Syeikh Said dari Pasai

¹²⁸ *Ibid.*

¹²⁹ Al-Chaidar (1999), *op.cit.*, hal. 14.

(Makam Tok Pasai). Tambahan pula daerah Filipina Selatan dan Brunei, agama Islam dibawakan oleh Syeikh Kasim dan Syeikh Abu bakar.¹³⁰ Berkat usaha para mubaligh itulah agama Islam mendapat kegemilangannya di alam Nusantara ini, bahkan menjadi agama yang paling ramai penganutnya di Nusantara.

(c) Pengiriman Kitab-Kitab ke Nusantara

Perkembangan agama Islam di negeri Aceh telah melahirkan para ulama sekaligus sebagai mubaligh Islam yang telah menjelajah dunia untuk menyebarkan ajaran agama Islam kepada seluruh umat manusia. Ini sebagai lanjutan untuk meneruskan usaha-usaha yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat sekalian.

Mubaligh-mubaligh semasa kerajaan Islam Perlak, Pasai dan kerajaan-kerajaan lain yang berada di Aceh pada masa itu telah banyak melahirkan generasi penerus Islam. Mereka ini, sekaligus sebagai pengarang kitab-kitab Islam yang sangat popular yang menjadi rujukan dalam menjalankan ajaran agama Islam di Nusantara. Di samping itu, para ulama dan para ilmuan dalam berbagai-bagai bidang ilmu sangat berperanan dalam menjalankan hukum-hukum Islam di kerajaan tersebut, sehingga sistem pemerintahan yang dipimpin oleh sultan menjadi sangat teratur.

Kepakaran dan ilmu pengetahuan yang mereka kuasai, para ulama ketika itu telah banyak menghasilkan karya-karyanya dalam bidang hukum Islam. Di antara para ulama yang berjaya menghasilkan karyanya adalah Syeikh Abdul Rauf As-Singkili, Nuruddin Al-Raniry, Syamsuddin Al-Sumatrani, Hamzah Fansuri, Syeikh

¹³⁰ *Ibid*, hal. 22.

Burhanuddin, Syeikh Jamaluddin. Menjelang abad ke- 16 M di masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1636), kitab-kitab karangan para ulama itulah dikirim keluar daripada negeri Aceh ke Melaka, Kedah dan Sumatera Barat, terutama ke daerah Ulakan dan Padang Pariaman serta Kalimantan.¹³¹ Dengan pengiriman Kitab-kitab inilah dapat membantu para mubaligh dalam menyebarkan agama Islam ke daerah lain di negeri-negeri Nusantara pada amnya.

¹³¹ Siti Hawa Saleh (1992), *Bustan Al-Salātin*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Malaysia, hal. 10.

BAB III

PERKEMBANGAN SASTERA DI ACHEH

3.1. Pendahuluan

Para sejarawan mengatakan bahawa sastera merupakan cermin kehidupan masyarakat pada zaman mereka. Pendapat tersebut sedikit sebanyak mempunyai kebenaran kerana kesusasteraan merupakan suatu bentuk penulisan yang diciptakan untuk membongkar dan meneroka pengalaman-pengalaman dalam kehidupan manusia.¹⁴⁴ Definisi di atas menjelaskan bahawa karya sastera merupakan hasil daripada penghayatan manusia yang paling dalam terhadap kehidupan manusia itu sendiri yang diluahkan ke dalam karya sastera oleh pengarang dalam berbagai-bagai versi ataupun jenis berbeza. Oleh kerana itu, apabila membaca karya sastera suatu kaum atau bangsa, seseorang itu sedikit sebanyak akan dapat memahami dengan mudah kisah mahupun peristiwa yang pernah terjadi dan dialami oleh suatu kaum pada masa lalu.

Begitu juga halnya dengan kesusasteraan (hikayat) Aceh yang berkembang dalam masyarakat Aceh khususnya dan bangsa Indonesia secara amnya. Hikayat adalah salah satu jenis karya sastera Aceh yang sangat popular di kalangan masyarakat Aceh itu sendiri, sehingga karya sastera (hikayat) ini pernah menduduki tempat pertama dalam catatan jumlah pembaca dan pendengarnya sebelum tahun 1980-an.¹⁴⁵

¹⁴⁴ Teuku Iskandar (1991), *Kamus Dewan*, (Edisi Baru). Cet II. Kuala Lumpur : DBP, hal.120.

¹⁴⁵ Mohd. Harun al Rasyid, " *Hikayat Dalam Kesusasteraan Aceh* " dalam *Tabloid Kontras*, No. 180, Tahun V, 6 Maret 2002

Jika seseorang ingin mengetahui bagaimana identiti sosial-budaya dan politik masyarakat Aceh, baik dari awal sejarahnya mahupun sampai kepada perkembangan peradabannya kini, para pengkaji seharusnya sedikit sebanyak dapat mempelajari melalui karya sastera yang pernah mereka tulis dalam berbagai-bagai bentuk dan jenis karya sastera (hikayat). Ini disebabkan karya sastera yang pernah dikarang oleh para sasterawan di negeri Aceh hampir semuanya menampilkan kisah-kisah yang berlaku dalam masa hikayat tersebut dihasilkan dan sering juga memberikan pengaruh yang sangat kuat dalam masyarakat Aceh itu sendiri. Sehingga kewujudan karya sastera hikayat dalam masyarakat Aceh pada masa-masa tertentu di zaman dahulu, selain sebagai media hiburan ia juga merupakan suatu alat untuk membangkitkan semangat perjuangan untuk menghadapi bangsa penjajah.

3.2. Asal Usul Sastera

Perkataan "sastera" berasal daripada bahasa Sanskrit yang bererti tulisan, atau kitab.¹⁴⁶ Sastera telah lahir jauh sebelum manusia pandai menulis dan membaca. Namun ketika itu mereka hanya menggunakan lisan sebagai media untuk mengungkapkan segala fikiran dan perasaannya dengan bahasa yang indah. Bagi mengetahui dari mana dan bilakah kesusasteraan itu lahir memang suatu hal yang sukar. Ini kerana kesusasteraan merupakan hasil karya manusia yang lahir sejak kewujudan manusia dan mempunyai asal usul yang berbeza-beza kerana setiap golongan masyarakat mempunyai kesusasteraannya sendiri. Meskipun demikian, dalam pembahasan ini penulis ingin menghuraikan asal-usul kesusasteraan yang pernah lahir dan berkembang di negeri Aceh khususnya. Kemunculan karya sastera (hikayat) dalam masyarakat Aceh memang tidak terkeluar daripada pengaruh-

¹⁴⁶ Drs. Sabaruddin Ahmad (1977), *Pengantar Sastra Indonesia*, Medan : Saiful, hal. 9.

pengaruh karya sastra lain yang berbahasa asing. Oleh sebab itu, Dr. Snouck Hurgronje, seorang ahli Islam dari Universitas Leiden yang telah berhasil mendapatkan kepercayaan dari banyak pemimpin Aceh mengatakan bahawa sebahagian besar hikayat-hikayat Aceh berasal dari karya sastra yang berbahasa asing (kebanyakannya Bahasa Melayu), kemudian diceritakan kembali di Mileu (Kampung Mileu) Aceh, dalam bahasa Aceh yang berirama dan akhirnya ditulis kembali menjadi karya sastra tulisan sebagai hikayat Aceh.¹⁴⁷

Merujuk kepada pendapat Snouck di atas, memang berkemungkinan wujudnya pengaruh karya sastra asing terhadap karya sastra yang lahir di negeri Aceh. Hal tersebut kelihatan daripada hasil karangan penyair atau sasterawan Aceh itu sendiri. Mereka sering merujuk kepada karya sastra perang yang ditulis pada zaman Nabi. Karya-karya sastra tersebut mempengaruhi para sasterawan sekaligus sebagai ulama Aceh masa itu untuk mengarang kembali hikayat-hikayat yang serupa dengan hikayat tersebut. Maka, terciptanya karya-karya hikayat yang serupa serta lahir sasterawan-sasterawan berjiwa perang yang sangat terkenal di Nusantara pada amnya dan di bumi Aceh khususnya. Kelahiran tokoh-tokoh tersebut seperti Teungku Chik Muhammad Pante Kulu, Abdul Karim (Do Karim), Teungku Chik Kuta Karang dan lain-lain. Bermula daripada karya sastra mereka maka lahirlah karya sastra seperti “Kesusasteraan Epos” (Sastra Pahlawan), sebagai karya sastra kepahlawanan yang telah menggemparkan dunia penjajahan, seperti berikut:

¹⁴⁷ Boris Parnickel (1995), *Perkembangan Sastra Nusantara Serumpun (Abad Ke-7 –Ke-19)*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, hal. 79.

1. Hikayat Perang Peuringgi, yang dicipta menjelang akhir abad XIV, suatu karya sastera perang yang bertujuan membangkitkan semangat jihad rakyat Aceh untuk melawan Portugis, yang telah mulai menjajah Melaka dan lain-lainnya di Semenanjung Melayu, dan telah menduduki beberapa tempat di pantai Aceh
2. Hikayat Perang Kompeuni, yang diciptakan oleh seorang ulama pahlawan yang bernama Abdul Karim yang kemudian lebih dikenali dengan Do Karim, menjelang akhir abad XIX, yang melukiskan perang Aceh yang sangat (*heroic*) gagah dan perkasa.
3. Hikayat Perang Sabil, juga diciptakan menjelang akhir abad XIX oleh Teungku Chik Pante Kulu, untuk membangkitkan semangat “Perang Sabil” rakyat Aceh melawan Belanda, menurut penilaian seorang ahli bangsa Belanda, bahawa Hikayat Perang Sabil ini kalau tidak melebihi, sekurang-kurangnya menyamai *illias* dan *Odyssea*, kesusasteraan epos karya pujangga Homerus di zaman “Epic Era” Yunani sekitar tahun 900-700 S.M.¹⁴⁸

Menurut penjelasan di atas, maka jelaslah bahawa kesusasteraan yang lahir di Aceh berasal dari kesusasteraan Islam. Ini kerana, proses kelahirannya adalah akibat pengaruh syair-syair penyair Hasan bin Tsabit dalam membangkitkan semangat jihad untuk kaum muslimin di zaman Rasulullah s.a.w. disebabkan pengaruh tersebut, maka sasterawan sekaligus sebagai ulama Aceh masa itu tergerak hatinya untuk menyamai karya-karya yang pernah lahir pada masa Rasulullah tersebut. Maka Teungku Chik Muhammad Pante Kulu atau dengan gelaran Teungku Chik Pante Kulu sempat dalam

¹⁴⁸ A.Hasjmy (1981), “Nafas Islam Dalam Kesusasteraan Aceh” (ed.), *Dari Sini Ia Bersemi*, Panitia Penyelenggara Musabaqah Tilawatil Qur’an Tingkat Nasional ke 12 Tahun 1981 Banda Aceh, Pemerintah Daerah Istimewa Aceh, hal. 299-300.

perjalanannya kembali dari Makah ke negeri Aceh. Antara Jeddah dengan Penang, Teungku Chik Pante Kulu mengarang hikayat Perang Sabilnya dengan tujuan mempersembahkan kepada seorang sahabatnya yang bernama Teungku Chik di Tiro dan seluruh rakyat Aceh, yang bertujuan membangkitkan semangat jihad melawan Belanda.¹⁴⁹

Di samping wujudnya pengaruh kuat dari sastera lain, karya sastera (hikayat) Aceh juga mempunyai ciri-ciri khas tertentu sebagai karya sastera yang bercorak Islam atau dengan kata lain karya sastera yang berlambangkan Islam. Ciri-ciri tersebut adalah seperti berikut:

- a) Menggunakan bahasa berunsur sajak atau Puisi,
- b) Dimulai dengan Bismillāhirrahmānirrahīm,
- c) Mukaddimah berisi pujian kepada Allah s.w.t. dan salam sejahtera kepada Rasulullah s.a.w.
- d) Tokoh utama adalah manusia yang taat kepada Allah s.w.t, berakhlak mulia, berwatak pahlawan, berhati budiman, dan berpendidikan agama yang sempurna,
- e) Pengarang menyembunyikan identiti dirinya walaupun menulis nama dirinya, ia sentiasa merendahkan diri sebagai fakir yang hina.¹⁵⁰

Berikut ini adalah salah satu contoh mukadimah karya sastera (Hikayat Putroe Gumbak Meueh) yang memenuhi kriteria-kriteria yang penulis sebutkan di atas. Terjemahan karya tersebut adalah:

¹⁴⁹ *Ibid.*, hal. 301.

¹⁵⁰ Mohd. Harun al-Rasyid (2002), *op.cit.*, A.Hasjmy (1981), *op.cit.*, hal.296-297.

*Kepada Allah kumohon bantuan,
Kalau Allah kata yang suci
Dengan namanya kumulai suratan,
Berkat restu Kalam Ilahi.*

*Setelah puja Alhamdulillah,
Memuji Allah Yang Maha kaya,
Segala puji miliknya Allah,
Kita hambanya miskin papa,*

*Setelah memuja Allah Ahad,
Diiringi salawat kepada Nabi,
Salawat salam kepada Muhammad,
Penghulu ummat di alam ini.¹⁵¹*

Begitu juga dengan Hikayat Perang Sabil yang selalu dimulai dengan nama Allah (Bismillāh) dan selawat kepada Nabi Muhammad s.a.w. Hal tersebut, dapat dilihat dalam karya hikayat yang berbahasa Aceh. Mukadimahny sebagai berikut:

Bahasa Aceh:

*Bismillāhirrahmānirrahīm
Alhamdulillah khaliq'asy-ya
Bandum peukara punujut Rabbi
Arasy keurusi syeurga nuraka
Leugat ngon donya dum barangri*

*Komudian seulaweut saleuem haluan
Ateueh janjongan panghulee Nabi
U ateueh wareh sahbat dum sajan
Seukalian muhajir ansari*

*Ohlheuh pujoe seulaweut sudah
Nyoe hadiah haba paki
Tulong Tuhan ensya Allah
Lon meugpegah haba prang sabi.*

*Haba kitab lon meung karang,
Suroh Cut Abang ubak kami,
Lon meudakwapih han reumbang,
Wareh rakan dum beurangri*

¹⁵¹ *Ibid.*, hal. 296.

*Geulantoe lon bri kreh,
Badai lon pulang krong meuriti,
Badai tampok pucok keurawang,
Badai keunarang intan pudi*

Terjemahannya:

*Bismillāhirrahmānirrahīm
Alhamdulillah Allah pencipta
Alam semesta Allah jadikan
Arasd tinggi syurga neraka
Langit dan bumi beserta isi.*

*Kemudian selawat beserta salam
Atas junjungan penghulu Nabi
Demikian pula sahabat kenalan
Sekalian Muhajirin Ansar.*

*Diiringi puji dan salam ,
Hamba berdatang sembah bawa hadiah,
Berupa berita kisah perang sabil,
Dengan bantuan Ilahi Rabbi*

*Perkhabaran Al-Quran akan direka,
Pinta kakanda pada adinda,
Menolak kehendak layak tiada,
Meski karangan kurang sempurna.*

*Sebagai ganti keris pusaka,
Lumbung padi berderet rapi,
Pucuk kerawang bertumpuk cemerlang,
Atau rangkaian intan baiduri.¹⁵²*

Berkenaan dengan asal-usul karya sastera dalam masyarakat Indonesia secara am, sememangnya terdapat sedikit perbezaan dengan asal-usul karya sastera yang lahir di negeri Aceh khususnya. Hal ini kerana, kesusasteraan Indonesia secara amnya mengikut bersamaan lahirnya suatu bahasa iaitu bahasa Indonesia itu sendiri sebagai bahasa pengantar dalam masyarakat Indonesia. Dengan kata lain asal-usulnya adalah sejak diiktirafkan bahasa Indonesia sebagai bahasa Nasional oleh kerajaan Indonesia.

¹⁵² Teungku Chik Pante Kulu (1980), *Hikayat Prang Sabi, Masa Prang Aceh ngon Belanda*. Penyalin Anzib, Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Proyek Penerbitan Buku Sastra Indonesia dan Daerah, hal. 22.

Hal ini mengikut pendapat Umar Yunus seperti yang dipetik oleh Ajib Rosidi dalam bukunya “Kapan Kesusasteraan Indonesia Lahir”. Menurut Umar, asal-usul kelahiran sastera Indonesia secara rasmi ialah setelah lahirnya Sumpah Pemuda pada tahun 1928, iaitu semenjak diintegrasikan bahasa Melayu sebagai bahasa nasional Indonesia secara rasmi.¹⁵³ Pelopor utama dalam melahirkan sastera Indonesia adalah Abdullah Bin Abd. Kadir Munsyi. Karyanya juga selalu berlandaskan Islam.

Sungguhpun demikian, pendapat Umar Yunus mengenai asal-usul kesusasteraan Indonesia hanya terhad setelah pengiktirafan bahasa Indonesia tersebut. Namun, menjadi suatu kesepakatan para ahli sastera Indonesia dalam menyimpulkan mengenai asal-usul sastera Indonesia, ia telah lahir sebelum bahasa Indonesia ada yang disebut sebagai kesusasteraan Indonesia lama. Demikian para ahli tersebut berpendapat bahawa kesusasteraan Indonesia bermula dari pengaruh- pengaruh kesusasteraan yang datang dari luar, seperti Parsi dan India yang berlandaskan Islam. Hal ini dapat dilihat dalam kesusasteraan yang dikategorikan sebagai kesusasteraan Indonesia lama (klasik) yang dikarang oleh penyair sekaligus sebagai ulama Aceh seperti Hamzah al-Fansuri, Syamsuddin al-Sumatrani, Nuruddin al-Raniry dan beberapa orang penulis lain. Sebagai pusat-puat yang banyak menghasilkan kesusasteraan bercorak keislaman dalam berbagai-bagai bentuk pada masa itu adalah Samudera Pasai, Aceh dan Johor-Riau.¹⁵⁴ Oleh itu, berpunca dari hasil-hasil karya merekalah dianggap sebagai titik awal kelahiran kesusasteraan Indonesia secara am.

Karya-karya Hamzah al-Fansuri tersebut biarpun dikelompokkan sebagai karya klasik, namun tetap terkenal bahkan menjadi tajuk pembincangan di kalangan

¹⁵³ Ajib Rosidi (1985), *Kapan Kesusastraan Indonesia Lahir ?*. Jakarta : Pt. Agung, hal. 3.

¹⁵⁴ A.Bakar Hamid, *Diskusi Sastra*, (1974), Kuala Lumpur : *Dewan Bahasa dan Pustaka*, , jil.I, hal. 81.

sasterawan Nusantara masa kini, seperti Syair Burung Pungai, Syair Dagang, Syair Perahu dan Syair Sidang Fakir. Karya-karya tersebut selain mempunyai nilai sastra yang sangat tinggi ia juga dapat menyamai dengan perkembangan karya sastra melayu sekarang ini. Dalam ucapan atau bahasa yang dipergunakan oleh Hamzah al-Fansuri menurut karya tersebut berlandaskan dengan nilai-nilai ajaran agama. Manakala, dalam persoalan ungkapan pula istilah yang digunakan oleh Hamzah al-Fansuri dalam karya sastranya seperti ungkapan rantau, handai taulan, tenggang, sayogia, fakir dan karam, telah menjadi bahan atau kata-kata popular dalam karangan-karangan karya sastra Indonesia moden. Hamzah al-Fansuri telah di kategorikan sebagai salah seorang tokoh daripada pelopor kelahiran kesusasteraan Indonesia secara amnya dan Aceh khususnya.

Justeru, merujuk kepada pendapat Umar tersebut yang mengatakan lahirnya kesusasteraan Indonesia bermula dari lahirnya bahasa Indonesia pada tahun 1928 memang ada benarnya. Ini kerana, menurut pendapat Umar pertumbuhan sastra itu disebabkan oleh adanya bahasa, akan tetapi sastra yang dimaksudkan oleh Umar tersebut adalah sastra Indonesia moden yang menjadi bukti lahirnya pelopor-pelopor pujangga baru sewaktu perjuangan bangsa Indonesia secara am dan sebelum itu tidak dimasukkan ke dalam kesusasteraan Indonesia.

Pada hal, untuk karya sastra tempatan yang lama (klasik) iaitu sebelum Indonesia bergabung dengan Aceh dahulu, Aceh mempunyai sastranya tersendiri yang sangat unik. Bahkan sehingga kini seperti Hikayat-hikayat Perang Sabil dan Hamzah al-Fansuri juga yang telah penulis sebutkan di atas sebagai pelopor kesusasteraan Aceh, Melayu, Indonesia dan Nusantara secara am.

Selain itu karya sastra (hikayat) Aceh yang dikategorikan sebagai karya sastra lama oleh sasterawan sekarang pada dasarnya menggunakan bahasa Aceh, Melayu dan Arab sebagai bahasa pengantar yang berlaku dalam kerajaan Aceh pada masa itu. Bahasa Aceh juga merupakan bahasa kebangsaan yang amnya dipergunakan dalam kehidupan seharian oleh orang Aceh. Kesusasteraan Aceh pada amnya dalam bentuk puisi, ditulis dan diucapkan dalam bahasa Aceh dengan nama hikayat, sementara karya sastra Aceh dalam bentuk prosa pada amnya adalah bersifat mantra.¹⁵⁵ Oleh itu, ada benarnya juga mengenai asal-usul kesusasteraan yang tumbuh dan berkembang di negeri Aceh, sebagai suatu bentuk karya sastra Aceh yang lahir sebelum wujudnya kerajaan Indonesia, iaitu sebelum dideklarasikan bahasa Indonesia pada tahun 1928.

Demikian, asal-usul karya sastra dalam suatu masyarakat yang mempunyai asal-usulnya tersendiri. Begitu juga karya sastra (hikayat) dalam masyarakat Aceh khasnya dan bangsa Indonesia secara keseluruhan menunjukkan asal-usul yang berbeza-beza dari sudut pandangan dengan berbagai-bagai hujah mahupun alasan-alasan yang berlainan. Kesemua pendapat tersebut mempunyai kebenaran tersendiri menurut dari segi pandangannya.

3.3. Jenis-Jenis Sastra

Sekiranya berbincang mengenai persoalan jenis atau bentuk karya sastra, maka pada hakikatnya kesusasteraan secara am dapat dibahagikan kepada dua bentuk utama, iaitu karya sastra dalam bentuk lisan dan karya sastra dalam bentuk tulisan. Daripada kedua-dua bentuk karya tersebut juga terdapat perbezaan yang sangat jelas

¹⁵⁵ A. Hasjmi (1981), *op.cit.* hal. 269.

dan nyata kerana karya sastera yang berbentuk lisan selalu menampilkan kisah cerita melalui lisan sewaktu berlangsungnya pertunjukan (*oral performance*). Manakala, karya sastera tulisan menggunakan bahasa tulisan sebagai media penyampaiannya kepada pendengar untuk lebih jelas tentang sastera lisan dan tulisan tersebut. Maka di bawah ini penulis menghuraikan satu persatu jenis atau bentuk karya tersebut seperti berikut:

3.3.1. Sastera Lisan

Karya sastera lisan merupakan sebuah karya sastera yang paling awal jika dibandingkan dengan karya sastera lain yang berbentuk tulisan. Karya sastera dalam bentuk lisan ini menonjolkan kisahnya melalui media lisan. Media tersebut dijadikan sebagai sarana untuk menyampaikan kisah-kisah ataupun cerita kepada masyarakat. Karya sastera lisan (hikayat) dalam masyarakat Aceh dihafal secara turun-temurun iaitu dari nenek kepada ayah, dari ayah kepada anak dan dari anak kepada cucu. Maka, tidak hairanlah kalau karya sastera lisan ini berlaku sebarang perubahan menurut keinginan orang yang menceritakannya. Cara seperti ini sama juga seperti daerah-daerah lain. Tradisi sastera lisan yang paling awal dalam sastera Aceh adalah puisi, iaitu mantra dan pawang merupakan sebagai penyair dan pencipta karya tersebut.

Karya sastera lisan kebiasaannya ditampilkan di balai, kampung dan dalam majlis perkahwinan. Malah ia juga diceritakan kepada anak-anak sebelum tidur dan yang lebih penting lagi sebagai pembangkit semangat berjuang bagi orang Aceh dalam menentang kaum penjajah. Namun lama-kelamaan, keadaan seperti itu menjadi lenyap dan hilang disebabkan oleh pengaruh-pengaruh zaman moden di mana telah banyak menghasilkan media cetak dan elektronik.

Bagi menampilkan cerita tersebut pada acara-acara tertentu dalam masyarakat, tuan rumah akan menjemput ahli-ahli tukang cerita. Manakala, masyarakat Aceh pula dijadikan sebagai sarana sosialisasi berbagai-bagai nilai kehidupan seperti nilai keagamaan, nilai etika, nilai estetika, nilai politik dan nilai demokrasi. Mereka sering menampilkan cerita-cerita sebagai hiburan untuk para pengunjung yang hadir ke tempat acara majlis tersebut. Berkaitan dengan sastera lisan tersebut, A. Hasjmy menjelaskan bahawa sastera lisan banyak bentuknya. Antara lain adalah nasib yang didialogkan antara dua belah pihak mengenai berbagai peristiwa.¹⁵⁶

Kewujudan sastera lisan dalam masyarakat Aceh pada masa ini sememangnya tidak lagi berkembang seperti dahulu. Hal ini kerana, perubahan-perubahan yang terjadi dalam masyarakat sekarang sangat maju dalam berbagai-bagai bidang. Disebabkan munculnya pelbagai kemajuan teknologi dan informasi sehingga kedudukan sastera lisan dalam masyarakat Aceh khasnya semakin mundur bahkan hilang dan hanya tinggal kenangan.

3.3.2. Sastera Tulisan

Sastera tulisan (catatan) adalah jenis karya sastera yang menggunakan tulisan sebagai media dalam menyampaikan cerita-cerita. Karya sastera tulisan lebih cepat perkembangannya dalam masyarakat jika dibandingkan dengan karya sastera lisan. Proses perkembangannya yang sangat cepat dalam masyarakat kerana munculnya pelbagai bentuk media dalam mengaplikasikan hasil-hasil karya tersebut melalui tulisan-tulisan. Maka karya-karya sastera lisan yang dahulunya sangat diminati oleh

¹⁵⁶ A. Hasjmy (1977), *Sumbangan Kesusasteraan Aceh Dalam Pembinaan Kesusasteraan Indonesia.*, Jakarta : Bulan Bintang, hal. 115.

masyarakat lama-kelamaan menjadi hilang peminatnya serta lembab perkembangannya dalam masyarakat. Karya sastra tulisan juga boleh dinikmati bila-bila masa dan di mana saja oleh masyarakat dengan membuka kembali buku-buku karya sastra yang ditulis dalam berbagai-bagai jenis atau bentuk dan nama yang berbeza-beza antara satu bentuk dengan bentuk yang lain. Dalam membahagikan jenis-jenis karya sastra tulisan tersebut, Bakar Hatta dalam bukunya “Sastra Nusantara Suatu Pengantar Studi Sastra Melayu” membahagikan sastra tulisan kepada beberapa jenis iaitu : *Mantra, Pantun, Liris Prosa, Gurindam, Sloka, Syair, Nazam, Rubai, Kith'ah, Gazal dan Nazam*.¹⁵⁷

Pembahagian jenis-jenis sastra di atas, Bakar Hatta tidak memasukkan dan menyebutkan bahawa jenis hikayat juga sebagai sebuah bentuk karya sastra tulisan yang sangat diminati dan sangat popular dalam masyarakat Aceh pada amnya. Oleh yang demikian, dalam disertasi ini penulis merasa perlu juga menambahkan karya sastra yang berbentuk hikayat sebagai salah satu jenis daripada karya sastra tulisan yang sangat berkait dengan penulisan disertasi ini. Meskipun hikayat tersebut dari segi kritik sastra moden dianggap sebagai karya sastra imajinasi sahaja, tetapi dalam pandangan masyarakat Aceh secara amnya bukanlah semata-mata khayalan. Hal ini kerana setiap cerita-cerita yang dilakarkan di dalamnya dianggap sebagai suatu peristiwa kehidupan yang nyata daripada sebuah hasil imajinasi pengarang masa itu. Maka dalam hal ini dibuktikan dengan ramainya masyarakat yang berkeyakinan bahawa tokoh yang disebut dengan Malem Diwa (Tengku Malem) dalam karya hikayat Malem Diwa memang benar wujud dalam kisah sejarah Aceh.

¹⁵⁷ Bakar Hatta (1984), *Sastra Nusantara Suatu Pengantar Studi Sastra Melayu*, Jakarta: Galia Indonesia, hal. 11.

Kesusasteran Aceh dalam pengucapan dan penulisan bahasa Aceh juga hampir semuanya dalam bentuk puisi. Bahkan sangat sedikit dalam bentuk prosa, sama ada karya sastra tersebut dalam bentuk novel, dongeng, sejarah, nasihat, agama atau sebagainya. Oleh kerana itu dalam kesusasteraan Aceh dikenal dengan nama novel bersajak, dongeng bersajak, cerita bersajak, sejarah bersajak, nasihat bersajak, kisah bersajak, percakapan bersajak, surat bersajak serta bahkan sampai ilmu pengetahuan bersajak.

Oleh kerana karya sastra atau hikayat Aceh sangat penting dalam persoalan untuk pembahasan disertasi ini, maka penulis perlu menghuraikan bentuk-bentuk hikayat tersebut, terutama hikayat yang ada hubungannya dengan penulisan sejarah. Bahan-bahan ini dapat dijadikan sebagai rujukan atau sumber dalam penulisan karya sejarah terutama sejarah Aceh.

Dalam Ensiklopedia Nasional Indonesia VI, menyatakan bahawa hikayat adalah hikayah yang berasal dari bahasa Arab iaitu bererti kisah, cerita, dongeng.¹⁵⁸ Manakala, Kamus Besar Bahasa Indonesia pula menjelaskan hikayat sebagai karya sastra berunsur cerita sama ada sejarah mahupun cerita karut (dongeng) yang dibaca untuk penglipurlara, meraikan pesta dan pembangkit semangat juang.¹⁵⁹ Hikayat yang dimaksudkan di sini adalah hikayat yang bercorak cerita sejarah dan sekaligus dapat dijadikan sebagai sumber dalam penulisan karya sejarah itu sendiri.

¹⁵⁸ B. Setiawan (1986), *Ensiklopedi Nasional Indonesia*. Jilid VI, Jakarta : Cipta Abadi Pustaka, hal. 427.

¹⁵⁹ Departemen Pendidikan dan Kebudayaan (1989) *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Jakarta : Balai Pustaka, hal. 307.

Karya sastera (hikayat) sejarah memang mempunyai dua nilai yang tidak dapat dipisahkan kerana sangat berkaitan nilai sastera dan nilai sejarah. Namun demikian, terdapat perbezaan antara keduanya dalam aspek objek kajian. Ini kerana dalam aspek objek kajiannya karya sastera lebih mengutamakan estetika daripada objektif sebuah karya. Sedangkan sejarah lebih mengutamakan ketulinan sebuah fakta yang didapati di suatu tempat kajian. Di samping itu ianya menggunakan langkah-langkah tertentu dalam menganalisis dan menginterpretasi sebuah sumber sehingga menjadi tulen serta dapat mempertanggungjawabkan keasliannya ini kepada orang ramai.

Perkembangan penulisan sastera (hikayat) sejarah dalam masyarakat Aceh khususnya dan Indonesia pada umumnya, disajikan dalam berbagai-bagai bentuk dan jenis berbeza-beza serta setanding dengan sastera moden yang berkembang di Indonesia pada masa ini. Oleh itu, A. Hasjmy secara keseluruhan membahagikan hikayat ini kepada enam jenis. Ini adalah menurut sistem dan kebiasaan dalam penulisan hikayat Aceh iaitu hikayat agama, hikayat sejarah, hikayat safari, hikayat peristiwa, hikayat jihad dan hikayat cerita (roman atau novel).¹⁶⁰

Hikayat-hikayat yang telah penulis huraikan di atas merupakan antara karya-karya sastera (hikayat) yang mampu memberikan kontribusinya dalam memberikan informasi terhadap peristiwa yang pernah terjadi masa lalu. Meskipun peristiwa-peristiwa ini berbeza seperti yang diceritakan dalam karya tersebut, tetapi sedikit sebanyak dapat memberikan gambaran secara am pada masa tertentu yang telah berlalu. Demikian, jelaslah bahawa kedudukan karya sastera (hikayat) dalam masyarakat sangat membantu para ahli sejarah untuk menjalankan kajiannya terhadap

¹⁶⁰ A. Hasjmy (1981), *op.cit.* hal. 4.

peristiwa yang dicatatkan dalam karya tersebut. Namun dari segi bentuknya hikayat tersebut tetap terdapat perbezaan dari sudut pandangan oleh ahli-ahlinya. Maka dalam hal ini, Husen Djajadiningrat mengklasifikasikan hikayat tersebut sebagai berikut :

... Djajadiningrat tidak memasukkan karya Sastera yang berisikan pendidikan agama (Sastera kitab) kedalam katagori hikayat, tetapi menambahkan sejarah dan petualangan. Yang dimaksudkan dengan "sejarah" disini mungkin hikayat yang berisi peristiwa-peristiwa yang berisi sejarah aktual pada masa itu (seperti : Hikayat Pocut Muhammad) atau peristiwa-peristiwa aktual pada masa itu (seperti Hikayat Tgk. Di Meukek, Hikayat perang Tgk Geudong, Hikayat perang Kompeni, yang termasuk kedalam kelompok Hikayat Perang Sabi).¹⁶¹

Sedangkan Snouck Hurgronje menggolongkan jenis hikayat dalam beberapa kategori di antaranya seperti berikut :

1. *Hikayat Ruhe* iaitu jenis hikayat yang bercirikan cerita jenaka, contoh karyanya seperti *Hikayat Guda, Hikayat Lumo, Hikayat Ureung Jawa, Hikayat Po di Amat, Hikayat Po Jambo*.
2. *Hikayat Epik* iaitu Hikayat yang berisikan cerita kepahlawanan. Contoh karyanya seperti *Hikayat Meukuta Alam, (Hourgronje: Hikayat Malem Dagang), Hikayat Pocut Muhammad, Hikayat Perang Geumpeuni, Hikayat Raja Sulaiman, Hikayat Tgk di Meukek*.
3. *Risalah asli* iaitu hikayat mengenai tajuk pengetahuan, atau selebaran, contohnya seperti *Hikayat Perang Sabil, dan Nasa'ihon Radat karya Tgk. Chik di Tiro, Tazkirat Ar- Rakidin karya Tgk. Chik Kuta Karang, Nasihat Ureung Meuprang karya Tgk. Nyak Amat cot Paleue, Hikayat Ranto karya Leube Isa Bambi*.
4. *Hikayat Fiksi* iaitu Hikayat roman atau hikayat berunsurkan kisah petualangan (*Djajadiningrat*). Contoh karyanya *Hikayat Malem Diwandak, Hikayat Nun Parisi, Hikayat Banta Beuransah, Hikayat Malem Dewa, Hikayat Gajah Tujoh Ulee, Hikayat Putroe Gumbak Meuih, Hikayat Cham Nadiman, Hikayat Banta Ahmad, Hikayat*

¹⁶¹ Imran Teuku Abdullah (1991), *Hikayat Meukuta Alam*, Jakarta: Intermedia, hal.18.

*Putroe Baren, Hikayat Banta Ali, Hikayat Indra Bangsawan, Hikayat Chah Kubat, Hikayat Indra Patra dan lain-lain.*¹⁶²

Daripada hasil rumusan pendapat dua ahli sejarah di atas maka jelas bahawa hikayat-hikayat tersebut sangat membantu para penulis karya sejarah dalam menjejaki hal ehwal tentang kehidupan manusia pada masa lalu terhadap segala aspek kehidupan sosio-budaya dan politik. Segala aspek tersebut menjadi iktibar dan manfaat untuk masa sekarang dan masa akan datang supaya lebih maju dan cemerlang.

Meskipun demikian, terdapat sebahagian orang beranggapan bahawa karya sastera (hikayat) merupakan karya sastera fiktif (dongeng) yang fungsinya hanya sebagai media hiburan semata-mata. Walau bagaimanapun tidaklah semuanya sedemikian, kerana sebahagian besar karya sastera hikayat yang pernah lahir di Aceh khususnya, di samping berperanan sebagai hiburan ia juga terbukti bermanfaat untuk para pengkaji sejarah. Bahkan ramai para ahli pengkaji telah menjalankan penyelidikan terhadap hikayat-hikayat tersebut sehingga dapat menemui suatu kesimpulan. Kesemua itu tidak terlepas dari hasil penyelidikan yang telah mereka lakukan terhadap karya sastera hikayat tersebut.

Sebagai contoh, antara kebanyakan hikayat-hikayat Aceh mengisahkan peristiwa yang sesuai dengan keadaan zaman hikayat tersebut dihasilkan. Misalnya *Hikayat Raja-raja Pasai* merupakan hikayat (sastera) sejarah yang menceritakan tentang peristiwa-peristiwa pada zaman kerajaan Pasai dan menampilkan Sultan Malik al-Shalih dan anaknya Malik al-Zahir sebagai tokoh. Oleh itu, secara umumnya Hikayat

¹⁶² *Ibid.*, hal. 790.

Raja-raja Pasai juga mangandungi tiga pokok persoalan. *Pertama*, menceritakan tentang asal-usul raja-raja, pembentukan kerajaan serta pengislaman mereka. *Kedua*, mengisahkan mengenai ketokohan raja-raja kerajaan Pasai, kepahlawanan serta kegagahanya. *Ketiga*, menceritakan persoalan sebab-sebab kejatuhan kerajaan Pasai tersebut.¹⁶³

Maka dalam persoalan tersebut, R Roolvink memberikan pandangannya sendiri terhadap Hikayat Raja-raja Pasai tersebut iaitu:

Menurutnya; Hikayat Raja-raja Pasai ditandai oleh suatu wawasan sejarah yang diciptakan oleh pengarangnya. Menurut wawasan tersebut, sejarah Pasai terbahagi dua : Pemerintahan yang adil daripada raja-rajanya yang awal dimahkotai dengan kemenangan Pasai keatas tentera Siam, dan kezaliman rajanya yang terakhir, iaitu Raja Ahmad, mengakibatkan penaklukan ke atas Pasai oleh bala tentera Majapahit.¹⁶⁴

Hikayat Raja-raja Pasai tersebut juga, jika diinterpretasikan secara ilmu pengetahuan di dalamnya mengandungi tiga unsur pokok nilai pengetahuan. Antaranya adalah seperti dibawah:

Pertama ialah termasuk jenis kesusasteraan sejarah yang paling asli dan tertua dalam sejarah Nusantara.

Kedua adalah Hikayat Raja-raja Pasai mengandungi petunjuk tentang sejarah kemasukan agama Islam ke Indonesia dan memberikan keterangan tentang Sejarah Majapahit serta daerah-daerah taklukannya.

¹⁶³ Mustafa Hj. Daud (1991), *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distribution, Sdn.Bhd, hal. 331.

¹⁶⁴ Boris Parnickel (1995), *op.cit.*, hal. 53.

Ketiga Hikayat Raja-raja Pasai ini banyak memuatkan perkara-perkara kebudayaan Aceh sehingga sangat besar manfaat dan sokongannya dalam pengkajian sejarah.¹⁶⁵

Meskipun demikian, hikayat-hikayat Aceh semenjak dari kerajaan Pasai hingga Kerajaan Aceh Darussalam pada abad ke-XIX berperan penting dalam mengarahkan para ahli sejarah untuk membuat suatu penelitian atau pengkajian terhadap penulisan karya sejarah Aceh khususnya. Sejarah lainnya pula yang ada hubungkait dengan sejarah Aceh itu sendiri adalah berdasarkan keterangan-keterangan dalam hikayat tersebut. Maka wujud juga hal yang sama terhadap hikayat Malem Dagang yang selesai di karang pada tahun 1889M sebagai hikayat Epik. Dalam hal tersebut, Snouck Hurgronje mengatakan bahawa keunggulan karya sastra dalam bentuk epik Aceh terletak pada kebenaran semata-mata, kesempurnaan bahasa puitisnya, rasa tragis dan rasa lucu yang halus dan ringkas serta tepat dalam penggambaran kehidupan bangsanya.¹⁶⁶

Dalam Hikayat Malem Dagang dapat dikategorikan sebagai hikayat epik yang menceritakan tentang kepahlawanan Sultan Iskandar Muda dan kepimpinannya menjayakan kerajaan Islam Aceh menjadi kerajaan terbesar daripada lima kerajaan Islam lainnya pada abad ke-16 dan 17 Masihi. Sehingga ia mendapat perhatian utama dari kerajaan-kerajaan Islam dunia ketika itu, seperti India dan Turki, serta negara tersebut dapat menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Aceh pada masa itu.

¹⁶⁵ Bakar Hatta (1984), *op. cit.*, hal. 21-22

¹⁶⁶ *Ibid.*, hal. 80.

Oleh itu, hikayat-hikayat yang telah penulis paparkan di atas atau pun hikayat lain yang ada hubungan dengan keadaan sosial mahupun politik masyarakat Aceh dahulu dapat dijadikan sebagai bahan rujukan awal untuk mengungkapkan kembali apa yang sebenarnya telah berlaku pada masa kerajaan Aceh yang lampau. Hikayat tersebut dapat memberi peluang kepada sejarawan untuk mengkaji kembali perkara yang sebenarnya terjadi di bumi Serambi Mekah tersebut.

3.4. Perkembangan Sastera Aceh

Salah satu jenis karya sastera yang sangat popular dalam masyarakat Aceh adalah hikayat. Pada masa dahulu di kampung-kampung yang ada di Aceh masyarakat sering berkumpul di dewan-dewan (*Panteue-panteue*) untuk menyaksikan orang membaca hikayat dalam bahasa Aceh. Kisah-kisah hikayat yang disampaikan oleh tukang cerita dalam masyarakat di samping sebagai hiburan yang dibaca dengan beberapa lagu hikayat, dianggap juga sebagai kisah benar yang pernah terjadi dalam kehidupan masyarakat itu sendiri, ini di keranakan orang yang menyampaikan hikayat mengisahkan tentang kehidupan, nilai agama, nilai moral dan peranan tokoh-tokoh penting dalam Islam dan sejarah Aceh.

Para penyair atau orang yang membaca hikayat selalu menjadi perhatian banyak pihak dalam masyarakat, kerana merekalah satu-satunya yang dapat menyampaikan pesan-pesan lama mahupun kisah-kisah keagamaan untuk dijadikan teladan kepada generasi muda melalui karya sastera yang disampaikan melalui lisan. Karya sastera lama Aceh sebelum penjajah Belanda berkuasa di Aceh sampai pada tahun 1924 belum pernah ditulis dalam bentuk prosa, akan tetapi ditulis dalam bentuk puisi (*narit mupakhok*) iaitu ucapan bersajak seperti pantun, nasib, kisah dan hikayat,

sedangkan karya sastra keagamaan yang berbentuk puisi disebut nalam (nazam). Namun demikian kesusasteraan Aceh dalam bentuk puisi juga dinamakan "hikayat", kadang-kadang dalam bentuk prosa pun dinamakan "hikayat", seperti "hikayat Aceh" yang didalamnya terkandung salasilah Raja-raja kerajaan Aceh Darussalam.¹⁶⁷

Hikayat yang dikarang dalam bentuk puisi, menceritakan peristiwa-peristiwa yang terjadi pada masa kerajaan Islam Samudera Pasai, kerajaan Islam Perlak, kerajaan Islam Benua, kerajaan Islam Lingga, kerajaan Islam Pidie, kerajaan Islam Daya dan kerajaan Islam Aceh Darussalam banyak yang dihikayatkan menjadi novel puisi dalam bentuk sejarah atau roman sejarah.

Untuk mengetahui perkembangan sastra di Aceh khususnya hampir sama dengan perkembangan sastra di Alam Melayu pada umumnya, kerana bahasa Melayu merupakan bahasa komunikasi yang paling popular digunakan oleh masyarakat Aceh, pada masa kerajaan Islam Samudera Pasai dan kerajaan Aceh Darussalam yang meliputi seluruh Tanah Aceh dinyatakan ada tiga bahasa rasmi yang berlaku iaitu: Bahasa Aceh, bahasa Melayu, bahasa Arab.¹⁶⁸ Dengan demikian dapat dipastikan bahawa karya sastra atau hikayat Aceh adalah berbahasa Melayu. Hal ini dapat kita lihat dari bentuk-bentuk karya sastra lama di Aceh khususnya iaitu Hikayat Raja-raja Pasai sebagai salah satu karya intelektual yang tertua dihasilkan di Pasai yang ditulis dalam bahasa Melayu klasik.

¹⁶⁷ A.Hasjmy (1981), *op. cit.*, hal. 289.

¹⁶⁸ Haji Buyong Adil (1972), *Sejarah Pahang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 31.

Mengenai penggunaan bahasa Melayu di Tanah Aceh, Sutan Takdir

Alisyahbana mengatakan sebagai berikut:

*”Tentang soal bangsa Aceh, sejak dari zaman dahulu kala bahasa Melayu bukan asing lagi di Aceh. Hampir segala buku yang penting yang lalu memakai bahasa Melayu. Bahasa Melayu ialah bahasa agama, bahasa perdagangan, bahasa raja-raja dan bahasa kesusasteraan di Aceh. Dan yang telah berlangsung berabad-abad itu sampai sekarang tiadalah berubah : orang Aceh sekarangpun masih mengarang dan berbicara memakai bahasa Melayu”*¹⁶⁹

Setelah menyemak huraian Alisyahbana di atas maka dapat di simpulkan bahawa masa awal lahirnya kesusasteraan (hikayat) Aceh adalah jauh sebelum Aceh menjadi wilayah Indonesia iaitu pada masa Aceh masih sebuah kerajaan pada abad ke-13. Pada zaman tersebut telah lahir beberapa karya hikayat legenda Aceh yang sangat terkenal sampai sekarang antara lain adalah syair Perahu, Bustanul As-Salatin, Hikayat Perang Sabil, Hikayat Malem Dagang, Hikayat Pocut Muhammad dan Hikayat Putroe Bungsu dan lain-lain.

Semua hikayat yang dikarang sebelum Aceh menjadi wilayah Indonesia atau diiktirafkan bahasa Indonesia sebagai bahasa Nasional pada 28hb Oktober 1928 di golongan sebagai karya sastera lama dan setelah adanya bahasa Indonesia diberi nama sastera Indonesia moden. Namun demikian karya sastera Aceh lama (klasik) dalam bentuk lisan mahupun tulisan merupakan asal-usul lahirnya kesusasteraan Indonesia. Kerana ia menjadi milik semua warga negara Indonesia.¹⁷⁰

¹⁶⁹ Sutan Takdir Alisyahbana (1934), *Pujangga Baru Tahun 1934*, Jakarta: Pustaka Rakyat, hal. 163.

¹⁷⁰ A. Hasjmy (1977), *op.cit.*, hal. 114.

Hikayat Aceh di samping mempunyai ciri khas tertentu iaitu dimulai dengan nama Allah (Bismillāh) dan puji-pujian kepada Allah serta selawat kepada nabi Muhammad s.a.w. Di samping itu pula mengandungi unsur-unsur semangat kepahlawanan, ini dikeranakan semangat keagamaan yang menjadi faktor utama sehingga melahirkan mujahid-mujahid dakwah di Tanah Aceh yang menyebarkan agama Islam ke seluruh pelosok Nusantara, daripada zaman kerajaan Islam Pasai, Perlak sampai kerajaan Islam Aceh Darussalam. Maka tidak hairanlah sebahagian besar karya sasteranya mengandungi semangat kepahlawanan dan keagamaan. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa kesusasteraan Aceh pada hakikatnya adalah kesusasteraan yang bercirikan Islam.

3.4.1. Perkembangan Sastera Lisan

Sebelum tulisan mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat Melayu pada umumnya, ungkapan sering menjadi perantara dan tradisi bagi masyarakat dalam menyampaikan kisah-kisah yang terjadi dalam masyarakat. Oleh kerana sastera lisan lahir dan berkembang dalam masyarakat, maka dipanggil sastera masyarakat atau rakyat. Sastera lisan dalam masyarakat Aceh disebut juga sebagai *haba jameueun* (cerita zaman dahulu), ianya mengisahkan tentang peristiwa peperangan, percintaan, nasehat dan lain-lain. Sastera lisan merupakan bentuk karya sastera hikayat yang popular dalam masyarakat Aceh pada masa dahulu. Hikayat tersebut disampaikan oleh tukang cerita melalui percakapan dan hafalan tanpa adanya sistem penulisan. Kebiasaan hikayat dalam bentuk ini diwarisi daripada satu generasi ke generasi berikutnya, ini semua dilakukan hanyalah untuk menjaga agar tradisi sastera lisan dalam kehidupan masyarakat jangan hilang begitu sahaja. Tiap-tiap kampung kebiasaannya mempunyai satu atau dua orang yang pandai mengisahkan tentang *haba*

jameuen (cerita zaman dahulu). Kebaikan dalam tradisi sastra lisan tersebut adalah dapat mengeratkan hubungan kerjasama antara masyarakat itu sendiri, serta memainkan peranan yang penting dalam masyarakat. Ia bukan sahaja menjadi alat hiburan yang indah dan mantap, malahan juga alat mengajar yang bermakna lagi berkesan.¹⁷¹

Pada masa ini dalam masyarakat Aceh khasnya, sastra lisan tersebut sudah tidak lagi popular seperti zaman dahulu. Hal ini dikeranakan oleh terjadinya perubahan-perubahan teknologi yang begitu cepat dalam masyarakat selama ini, sehingga tradisi lisan tersebut semakin hari semakin berkurang peminatnya. Namun demikian, proses perkembangan munculnya dan populernya karya sastra lisan dalam masyarakat lebih banyak dibandingkan dengan karya sastra tulisan. Di antara salah satu penyebab lebih populernya hikayat lisan dalam masyarakat Aceh adalah pada masa dahulu orang Aceh hanya pandai membaca huruf Arab dan Melayu Jawi, akan tetapi tidak semua pandai menulis dengan huruf Latin (rumi) hanya orang-orang yang berpendidikan sahaja yang dapat membaca dan menulis dengan huruf Latin (rumi). Jenis-jenis karya sastra lisan pada awalnya adalah pantun, peribahasa, dodoi, gurindam, dongeng, legenda dan syair. Walau bagaimanapun telah terjadi perubahan di dalam karya sastra seperti gurindam, dongeng dan syair kerana jenis karya sastra tersebut menjadi bahagian daripada kehidupan istana-istana Melayu yang telah terbiasa dengan tradisi tulisan.

¹⁷¹ Hasyim Awang (1955), "Sastra Rakyat Malaysia" dalam Warisan Dunia Melayu-Teras Peradaban Malaysia, Kuala Lumpur: Biro Penerbitan Gapena, hal. 55.

3.4.2. Perkembangan Sastra Tulisan

Sastra tradisional dalam bentuk tulisan (*literature*) kebiasaannya ditulis dalam bentuk hikayat, karya-karya tersebut dapat kita jumpai di Aceh ditulis dalam bentuk hikayat cerita sejarah dan hikayat bentuk kesusasteraan Melayu Aceh. Ia dipercayai muncul seiring dengan literasi Jawi yang diperkenalkan pada kurun abad yang ke-13, iaitu selaras dengan perkembangan Islam di Nusantara. Tradisi sastra tulisan berkembang dalam bentuk manuskrip yang ditulis dengan tangan, khususnya dalam budaya kosmopolitan negara-negara kota dengan istana-istana raja Melayu sebagai pusat ilmu yang berperanan sebagai tunjang penyebarannya. Sastra bertulis, khususnya di kalangan golongan istana mencerminkan tingkat-tingkat zaman yang dijalani oleh masyarakat Melayu dalam sejarahnya, begitu juga dengan sastra lisan di kalangan rakyat itu mencerminkan perkara yang serupa. Oleh itu, pada persekitaran zaman inilah munculnya teks *Hikayat Raja Pasai* yang menjadi permulaan kepada budaya sastra tulisan.¹⁷²

Perkembangan karya sastra tulisan ini lebih menonjol dibandingkan dengan karya sastra lisan. Daripada isinya karya sastra (hikayat) Aceh meliputi beberapa bahagian di antaranya adalah hikayat agama, sejarah, jihad dan hikayat percintaan (roman). Hikayat tersebut kadang-kadang juga ditulis dalam bentuk prosa bahasa Melayu Pasai dan puisi dengan menggunakan huruf Arab Melayu (tulisan Jawi), semua karya-karya tersebut telah memperkaya khazanah kesusasteraan Aceh masa

¹⁷² Md. Nasir Hamid, Bentuk dan Teknik Sastra Lisan Dalam Sastra Tulisan, *Hikayat Raja Pasai*, http://www.karyanet.com.my/knetbeta/ebook/preview/previu_Hikayat_Raja_Pasai.pdf 16 April 2009.

lalu, sehingga ramai para ahli sejarah berminat untuk membuat kajiannya terhadap karya tradisional Aceh tersebut untuk kepentingan disertasinya.¹⁷³

Disebabkan oleh kekuatan dan keunikan serta ciri khas tersendiri karya sastra Aceh tersebut, maka menarik untuk dikaji oleh sebahagian orang. Sudah menjadi kebiasaan setiap karya sastra Aceh sentiasa menyajikan kisah-kisah perlawanan. Karya-karya tersebut tidak hanya muncul masa kolonialis Belanda, ketika "Hikayat Perang Sabil" karya Chik Pante Kulu yang dapat menggerakkan seluruh rakyat untuk melakukan perlawanan. Bahkan hingga tahun 90-an, semangat perlawanan sangat terasa kuat dalam karya para sastrawan Aceh, termasuk perlawanan terhadap pemerintahan pusat (Jakarta) masa Orde Baru, menjadikan Aceh sebagai Daerah Operasi Militer (DOM). Oleh itu, tidak ada satu pun karya sastra yang di tulis penyair Aceh yang tidak menyuarakan perlawanan dan tuntutan terhadap keadilan.

Karya sastra tulisan lebih sedikit jumlahnya dibandingkan dengan karya sastra lisan, kerana sastra lisan lebih dikuasai oleh rakyat jelata dalam kehidupan sehari-hari. Bahkan semua orang di Aceh pandai bertutur secara spontan. Seorang ibu bersyair atau membacakan hikayat saat menidurkan anaknya, penari menyanyikan syair dan hikayat secara spontan saat menari, para peniga ubat di kaki lima bersyair saat menjual ubatnya di depan orang awam, selawat-selawat dan hikayat para rasul diajarkan oleh para guru agama, pimpinan pondok, ulama, saat mengajarkan muridnya.

¹⁷³Zoelfikar Sawang, Secuil Dinamika Sastra, <http://www.serambinews.net/old/index.php?aksi=bacaopini&opiniid=1532>, 16 April 2009.

Penyebab lain sastra tulisan lebih sedikit dikeranakan pada masa itu walaupun semua orang dapat membaca tulisan Arab atau Melayu Jawi, akan tetapi hanya golongan yang berpendidikan saja yang boleh menulis dalam huruf latin di Aceh. Dengan demikian faktor kepandaian dalam menulis itulah sebagai penghambat kurangnya karya sastra tulisan di Aceh.

Universiti Malaya

BAB IV

ASPEK-ASPEK SEJARAH DALAM KARYA SASTERA (HIKAYAT) DI ZAMAN KERAJAAN ISLAM ACHEH

4.1. Pendahuluan

Sebagaimana telah di jelaskan dalam pembahasan sebelumnya bahawa dalam penulisan kisah sejarah tentu memerlukan sumber informasi. Dari sekian banyak informasi yang didapatkan salah satunya adalah dalam karya sastra (hikayat). Karya sastra (hikayat) tidak boleh dipisahkan dengan manusia kerana ia bukan hanya mengandungi unsur-unsur hiburan, filosofis dan imajinasi sahaja, akan tetapi ia merupakan perakam mengenai aktiviti manusia dan sebagai rujukan para pengkaji sejarah masa kini.

Bahagian-bahagian yang terpenting dalam karya sastra untuk pengkaji sejarah adalah informasi masa lampau manusia serta aktiviti. Sejak abad ke-XIII, iaitu zaman kerajaan Pasai sampai kerajaan Aceh Darussalam iaitu Abad XIX, di Aceh telah lahir karya sastra yang menceritakan tentang bermacam-macam peristiwa yang yang berhubungan dengan keagamaan, kepercayaan, sejarah, hukum, adat istiadat dan hal-hal lain yang menyangkut dengan manusia pada masa itu.

Namun demikian, yang menjadi perhatian dan tujuan utama sejarawan adalah karya sastra (hikayat) Aceh yang telah ditulis oleh sasterawan pada masa lampau yang mengandungi cerita sejarah. Karya sastra hikayat merupakan salah satu sumber sejarah Aceh yang boleh membuka tabir mengenai maklumat kerajaan, peristiwa dan orang-orang yang terlibat menjadi pelaku sejarah masa tersebut. Kemunculan karya sastra tersebut di satu sisi dilandasi oleh fakta-fakta yang didapati oleh pengarang

dan ditulis dalam sebuah karya sastra dalam bentuk fiksi. Memang tidak semua karya sastra yang ada mempunyai aspek-aspek sejarah, kerana adanya penambahan unsur-unsur dongeng atau mitos sebagai imajinasi oleh pengarangnya. Oleh itu, sejarawanlah yang menentukan layak atau tidak untuk dijadikan sebagai sumber sejarah dalam penulisan karya sejarahnya.

Mengikut prosedur analisis sejarah adalah seorang sejarawan harus menganalisis setiap dokumen yang sesuai dan mengumpulkan saksi-saksi yang dapat dipercayai sebagai bukti mengenai masa lampau manusia. Untuk lebih terarah dalam pengajiannya seorang sejarawan harus menjalankan langkah-langkah seperti berikut :

1. Pengumpulan objek yang berasal dari zaman itu dan pengumpulan bahan-bahan tertulis atau lisan yang berangkali bersesuaian.
2. Menyingkirkan bahan-bahan yang tidak tulen
3. Mengupulkan kesaksian yang dapat dipercayai mengenai bahan-bahan yang tulen.
4. Mengumpulkan kesaksian yang dapat dipercayai menjadi cerita yang berarti.¹⁷⁷

4.2. Aspek Sumber

Bahagian-bahagian yang terpenting bagi sejarawan dalam menulis kisah sejarah adalah sumber, kerana ilmu sejarah tidak dapat berdiri tanpa adanya sumber atau bukti. Sumber sejarah adalah bahan-bahan yang dapat dipergunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan informasi terhadap kajian (subjek) yang dilakukan

¹⁷⁷ Drs.Hugiono (1992), *Pengantar Ilmu Sejarah*, Jakarta: Pt. Renika Cipta, hal. 25-26.

oleh sejarawan. Lazimnya sumber dibahagi kepada dua kategori iaitu sumber utama (primer) yang masih tulen sama ada berbentuk dokumen, manuskrip, artifak, gambar dan sebagainya. Manakala sumber kedua (sekunder) terdiri daripada tulisan atau buku yang ditulis oleh sejarawan tentang sejarah. Dengan adanya sumber-sumber tersebut maka, lahirlah sebuah penulisan kisah sejarah yang objektif.

Sumber merupakan aspek yang terpenting untuk mendapatkan informasi dalam sebuah penulisan karya sejarah, ia tidak muncul dengan sendirinya melainkan dengan usaha seorang sejarawan itu sendiri untuk mendapatkan sumber yang masih berselerak. Dengan adanya usaha pencarian terhadap sumber tersebut, maka ditemui sumber-sumber asal dan tulen (*authentic*), sehingga kebenaran kisah sejarah dapat dipertahankan. Untuk mendapat semua sumber informasi mengenai sejarah tersebut kebiasaannya sejarawan mengunjungi tempat-tempat menyimpan benda-benda bersejarah seperti :

- 1) Muzium; tempat penyimpanan benda-benda kuno untuk bahan-bahan yang tidak terdapat dalam buku yang bersifat arkeologi, epigrafi, numismatik.
- 2) Perpustakaan; tempat penyimpanan bahan bacaan atau buku-buku untuk keterangan mengenai subjek sejarah.
- 3) Arkib (Arkib Negara); tempat penyimpanan dokumen-dokumen rasmi, tempat menyimpan informasi subjek sejarah seperti: dokumen pribadi, dokumen kerajaan, dokumen syarikat dan lain-lain.¹⁷⁸

¹⁷⁸ *Ibid.*, hal. 30

Pada hakikatnya sumber sejarah mempunyai berbagai-bagai jenis, sejajar dengan adanya berbagai-bagai cabang ilmu sejarah itu sendiri. Meskipun sebuah sumber ada yang bersifat umum yang dapat digunakan oleh setiap cabang sejarah, Namun banyak pula yang bersifat khusus untuk cabang-cabang tertentu sahaja. Walaupun demikian, sumber tersebut tidak dapat dikelompokkan menurut cabang-cabangnya, tetapi mengikut sifat keadaannya. Dalam hal ini, sumber tersebut dapat di bahagi kepada tiga bahagian iaitu:

Sumber Lisan, (oral sources) merupakan sumber tradisional, tentang cerita-cerita sejarah yang muncul di tengah-tengah masyarakat, cerita tersebut disampaikan melalui ungkapan oleh masyarakat tersebut untuk mengingati kisah-kisah sejarah. Khusus bagi sejarah tradisi, sumber lisan ini terdiri daripada berbagai-bagai jenis sastera rakyat (*folklore*), seperti mitos, legenda, cerita asal usul dan sebagainya.¹⁷⁹ Kebenaran sumber dalam bentuk lisan ini memang sangat kurang kesahihannya yang dikeranakan tidak menceritakan fakta yang sebenar, kerana sering ditokok tambah atau diubah suai oleh yang menceritakan kisah tersebut namun demikian sastera tradisi tersebut merupakan gambaran pandangan hidup dan cara hidup masyarakat pada masa dahulu.

Dalam usaha menjalankan kajian sejarah sebenarnya kedudukan sumber lisan ini sangat diperlukan oleh sejarawan itu sendiri. Kerana, sumber jenis ini sering melibatkan atau dialami secara langsung oleh seseorang yang menjadi saksi terhadap peristiwa-peristiwa yang terjadi pada masa dahulu. Persoalan ini sangat berbeza dengan keadaan sekarang yang begitu pesat dalam perkembangan teknologi dan

¹⁷⁹ Abdul Rahman Haji Abdullah (2007), *Pengantar Ilmu Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 72

telekomunikasi, sehingga sumber lisan tersebut sudah dikemasa dalam bentuk rakaman audio-visual iaitu melalui kaset, radio, filem dan sebagainya.

Sumber Tulisan, sumber jenis ini mempunyai kedudukan yang sangat menentukan dalam penulisan sejarah, kerana sumber ini merupakan khazanah yang terpenting mengenai warisan tamadun intelektual suatu kaum atau bangsa di dunia. Sumber jenis ini merupakan bahan yang sengaja dimasukkan untuk menulis kisah sejarah. Antara bahan-bahan tersebut iaitu, buku lama peninggalan sejarah, catatan peristiwa, buku-lama tentang sejarah, buku harian dan lain-lain dalam bentuk catatan atau penulisan. Sedangkan bahan yang tidak bersahaja ditulis untuk kepentingan penulisan sejarah antaranya dokumentasi, naskah perjanjian, tentang pemerintahan, surat khabar dan sebagainya.¹⁸⁰

Dalam konteks Indonesia (Melayu), sumber-sumber peninggalan sejarah dalam bentuk tulisan di samping gambar-gambar binatang, sebagai simbol pemujaan yang terdapat di gua mahupun tulisan yang terdapat di prasasti-prasasti, menjadi bukti adanya pengaruh Hindu sebelum datangnya agama Islam. Bahkan sebaliknya kita boleh mengesan pengaruh tamadun Islam di Nusantara pada umumnya, juga terdapat pada inskripsi yang bercorak Islam dengan tulisan yang mengandungi nasehat-nasehat serta tulisan-tulisan lainya yang sangat bernilai harganya untuk kepentingan kajian sejarah. Seperti mana tulisan yang terdapat pada bahagian depan makam raja Pasai Malik al-Shalih terjemahannya sebagai berikut : “ ini kubur almarhum yang diampuni,

¹⁸⁰ Drs. Hugiono (1992), *op.cit.*, hal. 31.

yang takwa, yang menjadi penasehat, yang terkenal, yang berketurunan yang mulia, yang kuat beribadat, penakluk yang bergelar sultan Malik al-shalih".¹⁸¹

Daripada sumber tulisan mahupun lisan, ia akan melahirkan sumber yang dianggap lebih penting dan utama (primer), dan ada pula yang dianggap kurang penting (sekunder). Adapun jenis sumber yang pertama (*primary sources*) adalah sebuah keterangan yang diberikan oleh seseorang yang menyaksikan atau terlibat langsung dalam peristiwa yang terjadi, ataupun rakaman video, gambar yang digunakan. Sedangkan sumber yang kedua (*secondary sources*) adalah keterangan yang diperoleh daripada siapa sahaja yang tidak terlibat secara langsung dalam setiap peristiwa yang ingin di kaji. Kebiasaannya sejarawan merujuk pada sumber sekunder yang berasal dari buku-buku sejarawan yang lain untuk memperoleh pengetahuan mengenai yang berkenaan dengan kajian yang dilakukan.

Sumber Visual, Sumber dalam katagori ini merupakan peninggalan masa lampau yang berbentuk benda (*material*) seperti bangunan, kuburan, mata wang dan lain-lain. Bentuk ini merupakan warisan peninggalan masa lampau yang merupakan kesan-kesan arkeologi yang menandakan wujudnya tamadun kebendaan yang tinggi pada zaman lampau manusia. Contoh yang terbaik adalah seperti yang disebutkan oleh Philon dalam buku Abdul Rahman Haji Abdullah sebagai tujuh benda-benda ajaib di dunia iaitu:

- a. Piramid di Mesir
- b. Taman Tergantung di Babylon

¹⁸¹ Teuku Ibrahim Alfian (*ed.*), *Dari Sini Ia Bersemi*, Panitia Penyelenggara Musabaqah Tilawatil Qur'an Tingkat Nasional ke 12 Tahun 1981 Banda Aceh, Pemerintah Daerah Istimewa Aceh, hal. 28

- c. Patung Zeus di Olympia
- d. Rumah berhala Artemis di Ephesus
- e. Makam di Halicarnassus
- f. Patung Besar di Rhodes
- g. Rumah Api di Iskandariah.¹⁸²

Setelah sumber lisan, tulisan mahupun visual di kumpulkan oleh sejarawan, maka bermulalah ke tahap proses penafsiran mahupun kritik luaran dan dalaman terhadap sumber tersebut dengan menggunakan langkah-langkah tertentu terhadap sumber yang didapatkan untuk mendapatkan ketulenannya. Sehingga, sejarawan dapat menghasilkan sebuah penulisan kisah sejarah yang objektif. Begitu juga dengan penulisan sejarah Aceh sedikit sebanyak pengkaji sejarah masa sekarang mesti merujuk kepada peninggalan-peninggalan masa dahulu dalam berbagai bentuk untuk di analisis secara tepat dan teliti. Sehingga terciptanya sebuah penulisan kisah sejarah yang baik dan benar.

Perbahasan mengenai aspek sejarah bererti berusaha untuk memilih unsur-unsur yang benar-benar dapat memberikan manfaat kepada sejarawan iaitu informasi terhadap masa lampau manusia (*history*), yang di dalamnya mencakupi latarbelakang terjadinya peristiwa, tempat, tokoh-tokoh yang berperanan dan lain-lain. Dalam lingkup sejarah lokal, Aceh mempunyai sejarahnya tersendiri sepertimana daerah lainnya, sebelum adanya sistim pensejarahan yang sistematis.

¹⁸² Drs. Hugiono (1992), *op.cit.*, hal. 71.

Sebahagian peristiwa bersejarah di Aceh terdapat dalam karya sastera berbentuk hikayat. Karya tersebut merupakan karya sastera sejarah yang mengandungi unsur-unsur sejarah. Hal tersebut dapat dilihat daripada tempat terjadinya peristiwa yang memang ada secara geografi. Mengenai tokoh yang terlibat dalam setiap peristiwa yang dikisahkan pula merupakan tokoh penting dalam sejarah nyata.

Mengenai aspek-aspek sejarah yang terdapat dalam karya sastera tersebut, sedikit sebanyak akan penulis huraikan pada sub-bab di hadapan dalam beberapa ringkasan hikayat, seperti Hikayat Malem Dagang, Hikayat Pocut Muhammad dan Hikayat Putroe Gumbak Meuh. Dengan demikian, karya sastera (hikayat) merupakan bahagian daripada kajian sejarawan untuk mendapatkan sedikit sebanyak petunjuk mengenai masa lampau manusia.

4.3. Sastera Sebagai Sumber Sejarah

Karya sastera (hikayat) merupakan hasil daripada proses penzahiran fikiran atau perasaan manusia dengan bahasa dalam bentuk tulisan mahupun lisan yang memenuhi nilai-nilai seni, indah, sempurna dan mulia. Dari proses penghayatan manusia yang paling dalam, maka muncul berbagai-bagai karya sastera yang sehingga kini masih dapat kita pelajari dan nikmati. Bahkan pada masa dahulu di Aceh pernah muncul pelbagai karya sastera yang mengisahkan tentang kehidupan masyarakat masa itu. Seorang wartawan Mesir bernama Al-Hilal pernah mengemukakan bahawa Alam Aceh seluruhnya puisi, kerana orang Aceh dalam berbagai peristiwa penting selalu mencatatkan ke dalam bentuk hikayat, sehingga dikenali sebagai sastera Aceh adalah sebuah karya yang dicipta oleh pengarang yang berhubungan langsung dengan situasi dan kondisi masyarakat sehari-hari.

Sepertimana yang penulis jelaskan sebelumnya, bahawa sastera merupakan sebagai salah satu komponen dalam membantu sejarawan untuk mengkaji peristiwa-peristiwa yang berlaku pada masa lampau. Sastera bukanlah suatu objek bagi sasterawan dalam menulis kisah sejarah, tetapi ia merupakan salah satu objek yang dapat memberikan peluang untuk para sejarawan mengkaji lebih mendalam terhadap kisah-kisah yang disebutkan dalam karya sastera (hikayat) tersebut. Ini kerana sastera sejarah menceritakan tentang sejarah sosial, sejarah ekonomi dan sejarah politik serta di dalamnya terkandung maklumat tentang adat-istiadat, agama dan sebagainya. Menurut sejarawan Sartono Kartodirdjo dalam Edward Djamaris, karya sastera dapat dinamakan sebagai historiografi tradisional, iaitu penulisan sejarah menurut pandangan dan kepercayaan masyarakat setempat secara turun-temurun.¹⁸³

Namun demikian, sejarawan harus memahami selok-belok mengenai sastera untuk menentukan kebenaran sumber dalam karya sastera. Maka dalam hal ini Dick Hartoko, mengatakan bahawa pengetahuan mengenai karya sastera sangat membantu untuk menelusuri atau menjejaki keadaan masa lampau. Justeru, para pakar sejarah harus teliti dan tahu dalam menganalisis dan menginterpretasikan karya sastera, kerana karya sastera memiliki makna tersurat mahupun tersirat dibaliknya. Oleh kerana kesukaran dalam menginterpretasi, maka pakar sejarah harus memiliki kemampuan untuk memahami teks tersebut secara benar dan jelas, sehingga terciptanya suatu kebenaran yang memenuhi ketetapan metodologi penulisan sejarah secara objektif. Seperti yang dimaksudkan oleh Sartono Kartodirdjo, sejarah dalam erti kata yang sebenarnya adalah menunjukkan kepada kejadian sebenarnya berlaku.¹⁸⁴ Maka ini

¹⁸³ Edward Djamaris (2007), *Sastra Lama Berisi Sejarah Ringkasan Isi Cerita Serta Deskripsi Latar dan Tokoh*. Jakarta: Pusat Bahasa, hal.12.

¹⁸⁴ Sartono Kartodirdjo (1993), *Pendekatan Ilmu Sosisial Dalam Metodologi Sejarah*. Jakarta: Gramedia Pustaka utama, hal.15.

sesuai dengan harapan kita sebagai pemerhati sekaligus peminat sejarah untuk masa sekarang.

Karya sastra dan sejarah memang kadangkala tidak boleh dipisahkan antara keduanya. Hal ini terbukti pada masa silam, ia menjadikan sastra sebagai media penulisan cerita tentang peristiwa yang terjadi dalam masyarakat. Malah bagi sesetengah pihak, sastra dan sejarah bukanlah dua unsur yang berbeza pada zaman silam, sebaliknya mempunyai hubungan yang rapat.¹⁸⁵ Oleh itu, boleh juga dikatakan bahawa karya sastra merupakan salah satu hasil karya manusia yang dapat memberikan informasi-informasi masa silam untuk suatu kepentingan masa kini dan masa akan datang. Justeru, untuk mengetahui peristiwa-peristiwa yang terjadi pada masa lalu sedikit sebanyak kita merujuk atau membaca kembali hasil karya sastra (hikayat) tersebut. Apa lagi ia sebuah karya agung di Nusantara serta merupakan hasil karya bersejarah di rantau ini.

Berkaitan isi kandungan yang ditulis dalam karya sastra (hikayat) tersebut seorang sarjana Belanda Snouck Hurgronje menjelaskan bahawa sastra sejarah mengandungi bahan-bahan yang menggambarkan tentang watak bangsa Melayu, khususnya tentang undang-undang dan adat istiadat mereka. Manakala Hoesein Djajadningrat berpendapat bahawa sastra sejarah adalah hasil tradisi setempat yang mengandungi sumber sejarah yang sangat penting. Beliau membawa contoh Hikayat Raja-raja Pasai yang mana para sejarawan sukar memastikan siapa Malik al-Shalih yang menjadi raja negeri Samudera Pasai seandainya tidak ada hikayat tersebut.¹⁸⁶

¹⁸⁵ Khoo Kay Kim dan Mohd Fadzil Uthman (1980), *Sastra dan Sasterawan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. hal.111.

¹⁸⁶ Dr. Ismail Hamid (2001), *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Person Education Malaysia Sdn. Bhd, hal. 214.

Oleh itu, tidak semua hasil karya sastera tersebut dapat dijadikan sebagai sumber sejarah. Inilah yang menjadi persoalan sekarang dalam pembahasan ini sehingga wujud perbezaan pendapat para ahli sejarawan mengenai karya sastera yang sesuai untuk dijadikan sebagai sumber sejarah. Sememangnya suatu hal yang wajar untuk mereka berhujah dalam perkara tersebut, kerana pada dasarnya proses kelahiran sebuah karya sastera dari hasil imaginasi manusia yang sangat mendalam. Maka, untuk membuat suatu interpretasi terhadap karya-karya tersebut menjadi bermasalah, disebabkan oleh percampuran antara keadaan yang benar-benar berlaku dan sebaliknya.¹⁸⁷ Ini kerana telah ditokok tambah oleh pengarang untuk kepentingan seseorang mahupun semata-mata untuk menarik minat pembaca sahaja.

Seorang sejarawan harus teliti dan berhati-hati dalam memahami setiap bahasa dan kalimat yang tertera dalam karya tersebut supaya mampu membezakan antara hal karut, mitos, legenda dan sebagainya. Ini disebabkan dalam karya sastera (hikayat) sering berlaku penambahan hal-hal yang tidak rasional sama ada yang tidak mungkin terjadi atau tidak pernah berlaku pada masa silam. Misalnya mitos semut sebesar kucing dalam Hikayat Raja-raja Pasai serta legenda tentang putri Gunung Ledang dan cerita rakyat tentang kekuatan Badang dalam Sejarah Melayu.¹⁸⁸ Penambahan hal-hal seperti itu hanya sebagai imaginasi pengarang semata-mata untuk menarik minat pembaca sahaja.

Oleh kerana itu, peranan sastera dalam penulisan sejarah memang tidak dapat dinafikan lagi besar kepentingannya. Ia memainkan peranan pada peringkat awal

¹⁸⁷ Dick Hartoko (1980), "Pengetahuan Sastera" *Harian Kompas*, 2 hb Jun, hal. 8.

¹⁸⁸ Harun Jafar (2004), *Ikhtisar Kebudayaan Dan Prosa Melayu Klasik*. Universiti Sultan Idris Tanjung Malim, hal. 78.

zaman silam sebelum wujudnya disiplin sistem penulisan sejarah. Para sasterawan akan menulis segala peristiwa yang terjadi ke dalam karyanya dengan berbagai-bagai bentuk mahupun jenis karya sastera. Kesemua yang mereka tulis hanya semata-mata untuk mengenang kembali segala peristiwa yang berlaku kepada generasi-generasi masa hadapan supaya dijadikan sebagai teladan serta iktibar. Begitu juga, karya sastera (hikayat) yang pernah lahir di Aceh, ianya adalah realiti sebenar sehingga digambarkan ke dalam karya-karya mereka (sasterawan). Mereka melakarkan keadaan zaman-zaman tertentu dari kerajaan-kerajaan yang berkuasa di negeri Aceh, seperti dalam Hikayat Raja-raja Pasai. Meskipun para ahli sejarah dalam buku-bukunya tidak mempunyai bukti langsung tentang tarikh hikayat tersebut disusun.

Namun, menurut anggapan Winstedt Hikayat Raja-raja Pasai kemungkinan diperolehi pada abad ke- 15 M atau daripada sumber lain pada abad ke- 14 M.¹⁸⁹ Maka, terserahlah kepada ahli sejarah untuk menentukan bila Hikayat Raja-raja Pasai tersebut ditulis. Perkara yang sangat penting bagi kita dalam tulisan ini adalah hikayat tersebut dapat menjadi bahan rujukan oleh para penulis sejarah untuk mengetahui asal-usul sejarah Kerajaan Pasai serta silsilah raja-raja yang memimpin kerajaan tersebut. Hikayat Raja-raja Pasai ini menceritakan persolan-persolanan kehidupan masa kerajaan Pasai, sepertimana tercantum dalam transliterasi Hikayat Raja-raja Pasai di bawah ini.

“Ini hikayat cerita / mengatakan / raja yang pertama masuk agama Islam ini Pasai ; maka ada diceritakan oleh orang yang empunya cerita ini, negeri yang dibawah angin ini, Pasailah yang pertama membawa iman akan Allah dan akan Rasulullah. Maka ada raja dua bersaudara seorang namanya Raja Ahmad dan

¹⁸⁹ Russell Jones (1997), *Hikayat Raja Pasai*, Syah Alam, Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd, hal. 1.

seorang namanya Raja Muhammad. Adapun yang tua Raja Ahmad. Maka Baginda Raja bersaudara itu hendak berbuat negeri di Samarlanga."¹⁹⁰

Catatan cerita awal Hikayat Raja-raja Pasai di atas memberikan gambaran atau maklumat kepada kita bahawa hikayat tersebut menceritakan tentang kisah raja adik-beradik yang terawal memasuki Islam di Pasai. Meskipun pada kisah selanjutnya kadangkala bercampur dengan mitos atau legenda setempat tetapi jelas ia merupakan fakta sejarah. Ini wujud bukti peninggalan seperti batu nisan Malik al- Shalih nama yang digelar oleh Muerah Silu sebelum memeluk agama Islam, tarikh mangkat dicatatkan iaitu pada bulan Ramadhan 696 H/1297 M.¹⁹¹ Oleh itu, hasil daripada sastera sejarah tersebut terdapat dua unsur subjektif dan objektif. A.H. Hill dalam perbincangannya mengenai Hikayat Raja-raja Pasai telah menyebutkan bahawa dalam penulisan ini terdapat apa yang disebutnya sebagai kebenaran objektif dan kebenaran subjektif.¹⁹²

Di samping karya sastera Hikayat Raja-raja Pasai yang telah penulis sebutkan di atas, wujud juga karya-karya sastera lain sebagai lanjutan daripada abad sebelumnya sampai kepada abad ke-XIX. Karya lanjutan tersebut turut memainkan peranan sama dalam aspek-aspek penting untuk dijadikan rujukan tentang hal ehwal penulisan kisah sejarah. Mengenai maklumat-maklumat penting tentang aktiviti manusia masa lampau di negeri Aceh dan daerah yang berhubungan dengannya, antara lain dapat di temui

¹⁹⁰ *Ibid.* hal. 3

¹⁹¹ Russell Jones (1999), *Hikayat Raja Pasai*. Kuala Lumpur : Yayasan Karyawan dan Penerbit Fajar Bakti, hal. 137; Lihat juga T. Ibrahim Alfian (1981), *op.it.*, hal.1.

¹⁹² A.H. Hill dalam Harun Mat Piah. *et al.* (2000), *Kesusasteraan Melayu Tradisional* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka hal. 296.

dalam karya tersebut di bawah ini iaitu Hikayat Malem Dagang, Hikayat Pocut Muhammad dan Hikayat Putroe Gumbak Meuh.¹⁹³

1. Hikayat Malem Dagang

Hikayat Malem Dagang adalah sebuah karya pujangga masa dahulu. Karya ini ditulis semasa Sultan Iskandar Muda memerintah Kerajaan Aceh Darussalam. Ia mengisahkan tentang Sultan Iskandar Muda dengan angkatan perang Aceh menghadapi kerajaan Melaka pada awal abad ke-17 M. Sebelum angkatan perang Cakra Donya yang dipimpin oleh Panglima Malem Dagang menuju ke Melaka, mereka sempat menakluk dan mengislamkan daerah Deli dan Asahan di Sumatera Utara. Setelah penaklukan kedua daerah tersebut, Armada Cakra Donya menuju ke Melaka dan berperang dengan pasukan Raja Si Ujud (pimpinan Armada Portugis) yang ingkar terhadap Islam dan Kerajaan Aceh pada masa itu.

*(Beseumelah arahman arahim, Adjajeb sobeuhan Alah tango koekisah radja-radja Lajeue krajdjeun Meukoeta Alam, raja djimeunan Esekanda Moeda Poteu ade amat sangat peutimang ra'jat ban sigala donja.)*¹⁹⁴ Teks ini adalah merupakan kata-kata awal dalam Hikayat Malem Dagang. Tokoh terpenting di dalamnya adalah Sultan Iskandar Muda Meukuta Alam, Puteri Pahang, Malem Dagang, Ja Pakeh, Panglima Pidie, Raja Raden dan Raja Si Ujud yang melaksanakan peranan masing-masing. Menurut H.K.J. Cowan, Laksamana semasa pimpinan Iskandar Muda digelar dengan tokoh Malem Dagang.¹⁹⁵ Hal ini kerana, keberaniannya terhadap penaklukan Kerajaan Johor pada tahun 1615M adalah tokoh Malem Dagang yang digambarkan

¹⁹³ A. Hasjmy (1981), *op.cit.*, hal. 145.

¹⁹⁴ H. K. J. Cowan (1937) *De Hikajat Malem Dagang*, Land end Volkenkunde van Nederland-Indie: Het Koninglijk voor die taal, hal. 15

¹⁹⁵ *Ibid.*

sebagai seorang pemimpin yang gagah berani serta kehebatan Laksamana Aceh pada masa Sultan Iskandar Muda. P.J. Veth di dalam sebuah karyannya mengenai sejarah Aceh memberikan pujian dengan menyebut bahawa Laksamana Aceh merupakan pemimpin perang terbesar yang pernah memimpin suatu gerakan ketenteraan di Aceh pada masa itu.¹⁹⁶

Hikayat Malem Dagang merupakan karya sastera Melayu-Acheh yang dikarang oleh seorang ulama besar yang lahir pada tahun 1839M di kampung Pantee Geulima. Nama lengkapnya adalah Teungku Ismail bin Ya'cub atau dengan gelaran Teunku Chik Pante Geulima. Beliau berasal dari Meureudu dan mempunyai pengetahuan yang luas tentang peperangan, watak manusia, keadaan negeri-negeri, laut dan pelbagai pengetahuan lain.¹⁹⁷ Gelaran Teungku Chik Pante Geulima adalah suatu gelaran yang diberikan kepadanya kerana beliau seorang ulama besar dalam masyarakat Aceh, manakala Pante Geulima dinisbahkan kepada nama sebuah kampung tempat kelahirannya yang terletak di daerah Meureudu Kabupaten (Distrik) Aceh Pidie. Menurut catitan pada akhir hikayat tersebut bahawa, beliau selesai mengarang hikayat tersebut pada hari rabu Jumadil awal 1309H/1889M. Pada masa tersebut di Aceh sedang berlangsung perang sabil dengan sangat hebat.¹⁹⁸

Dalam Hikayat Malem Dagang, pengarang melukiskan peristiwa Armada Cakra Donya di bawah pimpinan Sultan Iskandar Muda yang mara ke Semenanjung Tanah Melayu. Hikayat Malem Dagang ini merupakan karya sastera Melayu Aceh yang sangat tinggi nilainya dan bahasa sangat indah serta banyak mengandungi kata-

¹⁹⁶ P.J. Veth (1937), *Atchin en Zijne Betrekkingen tot Nederland*. Leiden : Geralth Kolff, 1887. hal.74.

¹⁹⁷ A.Hasymy (1987), " *Sari Sastra ' 87*" (Kertas Kerja Seminar, Sempena Perayaan Kesultanan Melayu Negeri Pahang Darul Makmur Ke Seratus Tahun Pada 15-18 Oktober 1987), hal. 2.

¹⁹⁸ *Ibid.*

kata kiasan. Setiap peristiwa yang berlaku, pengarang hikayat tersebut melakarkan dalam karyanya sepertimana ia benar-benar berlaku. Karya ini dikarang oleh Tgk Chik Pante Geulima semata-mata untuk membangkitkan semangat perang rakyat Aceh dalam menentang kaum penjajah. Malah, dalam karya ini menampilkan kembali kisah-kisah kepahlawanan Sultan Iskandar Muda dengan angkatan Cakra Donya yang sangat gagah dan berani mengharungi Selat Melaka mengejar Raja Si Ujud yang terkenal kedegilannya dalam menentang Sultan Iskandar Muda serta ajaran Islam.

Hikayat Malem Dagang dalam kesusasteraan Aceh hampir sama dengan hikayat-hikayat lainnya, kerana pengarang tetap melukiskan kisah perjalanan tokoh-tokoh penting dalam perkembangan sejarah Aceh khususnya dan Nusantara pada umumnya. Hikayat Malem Dagang menampilkan tokoh-tokoh penting dalam kerajaan Aceh sewaktu melaksanakan perluasan kuasa ke Tanah Melayu, Pantai Timur Sumatera, Perak, Terengganu dan Pahang.

Dalam Hikayat Malem Dagang, pengarang menceritakan tentang dua raja bersaudara di Tanah Melayu. Namanya ialah Raja Raden dan Raja Si Ujud pada masa itu sebelum memeluk agama Islam. Kedua-dua raja tersebut berselisih faham terhadap siapa yang berhak untuk memiliki puteri cantik yang bernama Puteri Pahang. Bagi menyelesaikan perselisihan tersebut, mereka sepakat untuk berangkat ke Tanah Aceh untuk menyerahkan perkara tersebut pada Sultan Iskandar Muda yang sangat terkenal dengan keadilan serta bijaksana dalam menyelesaikan setiap permasalahan. Kemudian, Puteri Pahang yang menjadi kegilaan kedua-dua raja itu di diangkat sebagai permaisuri oleh Sultan Iskandar Muda dan Raja Raden memeluk Islam di Aceh serta dikahwinkan dengan adik Iskandar Muda. Bermulanya di situ, Raja Raden diberikan

kedudukan yang sangat istimewa dalam Kerajaan Aceh. Apabila keadaan seperti ini berlaku maka bertambah murka Raja Si Ujud terhadap perbuatan Sultan Iskandar Muda tersebut. Oleh kerana itu, Raja Si Ujud menampakkan kemurkaannya dengan mengganggu ketenteraman dan keamanan wilayah Aceh.

Mengenai tempat Mengenai kemarahan Raja Si Ujud di daerah Ladong dan Krueng Raya (Aceh) pengarang Hikayat Malem Dagang tersebut menceritakan sebagai berikut :

Bahasa Aceh :

*...Raja si Oedjoet ka oe la'õt,
djieureubõt han ban poebla,
asõe peukan habēh djireubõt,
Ladōng ka djitõt ngōn Kroeëng Raja.*

*Padoem toeankoe djipoemalëë,
roemòh siribéë kawaj koeta,
Lapan bòh Poekat njang ka djitawan,
limong plōh rakan sajan djiba.*

*Doea droë pawang djipòh matè,
djigantōng bangké di miëng koeala,
Ladoem djibōh kawé di roeëng,
ladoem di reuoeëng djitjawië' djoengka.¹⁹⁹*

Terjemahannya :

*Si Ujud keluar menuju laut,
Pergi merampas tak sanggup menghalang,
Semua yang ada di pasar habis dirampas,
Krueng Raya dan Ladong habis di bakar.*

*Betapa penguasa dipermalukan,
Banyak orang mengawal benteng,
Lapan buah pukut di laut sudah ditawan,
Lima puluh orang sudah ditawan.*

*Dua orang pawang mati dibunuh,
Bangkai digantung di tepi pantai,*

¹⁹⁹ *Ibid.*, hal. 20-21

*Dengan pancing ada ditusuk di punggung,
Kadang digantung dileher dan muka.*

Dalam teks naskah hikayat di atas di sebutkan bukti-bukti tempat terjadinya penyerangan Si Ujud. Raja Si ujud datang ke Aceh untuk menjemput saudaranya yang sudah memeluk agama Islam. Kerajaan-kerajaan Melayu ketika itu sudah memeluk agama Islam, sedangkan bangsa Portugis Pimpinan Alfonso De Castro yang berpangkalan di Melaka tidak mahu menerima Islam. Penyerangan Portugis terhadap Aceh di daerah Ladong Krueng Raya, sehingga menguasai benteng pertahanan Lubuk yang terletak di tepi Krueng Lamreh, daerah Krueng Raya sekarang ini. Benteng pertahanan Lubuk tersebut kemudian dapat direbut kembali oleh pasukan Gajah yang dipimpin oleh Sultan Iskandar Muda sendiri.²⁰⁰

Selain bukti tokoh yang terlibat dalam kisah tersebut, naskah Hikayat Malem Dagang juga mengisahkan tentang tempat dan benda-benda purba yang dapat dijadikan bukti sekunder mahupun primer terhadap peristiwa tersebut untuk menjadi objek kajian sejarah pada masa kini dan akan datang. Situs sejarah tersebut boleh kita jumpai sampai sekarang di lokasi tersebut.

Reaksi daripada kekacauan yang dibuat oleh Raja Si Ujud di tempat tersebut (Ladong dan Krueng Raya), maka timbul hasrat Sultan Iskandar Muda untuk memburu Raja Si Ujud tersebut sehingga ke Tanah Melayu. Armada Aceh yang berangkat ke Tanah Melayu inilah yang diberi nama Armada Cakra Donya. Seperti mana yang ditulis dalam naskah hikayat Malem Dagang dalam sebuah dialog yang diucapkan oleh

²⁰⁰ Muhammad Said (1981), *Aceh Sepanjang Abad*. Jilid I, Medan : P.T Percetakan dan Penerbitan Waspada, hal. 259.

Malem Dagang dengan Raja Raden yang sangat murka terhadap Raja Si Ujud sebagai berikut:

Bahasa Aceh:

*Laloe meutoetō Malem Dagang, panglima prang that peukasa:
Meutoeah toebōh, meutoeah rōh, beu' é' koepòh bila nusa
Laloe meutoetō Radja Radén, oereuëng gét batén, teugōh seutia :
Adoë tengku Malém Dagang, tapoebeudóih prang, tapóh bila
Adóë, Si Oedjoet Tapoh bak maté, di kée, han lé koemeutjéedara
Meung un maté maté bila adòë, hareuëm bé' tawòë oe Poelò Roedja
Di Dōnja kòn trōih keu akhirat kaphé la'nat bé' koe'eu mata
Ada' han é' oeléëbalang panglima prang koegantōë gata
Beukeuhan meuteuméë djih di Banang keudéh taprang oe Djohō Lama
Beukeuhan djih di Djohō Lam, oe Djohō Bali taseutét landja
Beukeuhan tateuméë di Djohō Bali, keudé tatiti oe oe nangròë Goeha
Beukeuhan tateuméë ban peuët nangròë tariwang tawóë 'taprang
Meulaka.²⁰¹*

Terjemahannya:

*Asyik bercakap Malem Dagang, Panglima perang sangat perkasa:
Bertuah badan, bertuah roh, sanggup kubunuh bela bangsa
Asyik bercakap Raja Raden, orang baik batin, tengah setia :
Adik tengku Malem Dagang, bangkitkan perang, balas dendam
Adik, Si ujud kita bunuh mati, saya tak mahu lagi bersaudara
Biarpun mati membela adik, diharamkan balik ke Pulau Raja
Dari dunia ini sahaja sampai hari diakhirat kafir laknat sangat ku
benci. Sekiranya hai kaum bangsawan panglima perang kuganti kamu
Kalau tak jumpa dia di Banang di Johor lama kita berperang
Kalau tidak ada di Johor lama, ke Johor Bali kita mencari
Kalau tak jumpa di Johor Bali, kita mencari ke negeri Goha
Jika tak jumpa di empat negeri kita kembali perang Melaka.*

Mengenai tempat-tempat bersejarah yang pernah disinggahi oleh Sultan Iskandar Muda dan para pengikutnya sebelum mara ke Semenanjung Tanah Melayu dalam hikayat Malem Dagang disebutkan sebagai berikut :

Bahasa Acheh:

*Nyang dilaot gocok saoh
Didarat pih rioh lanja gubungka*

²⁰¹ *Ibid.*, hal. 68.

*Siuroe simalam poteu meucré,
U Pidie le neumeuseuninya*

*Poteu pitroh unanggro Pidie
U pukan Sigli neumeuseuninya
Siuroe simalam potoe sinan
Rakyat pi jitron meuleluasa*

*Lhee uroe lhee malam neujak laju
U meureudu neumeuseuninya
Poteu pitroh u Meureudu
Neupioh le u Simpang Tiga*

*Si Uroe Simalam poteu sinan
Jitron yohnyan ureung Samalanga
Jimee tubee meuribee
Meng boh kayee han teukira*

*Nyang dilaot geucok saoh
Di darat beurangkat le poteu raja
Po teuh beudoh teuma di nan
Neu piyoh lheuh nyan U Peudada*

*Troh keuh rakyat dum meukeubu
U Kreung Geukuh po Meukuta
Di Krueng Geukuh dum meuron-ron
U jamee mon neumeuseuninya*

*Bungka keu rakyat meukeukato
U Peusangan Nangro neuhala
Poteu pitroh U peusangan
Neu piyoh sinan di gampong Raya*

*Neu bungka sinan di Blang Reuncong
Rakyat meuhimpon meuleulaksa
Di Blang Reuncong neujak laju
Rakyat meu u-u meuribee laksa*

*Oh saree troh u Lhokseumawe
Neupiyoh le sikutika
Poteu bungka di mon Geudong
Laju u Pusong neumeuseuninya*

*Oh sajan troh u Jambo aye
Neumupike sikutika
Poteu tanyong bak Ja Madinah
Ulon Allah teungoh seutia*

*Soe mee taboh keu panglima
Siri uleebalang nyang meubahgia*

*Saleeh taboh panglima Pidie
Ureung nyang ngiek nibak raja.*²⁰²

Terjemahannya :

*Orang dilaut mengangkat sauh
Didaratpun riuh mau berangkat
Sehari semalam sultan berangkat
Di negeri Pidie sultan berehat*

*Sultan sampai di negeri Pidie
Di pasar Sigli beristirahat
Sehari semalam sultan disana
Rakyatpun turun berduyun-duyun*

*Tiga hari tiga malam berangkat terus
Di meureudu beristerahat
Sultanpun sampai di Meureudu
Beristirahat lagi di Simpang Tiga*

*Sehari semalam sultan di sana
Turunlah semua orang Samalanga
Membawa tebu beribu-ribu
Buah-buahanpun tiada terkira*

*Yang di laut mengangkat sauh
Dari darat sultan berangkat
Sultan berangkat dari sana
Beristirahat lagi di Peudada*

*Sampailah rakyat berkumpul banyak
Di Krueng Geukuh Iskandar Muda
Di Krueng Geukuh banyak berkumpul
Di Jamee mon beristirahat*

*Berangkatlah rakyat satu pasukan
Di Peusangan negeri berangkat
Sultan sampai Di Peusangan
Beristirahat di Kampung Raya*

*Berangkat disana di Blang Reuncong
Rakyat berhimpun sungguh banyak
Di Blang Reuncong berangkat terus
Rakyat berduyun beribu-ribu*

*Tibalah lagi di Lhokseumawe
Beristirahat lagi seketika*

²⁰² H.K.J. Cowan (1937), *op. cit.*, hal. 27-34

*Sultan berangkat di mon Geudong
Terus ke Pusong beristirahat*

*Begitu tiba di Jambo Ayee
Berfikir lagi seketika
Sultan bertanya pada Ja Madinah
Saya Allah sedang setia*

*Siapa yang wajar kita angkat jadi panglima
Uleebalang mana yang berbahagia
Wajar diangkat panglima Pidie
Orang yang tampak dimata raja.*

Setelah disemak setiap bait-bait hikayat di atas, maka dengan jelas pengarang menyebutkan nama-nama bandar, di mana tempat-tempat yang pernah disinggahi oleh Sultan Iskandar Muda beserta pengikutnya ketika berangkat dari pusat kerajaan di Banda Aceh. Berkenaan nama tempat yang pernah disinggahi oleh Sultan Iskandar Muda dapat dilihat dalam tulisan H.M. Zainuddin, pada bab ke-15 tentang raja berangkat ke Medan perang.²⁰³

Semua tempat dan bandar yang pernah disinggahi oleh Sultan Iskandar Muda dalam perjalanannya menuju Semenanjung Tanah Melayu diceritakan dalam naskah Hikayat Malem Dagang. Sehingga kini masih menjadi bukti yang dapat disaksikan hingga hari ini daerah-daerah tersebut terletak di sepanjang Pantai Utara dan Timur Aceh. Bandar Asahan merupakan daerah terakhir persinggahan Sultan Iskandar Muda sebelum menuju ke Semenanjung Tanah Melayu. Peristiwa yang terjadi di Asahan ini dalam teks Hikayat Malem Dagang disebutkan :

Bahasa Aceh:
*Yoh masa nyan Po teu meulayeu
Angen pih kheu keunong paksa*

²⁰³ H.M. Zainuddin (1957), *Singa Aceh, Biografi Sultan Iskandar Muda*, Medan: Balai Pustaka, hal. 142.

*Lhee uro lhee malam peulayaran
Trouh u Asahan Po meukuta*

*Jiphon beungoh kon kon di peubeudoh prang
Talo keuh tuan saboh kuta
Umu lhee uroe Malem dimuprang
Kaphe dicang na silaksa*

*Geunap peut uro Malem dimuprang
Talo keuh tuan peut boh kuta
Umu nam uro Malem dimuprang
Talo keuh tuan nam boh kuta*

Terjemahannya :

*Pada waktu itu Sultan berlayar
Anginpun kencang memaksanya
Tiga hari tiga malam berlayar
Sampailah ke Asahan Meukuta Alam*

*Mulai pagi mereka berperang
Kalah tuan (kafir) satu benteng
Selama tiga hari Malem Dagang berperang
Kafir mati sangat banyak*

*Genap empat hari Malem berperang
Kalahlah tuan (kafir) empat buah benteng
Selama enam hari Malem Berperang
Kalah kafir enam benteng*

Setelah dibaca kutipan Hikayat Malem Dagang di atas, maka semakin jelas bahawa negeri Asahan menjadi bukti tempat dan wilayah kekuasaan kerajaan Aceh pada masa dahulu. Berkaitan peristiwa Asahan tersebut penulis telah pula mengambil kutipan naskah Hikayat Malem Dagang daripada wasiat Puteri Pahang kepada Iskandar Muda bahawa sampai di Asahan akan dihalang oleh Raja Muda.

Dalam Hikayat Malem Dagang juga ada menyebut tentang Sultan Iskandar Muda dan angkatan Perang Malem Dagang memburu Si Ujud dari Banang, Johor Lama, Johor Baru, (Johor Bali) hingga sampai ke Goa. Selepas pergi ke daerah-daerah

tersebut, angkatan perang Malem Dagang membuat pengepungan terhadap negeri Melaka yang telah dikuasai oleh Portugis. Peristiwa yang bersejarah seperti ini tidak menjadi asing lagi kerana banyak ditulis oleh sejarawan dalam buku-buku sejarah Melayu. Seperti catatan ilmiah yang menceritakan mengenai peranan Iskandar Muda sebelum pergi ke Semenanjung Tanah Melayu pada bulan Jun tahun 1613 M. Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam adalah sebagai Sultan Aceh yang telah menghantarkan suatu angkatan perang yang besar untuk menyerang negeri Johor. Oleh itu, kemungkinan besar baginda sendiri yang mengetuai angkatan itu.²⁰⁴ Dari hasil kajian para ahli sejarah menunjukkan bahawa Johor pernah menjadi sebuah daerah taklukan kerajaan Aceh pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda dalam tahun 1613 M.

Dalam sumber-sumber sejarah ilmiah juga menjelaskan mengenai Semenanjung Tanah Melayu sebagai berikut: Dalam bulan jun tahun 1613, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Sultan Aceh, telah menghantarkan suatu angkatan perang yang besar datang menyerang negeri Johor. Besar kemungkinannya baginda sendiri yang memimpin angkatan itu.²⁰⁵ Dengan demikian, menurut keterangan di atas menjadi bukti bahawa Negeri Johor adalah merupakan daerah taklukan kerajaan Aceh pada masa kekuasaan Sultan Iskandar Muda.

Mengenai nama-nama dari pihak kerajaan Aceh terlibat dalam sejarah penaklukan atas Semenanjung Tanah Melayu oleh angkatan perang Cakra Donya yang dipimpin oleh Iskandar Muda, menurut hikayat Malem Dagang adalah Sultan Iskandar Muda, Malem Dagang, Ja Pakeh, Raja Raden, Panglima Pidie dan Puteri Pahang.

²⁰⁴ H.Buyung Adil (1971), *Sejarah Johor*, Kementerian Pelajaran Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, hal. 60.

²⁰⁵ *ibid*

Sedangkan pihak lawan yang menjadi tokohnya adalah Raja Si Ujud, Raja Modeulikah, Puteri Beureuhut (isteri Si Ujud) dan Halawiyah mertua Si Ujud.

Puteri Pahang, Puteri Beureuhut dan Halawiyah, mereka ini tidak terlibat secara langsung dalam kancah peperangan yang terjadi, akan tetapi mereka tetapi sangat aktif dalam memberikan sokongan kepada kelompok masing-masing dalam peperangan tersebut. Mengenai nama-nama tokoh dalam peristiwa bersejarah masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda yang telah disebut di atas, yang terlibat secara langsung mahun tidak langsung dalam hikayat Malem Dagang pengarang menggambarkan sebagai berikut:

Bahasa Aceh:

*Kri cit narit Meukuta Alam
Raja ji meunan Iskandar Muda
Ado teungku raja Raden
Ureung get bateen teugoh setia*

*Beudoh cuco Malem Dagang
Kutika reumbang po Panglima
Jino jibeudoh Malem Dagang
Panglima prang that perkasa*

*Sajan jitot di jaro tunam
Kapai kafee lham dua ploh dua
Beudoh di unuen raja Raden
Lham yang laeen dua ploh dua*

*Beudoh di wie Panglima Pidie
Hana meusi ban Geu jangka
Lhee geuh santeut ngon Malem Dagang
Sang geutong saboh jangka*

*Maka meututo that si Ujud
Nyan geusebut raja Guha
Raja jimunan raja Meudeulikah
Nyan keuh ayah judo raja*

*Kri cit meututo putro Beureuhut
Judo si Ujud aneuk raja*

*Nyan keuh aneuk raja Meudeulikah
Alawiyah geuhoi bunda*

*Lalu meututo po Japakeh
guree yang leubeh ulama raya*

*cuco teungku Malem Dagang
panglima prang that perkasa*

*Bek katakot bek kamalee
Na sajan kee lakee Do'a
Uroe malam cuco han teudouh
Kuruan lhee ploh jikee kubaca*

Terjemahannya:

*Berkatalah Meukuta Alam (Iskandar Muda)
Raja bernama Iskandar Muda
Adik Teuku Raja Raden
Elok perangai serta penyanyang*

*Bangunlah cucu Malem Dagang
Masa remang di Panglima
Sekarang bangun Malem Dagang
Panglima Perang gagah perkasa*

*Beserta membakar meriam
Dua puluh dua kapal kafir tenggelam
Bangun sebelah kanan raja Raden
Dapat menenggelamkan dua puluh dua*

*Bangun sebelah kiri panglima Pidie
Tidak meleset seperti rencana
Tiga kekuatan sama dengan Malem Dagang
Hampir menang satu benteng*

*Maka berkatalah raja Si Ujud
Yang disebut raja Goa
Rajanya bernama raja Meudalikah
Itulah ayah jodoh raja*

*Berkata apa puteri Beureuhut
Isteri si Ujud anak raja
Itulah anak raja Meudeulikah
Halawiyah nama bunda*

*Lalu berkatalah Ja Pakeh
Guru yang alim ulama besar
Cucu teungku Malem Dagang
Panglima perang sangat perkasa*

*Jangan kau takut jangan kau malu
Bersama aku doa kupinta
Siang dan malam cucu tiada berhenti
Quran juz tiga puluh selalu kubaca.*

Dalam teks hikayat di atas pengarang menyebutkan beberapa nama orang yang terlibat dalam peperangan di Semenanjung Tanah Melayu. Menurut sumber sejarah mereka mendapatkan kedudukan sesuai dalam bidangnya masing-masing yang telah ditetapkan oleh Sultan Iskandar Muda seperti :

Pada masa angkatan perang Malem Dagang yang dipimpin oleh Sultan Iskandar Muda mahu berangkat menuju ke Tanah Melaka untuk mencari Raja Si Ujud. Maka permaisuri Sultan Iskandar Muda merasa bimbang. Sebelum berlaku perpisahan ini terjadi dialog yang sangat romantik antara Sultan Iskandar Muda dengan permaisurinya Puteri Pahang yang mahu turut bersama-sama dengan Sultan untuk memburu Si Ujud. Namun Sultan Iskandar melarang permaisurinya iaitu Puteri Pahang ikut serta dalam angkatan perang tersebut. Oleh itu, dengan perasaan sedih dan terharu Puteri Pahang melepaskan Sultan Iskandar Muda di pintu gerbang luar Istana Darod Dunya dengan menyampaikan pesan-pesan sebagaimana berikut:

Terjemahannya :
*Harap Tuanku berwaspada,
Dalam berlayar melintas Selat Melaka,
Akan Tuanku hadapi tiga bahaya,
Yang pertama gelombang besar,
Bahaya kedua di Asahan,
Tuanku dihadang Raja Muda,
Yang ketiga bahaya di Banang,
Kuburan tiga orang suciterdapat di sana,
Karena itu, Tuanku,
Banang jangan dihancurkan.”²⁰⁶*

²⁰⁶ Majalah Sinar Darussalam (1987), *Majalah Pengatahuan Dan Kebudayaan*. Banda Aceh : IAIN Ar-Raniry. hal. 496.

Meskipun dialog diatas sebagai nasihat permaisuri yang bijaksana terhadap Sultan Iskandar Muda, namun tetap mencerminkan watak seorang tokoh kerajaan yang sangat berperanan dalam Hikayat Malem Dagang. Dalam naskah hikayat tersebut juga mengisahkan bagaimana Puteri Pahang mencurahkan perasaan kewanitaannya masa itu dalam Hikayat tersebut seperti berikut :

*Kalau jadi Tuanku berangkat,
Tinggal dimana Puteri yang hina,
Demi Allah, Tuanku Jangan pergi,
Sebelum pasti kami Tinggal dimana,
Ampun Tuanku Duli Shah Alam,
Kupegang tangan, berangkat Jangan,
Kalau Tuanku melalui daratan,
Musuh datang ikut lautan,
Puteri ditawan dalam istana...*

Dengan senang Sultan Iskandar Muda menjawab :

*Sungguhpun demikian, Tuan Puteri,
Dengarlah peri madah beta,
Adinda kuserahkan kepada Allah,
Tuhan pencipta alam semesta...
Puteri Pahang menjawab dengan tenang :
Kalau kepada Allah kami diserahkan,
Tuanku Kulepaskan dengan Do'a,
Berangkatlah Tuanku dengan selamat,
Semoga Allah memberi (Syufaat) balasan...*

Di atas adalah cerita ringkas yang terkandung dalam Hikayat Malem Dagang mengisahkan Sultan Iskandar Muda dengan Armada Cakra Donya untuk mengharungi Selat Melaka mencari Raja Si Ujud, sehingga Raja Si Ujud dapat ditawan pasukan Armada Cakra Donya. Maka, demikian berakhir riwayat hidup Si Ujud di rantau ini

dan di Acehlah Raja Si Ujud dihukum mati sebagai tawanan Kerajaan Aceh Darussalam.²⁰⁷

Selepas penyerangan terhadap Melaka, kedua tokoh ini kembali ke kampung halamannya di Meureudu (Kabupaten Pidie sekarang) dan wafat di sana. Bahkan sampai sekarang kedua makam tokoh tersebut dianggap keramat oleh sebahagian orang penduduk tempatan.²⁰⁸

Ketiga-tiga tokoh tersebut di atas merupakan bekas tawanan perang kerajaan Aceh dibawah pimpinan Sultan Iskandar Muda pada tahun 1613 M. Mengenai hal tersebut sejarah Johor menyebutkan bahawa Alauddin Riayat Shah III, Sultan Johor bersama dengan adinda baginda iaitu raja Abdullah (raja Raden versi orang Aceh), bendahara Tun Sri Lanang, beberapa panglima dan orang-orang besar Johor serta dua puluh orang dari pihak Belanda yang tinggal di kem mereka di Batu Sawar, mereka ditawan oleh pejuang Aceh dan di bawa kesana. sesampai di Aceh raja Abdullah dikahwinkan dengan adik Sultan Iskandar Muda untuk mempererat persaudaraan kedua negeri tersebut.²⁰⁹

Penyebutan raja Raden dan raja Si Ujud berdasarkan hikayat Malem Dagang tersebut menurut keterangan fakta sejarah yang tersebut di atas, Si Ujud tersebut dimaksudkan Sultan Alauddin Riayat Shah III. Sedangkan raja Raden adalah raja Abdullah dengan gelaran raja Bungsu atau raja seberang yang berkahwin dengan puteri Aceh. Akhirnya raja Abdullah kembali ke Johor dan bersama-sama membantu

²⁰⁷ *Ibid.*, hal. 498.

²⁰⁸ Imran Teuku Abdullah (1988), *op.cit.*, hal.81.

²⁰⁹ H. Buyung Adil (1971), *op.cit.*, hal.60.

Acheh dalam memerangi bangsa Portugis.²¹⁰ Pada tahun 1615 Sultan Aluddin Riayat Shah III (raja Si Ujud) kembali memihak kepada Portugis.

Oleh kerana itu, pada tahun 1615 M Acheh menyerang Johor dan menangkap Sultan Aluddin Riayat Shah III, sehingga beliau dibawa pulang ke Acheh sebagai tawanan perang dan meninggal awal tahun 1616 M di Acheh.²¹¹ Sementara Puteri Pahang yang telah dikahwini oleh Sultan Iskandar Muda, adalah merupakan keluarga daripada raja Pahang yang dibawa ke Acheh bersama raja Raden.

Dengan demikian, jelaslah kepada kita bahawa tokoh-tokoh tersebut di atas, mempunyai peranan tersendiri dalam beberapa siri penaklukan dan peperangan masa itu. Hal tersebut dapat dibuktikan oleh sejarah melalui sumber naskah Hikayat Malem Dagang tersebut. Misalnya, kisah Sultan Iskandar Muda menolak permintaan permaisurinya (Puteri Pahang) untuk di hantar ke Kuala Acheh ketika beliau berangkat ke Tanah Melaka pada tahun 1615 M. Pasukan Acheh ini dipimpin oleh Sultan Iskandar Muda sendiri dengan menggunakan jalan Darat.²¹² Begitu juga dengan tokoh seperti Ja Pakeh, Malem Dagang, Puteri Pahang, Raja Raden dan Si Ujud sangat berperanan dalam kancah peperangan masa itu.

Hikayat Malem Dagang memaparkan peristiwa-peristiwa pergolakan antara kerajaan-kerajaan Islam di Alam Melayu dan penjajahan Kristian. Dalam hal ini, secara tidak langsung Raja Si Ujud membawa misi Kristian dan menolak kekuasaan Islam di Tanah Melayu. Sebaliknya, Raja Raden dan Puteri Pahang dari Tanah Melayu

²¹⁰ *Ibid.* hal.71.

²¹¹ *Ibid.* hal.72

²¹² H. Muhammad Said (1981), *op.cit.*, hal. 284.

serta Sultan Iskandar Muda daripada Kerajaan Aceh melambangkan dua kerajaan Melayu yang menolak penjajahan Barat Kristian dan berusaha meluaskan kekuasaan Islam. Maka dapat disimpulkan bahawa kisah peristiwa yang tersirat mahupun yang tersurat daripada kisah hikayat Malem Dagang adalah kisah Sultan Iskandar Muda dengan Armada Cakra Donya meluaskan kekuasaannya ke Tanah Melayu.

Sebagai mana telah huraikan sebelum ini bahawa peristiwa yang dikisahkan dalam Hikayat Malem Dagang adalah peperangan melawan raja Muda Asahan. Setelah Asahan dapat ditaklukkan dan raja Muda di Islamkan pada tahun 1612 M, armada Aceh menuju ke Melaka. Pada tahun 1613 M, Aceh menaklukkan Johor serta dapat membawa tawanan perang ke Aceh seperti mana telah disebutkan di atas. Alauddin Riayat Shah III dan adiknya raja Abdullah (raja bongsu). Raja Abdullah yang dikahwinkan dengan saudara Sultan Iskandar Muda hikayat Malem Dagang menceritakan seperti berikut:

Bahasa Aceh:

*Meujeumeurang laut tujuh
Urounyo nyoe troh bak Sropeuda
Raja Raden nama ulon
Nyan keuh tuan geusebut nama*

*Syedara lon raja Si Ujud
Nama geusebut di ateuh donya
Kamoe nyoe troh keuno meujak
Meukeumeng meusyahdat tamong agama*

*Nyang ka dilee judo kudungo
Goh gutueng peurumoh aduen gata
Tuanku geureubot bak raja Raden
Ureun got baten tengoh setia*

*Geutung di gobnyan nyang sambino
Keu gutanyo nyang ribawa
Lahna geutembi putro Aceh
Teu riseh-riseh adun gata*

Terjemahannya:
*Mengarungi lautan tujuh
Hari ini sampai kepada sultan
Raja Raden nama saya
Itulah tuan disebut nama*

*Saudara saya raja Si Ujud
Nama disebut di atas dunia
Kami kemari adalah untuk
Bersyahadah masuk agama*

*Waktu dulu jodoh ku dengar
Ketika belum berjodoh saudara engkau
Tuanku direbut oleh raja Raden
Orang baik batin lagi setia*

*Beliau mengambil cantik rupawan
Untuk kita diberikan seperti biawak
Baru itu diberikan puteri Aceh
Cukuplah senang saudara kamu*

Dalam hikayat Malem Dagang di atas menggambarkan bahawa raja Si Ujud dan raja Raden merupakan dua bersaudara yang datang ke Aceh untuk memeluk agama Islam, sementara puteri Beureuhut yang merupakan isteri Si Ujud sangat marah terhadap perkahwinan yang terjadi antara raja Raden dengan puteri Aceh.

Mengenai peristiwa penaklukan yang dilakukan oleh Iskandar Muda dan pengikutnya terhadap negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang meliputi Johor tahun 1615 M, Pahang 1618 M, Kedah 1619 M, Perak 1620 M dan Indragiri 1624 M.²¹³ Dalam Hikayat Malem Dagang pengarang hikayat tersebut mengatakan bahawa negeri-negeri itu sebagai daerah yang ditaklukinya. Namun perbezaan dalam hikayat tersebut tidak menjelaskan mengenai tahun berapa terjadinya penaklukan.

²¹³ H.M. Zainuddin (1961), *Tarich Aceh dan Nusantara*, Medan : Pustaka Iskandar Muda. hal. 305; Lihat juga Anthony Reid (1968), *The contest For North Sumatera*, London: Oxford University Press, hal. 3.

Laksamana Perancis M. Augustin De Beaulieu dalam kunjungannya pada tahun 1621 M, mengatakan bahawa Iskandar Muda mengaku dirinya sebagai raja atas negeri yang telah ditaklukinya. Di samping itu, terkenal pula dengan gelaran Meukuta Alam atau Mahkota Alam. Gelaran tersebut diperolehi setelah menaklukkan negeri-negeri yang ada disekelilingnya.²¹⁴

Oleh itu, pada tahun 1615 M merupakan peristiwa penyerangan Aceh terhadap Johor yang terkandung dalam naskah Hikayat Malem Dagang. Menurut sebuah sumber sejarah bahawa Sultan Iskandar Muda sendiri yang memimpin pasukan tersebut. Berdasarkan 600 orang prajurit ikut berlayar.²¹⁵ Meskipun demikian, naskah Hikayat Malem Dagang bukan sebuah sumber rujukan yang pasti kebenarannya kerana ditulis oleh penulis tempatan yang mungkin tidak menghindarkan daripada unsur subjektifnya. Namun peristiwa yang ditulis tersebut ada kebenarannya. Oleh itu, di sebabkan kesubjektifannya para sejarawan memerlukan kaedah-kaedah tertentu untuk menemukan kebenaran.

Dalam membuktikan Hikayat Malem Dagang sebagai sastera sejarah yang memberikan sokongan serta membantu sejarawan dalam mencari informasi yang terkandung dalam hikayat ini, maka boleh juga merujuk kepada kisah yang ditulis oleh para sejarawan yang telah terbukti kebenarannya mengenai Sultan Iskandar Muda. Kisah cerita Hikayat Malem Dagang memang boleh dikatakan masih belum sempurna untuk dikatakan sebagai hasil penulisan sejarah yang benar, kerana masih bercampur dengan unsur-unsur khayalan pengarang. Oleh itu, penulis akan menghuraikan secara ringkas peranan Sultan Iskandar Muda yang pernah ditulis oleh Haji Buyong Adil

²¹⁴ Rusdi Sufi (1981), *Dari Sini Ia Bersemi*. Banda Aceh: Panitia MTQ-12, TK Nasional. hal. 87.

²¹⁵ William Marden (1966), *The History of Sumatra*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hal. 441.

dalam bukunya iaitu Sejarah Pahang yang diambil oleh A.Hasjmy sebagai perbandingan seperti berikut:

“Dalam Bulan Jun 1613 M, Sultan Iskandar Muda Meukuta Alam, Raja Aceh yang masyhur gagah perkasa itu, telah menghantar suatu Angkatan Perang Laut yang besar datang menyerang dan mengalahkan Negeri Johor, Batu Sawar dan Kota Seberang bandar-bandar utama dinegeri Johor masa itu telah diduduki oleh orang-orang Aceh. Mengikut setengah sumber, Iskandar sendiri mengetuai Angkatan Perang Aceh yang menyerang negeri Johor itu. Sulthan Alauddin Riayat Syah III, adinda baginda Raja Abdullah serta bendahara Johor Tun Sri Lanang dan ramai Pengiring-pengiring Sulthan Johor telah ditawan dan dibawa ke Negeri Aceh.....”²¹⁶

Selepas beberapa tahun bermaustatin di bumi Aceh sebagai tawanan, Sultan Alauddin Riayat Syah III dibenarkan kembali lagi ke Johor. Beliau menjadi Sultan di negeri tersebut dengan syarat tidak lagi bersekutu dengan kaum penjajah Portugis dan Belanda. Tetapi akhirnya Sultan Alauddin Riayat Syah III tersebut ingkar akan janjinya dan bersekutu kembali dengan pihak penjajah Portugis. Maka pada tahun 1615 M, angkatan Perang Aceh kembali menyerang daerah Johor. Akibat dari penyerangan ini ramai pembesar kerajaan serta Sultan Alauddin Riayat Syah ditawan dan dibawa kembali ke Aceh. Beliau meninggal di sana pada awal tahun 1616 M, sebagai tawanan yang ingkar janji.²¹⁷ Oleh itu, tokoh-tokoh tersebut dalam Hikayat Malem Dagang merupakan pelaku sejarah yang sering disebut dalam buku Sejarah Pahang. Raja Si Ujud dan Raja Abdullah serta Sultan Iskandar Muda menyamakan Sultan Alauddin Riayat Syah III sebagai Raja Si Ujud dengan Portugis. Sultan

²¹⁶ Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur (1992), Dewan Majlis Perbandaran Kuantan, hal. 6

²¹⁷ Sinar Darussalam (1987), *op.cit.*, hal. 502.

Iskandar Muda mengangkat Raja Abdullah (Raja Seberang atau Raja Bungsu) menjadi Sulthan Johor Baru dengan gelaran Sultan Abdullah Ma'ayat Syah.²¹⁸

1) Hikayat Pocut Muhammad

Hikaya ini merupakan salah satu hikayat pahlawan Aceh yang terkenal, ditulis dalam bentuk sanjak yang dapat memberikan kesan bagi pembacanya. Hikayat ini ditulis oleh Teungku Lam Roekam sebagai reaksi dan saksi atas peristiwa perang saudara yang terjadi pada tahun 1720-an. Hikayat Pocut Muhammad ini disamping sebagai karya sastra, juga merupakan sebagai hasil karya sejarah.

Secara ringkas hikayat ini mengisahkan tentang keadaan negeri Aceh pada masa pemerintahan Raja Muda iaitu anak Sultan Alauddin yang memerintah awal februari 1727-1735.²¹⁹ Beliau meninggal empat orang anak lelaki iaitu Raja Muda, Pocut Keling, Pocut Sandang dan Pocut Muhammad. Semasa pemerintahan Raja Muda iaitu putra Sultan Alaudin yang pertama, suasana dalam pemerintahan Aceh masa itu tidak stabil, lanun laut berleluasa dan undang-undang serta adat-istiadat tidak dijadikan panduan yang utama dalam menjalankan pemerintahan.

Dalam suasana negeri yang tidak aman yang berpunca daripada tingkah laku penguasa Kampung Jawa yang berketurunan berketurunan Arab yang bernama Jamaloilam (Jamal al-Alam) yang berkuasa di Kampung Jawa, iaitu kawasan Bandar Aceh yang banyak menghasilkan cukai pendapatan kerajaan. Beliau sudah berkuasa semenjak pemerintahan Sultan Alauddin iaitu ayah raja Muda. Dengan segala

²¹⁸ *Ibid.*, hal. 502

²¹⁹ Hoesein Djajadiningrat (1982), *Kesultanan Aceh (Suatu Pembahasan Tentang Kesultanan Aceh Berdasarkan Bahan-bahan Yang Terdapat Dalam: Karya Melayu)*, Banda Aceh: Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan Proyek Pengembangan Permeseuman Daerah Istimewa Aceh. hal. 68.

kelemahan yang ada pada Jamaloilam di Kampung Jawa dan Raja Muda di Keraton itulah, Pocut Muhamamad melihat seolah-olah negeri Aceh dipimpin oleh dua orang raja. Maka oleh itu, Pocut Muhammad dengan sokongan dua saudaranya iaitu Pocut Sandang dan Pocut Keling berhasrat menyerang Kampung Jawa. Namun demikian, rencana tersebut diketahui oleh raja Muda dan melarang saudaranya untuk menyerang Jamaloilam seperti mana pesan ayahandanya untuk tidak menyerang Jamaloilam. Bahkan raja Muda mengingatkan semua Hulubalang untuk tidak menyokong penyerangan yang dilakukan oleh Pocut Muhammad tersebut.

Namun demikian, Pocut Muhammad tetap meneruskan rancangannya dengan cara meraih simpati serta sokongan daripada berbagai pihak di daerah Pidie. Dalam perjalanan ke daerah Pidie, Pocut Muhammad singgah di suatu tempat iaitu Cot Peukan Tuha, sampai di daerah inilah beliau mendapatkan sokongan daripada tokoh tempatan. Tokoh tersebut antara lain adalah Bentara Keumangan, beliau inilah yang pernah diselamatkan oleh Jamaloilam dalam perang di suatu daerah Glumpang Payong (daerah Pidie). Di daerah lain iaitu Daerah Awe Geutah (Aceh bahagian Utara), Langsa dan Pasi Puteh (Aceh Timur), Pocut Muhammad juga mendapatkan sokongan daripada tokoh tempatan.

Tidak berapa lama kemudian, berita penyerangan yang hendak dilakukan oleh Pocut Muhammad beserta pengikutnya sampai kepada Jamaloilam di Kampung Jawa. Dengan demikian berangkatlah Jamaloilam meminta bantuan ke daerah pantai Barat, iaitu Kuala Melaboh, Sinagan, Bubon, dan Ranto Seumayam, bahkan memohon bantuan di luar daerah Aceh iaitu negeri Batak (Sumatera Utara).

Setelah Pocut Muhammad mengumpul ribuan pasukan daripada berbagai daerah di Aceh, beliau membahagikan kepada beberapa kelompok menuju ke Bandar Aceh dan berkumpul di masjid Raya dan benteng istana. Begitu juga pasukan Jamaloilam yang sudah tiba di Bandar Aceh bersiap sedia berkumpul di benteng-benteng Kampung Jawa. Maka bermula perang saudara di Kampung Jawa sebagai benteng pertahanan Raja Muda daripada serangan peluru meriam Sicupak Pocut Muhammad dengan meriam Jeura hitam Jamaloilam.

Akhirnya benteng pertahanan Jamaloilam seperti benteng Peumayong, benteng Meuraksa, benteng Gampong Pang, benteng Kuala, benteng Gampong Pande dan benteng Neujit dapat direbut oleh pasukan Pocut Muhammad. Jamal al-Alam kalah dan melarikan diri ke Lam Baro (Aceh Besar). Seusai perang, Raja Muda tetap berkuasa di Banda Aceh dengan memperoleh sebagian hasil pelabuhan yang sebelumnya diperoleh Jamaloilam dan Pocut Muhammad menikah dengan seorang puteri dari Lam Bhuk.

Peristiwa mengenai perang saudara yang terjadi di negeri Aceh yang pernah ditulis oleh sejarawan dalam buku-buku sejarah Aceh, memang benar adanya peristiwa tersebut. Oleh itu, pengkaji ingin menguatkan peristiwa yang terjadi masa itu dengan aspek sejarah yang terdapat dalam naskah Hikayat Pocut Muhammad

Dari keterangan umum mengenai Hikayat Pocut Muhammad di atas, sebelum terjadinya perang saudara maka penulis memetik cerita ataupun isi permulaan Hikayat Pocut Muhammad yang menerangkan kisah hasratnya untuk menyerang Kampung Jawa dalam kawasan Bandar Aceh tersebut sebagai berikut:

Bahasa Aceh :

Bismillāhirrahmānirrahīm

*Ajayeb Subhanallah
Tadeungo lonkisah saboh calitra
Deungo lon kisah karangan baro
Tadeuk bak pinto mesjid raya*

*Mula-mula phon geupudeudeuk pakat
Pocut Muhammad aneuk raja
Habehe meuhimpon dum uleebalang
Neukheundak prang Gampong Jawa.*

Terjemahannya:

Bismillāhirrahmānirrahīm

*Keajaiban Subhānallāh
Dengar saya kisah satu cerita
Dengar saya kisah karangan baru
Terduduk di pintu Masjid Raya*

*Mula-mula sekali diadakan mufakat
Pocut Muhammad anak Raja
Semua Hulubalang sudah berhimpun
Untuk memerangi Kampung Jawa.²²⁰*

Daripada catatan hikayat di atas ianya mengisahkan tentang peristiwa awal sebelum terjadinya penyerangan terhadap Kampung Jawa pada masa itu. Pocut Muhammad mengadakan perundingan dan menghimpunkan semua kekuatan dari kalangan masyarakat untuk menghadapi kekuatan pasukan Jamalolilam di Kampung Jawa.

Sememangnya dalam perjalanan sejarah Aceh benar terjadinya peristiwa penyerangan Kampung Jawa oleh pasukan Pocut Muhammad. Disebabkan tiadanya perhatian Raja Muda terhadap Undang-undang dan persoalan-persoalan kemasyarakatan serta keagamaan. Bahkan ada yang mengatakan di negeri Aceh tidak

²²⁰ Ramli Harun (1981), *Hikayat Pocut Muhammad*, Jakarta: Pendidikan dan Kebudayaan, hal. 11.

lagi beragama terutama di daerah Kampung Jawa sebagai bandar tempat penghasilan cukai yang terbanyak masa itu. Keadaan tersebut diceritakan oleh pengarang Hikayat Pocut Muhammad sebagai berikut :

Bahasa Aceh:

*Han ek lon pandang raja dua droe
Neukheun jinoe toh bicara
Tohkeuh pike toh bu padan
Han ek lon pandang dua raja*

*Han ek lon pandang raja dua droe
Reulhoh nagnroe haro-hara
Taeukeuh dalam kajeuet keu uteuen
Taeukeuh mideuen ka jeueut keu rimba*

*Meuseujid raya kahabeh reuloh
Nangroe kateuboh dua raja
Rakyat meuhukom pat patosan
Bak lakuan han get rupa*

*Nikah ngon pasah hanle jipeutron
Sabab jikalon raja ka dua
Jikeumeung ba keudeh u dalam
Sideh jiputham di gampong Jawa*

*Rakyat mandum ka meulanglang
Le ka riwang u Gampong Jawa
Padum krueng cut deugon geudong
Ka lam hukom Ma'jui lhok Nga*

*Kawom Cina Deugan Inggreh
Ka Habeh u Gampong Jawa
Barang taqmong Subhanallah
Han treuh pugah han ek kira*

*Ureueng meukapai bungka meulaot
Dum teumakot tuha muda
Peuekuh seubab jeuet teumakot
Aceh meureubot larang hana*

*Han soe larang ureueng meureubot
Keureuna ka jeuet raja dua
Og gob kalon hana keumah
Jikheun Aceh Tan agama*

*Meunan keuh meugah jeueb-jeueb nangroe
Sabab bak droe Raja Muda
Troh meugah u nangroe rayek
Hingga to nangroe Ierupa.²²¹*

Terjemahannya:

*Tak sanggup kupandang dua orang raja
Ungkapkan sekarang apa cerita
Manalah saranan yang sesuai
Tak sanggup kupandang dua raja*

*Tak sanggup kupandang dua raja
Hancur negeri huru-hara
Kita lihat ke dalam sudah jadi hutan
Kita lihat serambi jadi rimba*

*Masjid Raya habis rosak
Satu negeri dua raja
Rakyat tidak patuh pada hukum
Kerana tingkah laku tidaklah elok*

*Nikah dan fasakh tidak dijalankan
Sebab dilihat dua orang raja
Ingin dibawa hingga kedalam
Di kampong Jawa sudah dilarang*

*Seluruh rakyat kucar-kacir
Banyak yang pulang ke Kampung Jawa
Berapa kreung cut dengan gedung
Kalam hukom Ma'jui Lhok'nga*

*Kaum Cina dengan Inggeris
Sudah habis ke Kampung Jawa
Barang masuk sangat banyak
Tak boleh di ungkap dan dikira*

*Banyak kapal sudah berlabuh
Tua dan muda semua takut
Apa sebab rasa takut
Acheh direbut tiada yang larang*

*Tiada seorangpun yang melarang
Kerana sudah ada dua raja
Bila dilihat orang tidak sanggup
Dikata Acheh tidak beragama*

²²¹ *Ibid.*, hal.12-13

*Demikianlah semua negeri sudah tahu
Sebab dari raja Muda
Sampai tahu ke negeri Besar
Hingga dekat Negara Eropah*

Di atas merupakan sebahagian hikayat menerangkan keadaan negeri Aceh serta kemundurannya pada masa pimpinan dua orang beradik yang berketurunan raja. Maka, Pocut Muhammad mahu membebaskan kepimpinan saudaranya yang sangat lemah. Keadaan negeri Aceh bagaikan sebuah negeri yang dipimpin oleh dua orang raja yang telah merosakkan sendi-sendi kehidupan masyarakat beragama Islam. Kapal-kapal asing seperti Cina dan Inggrs berlabuh di situ untuk urusan perniagaan tidak ada pengawalan oleh pihak kerajaan.

Dalam suasana yang demikian, satu satunya jalan untuk menyelamatkan agama dan kedaulatan negara daripada kehancuran, Pocut Muhammad mengambil kesempatan dan bertindak segera dengan melakukan langkah-langkah apa sahaja untuk menyelamatkan Kampung Jawa sebagai daerah yang sangat strategik kedudukannya dalam menghasilkan cukai pendapatan kerajaan.

Tempat merupakan objek penting dalam menulis kisah sejarah. Dalam setiap peristiwa yang terjadi mesti adanya tempat atau daerah yang merupakan wilayah terjadinya sesuatu peristiwa, dalam Hikayat Pocut Muhammad pernah menyebutkan mengenai nama-nama daerah yang menjadi wilayah kunjungannya untuk mencari penyokong dalam menghadapi perlawanan terhadap Jamal al-Alam.

Disamping Kampung Jawa yang disebutkan dalam naskah Hikayat Pocut Muhammad yang menjadi daerah kekuasaan Jamal al-Alam pada masa itu, terdapat

juga daerah-daerah lain yang menjadi perbincangan dalam proses perjalanan sejarah yang dilakukan oleh Pocut Muhammad. Mengenai hubungan dengan tempat-tempat tersebut Hikayat Pocut Muhammad menjelaskan sebagai berikut:

Bahasa Aceh

*Pocut Muhammad Beudoh pantah
Neucok langkah nyan neubungka
Phon-phon neukhun bismillah
Poteu Allah sampona Pinta*

*Phon-phon neucre Kuala Eumpee Trieng
Troh u Gigieng teuma Krueng Raya
Neucre inan u Lam Panah
Troh u Langah le nuhala*

*Nubudoh inan troh u Curek
U Laweungle ka nuhala.....²²²*

Terjemahannya

*Pocut Muhammad bersiap sedia
Mahu melangkah dengan segera
Mula-mula mengucap bismillah
Pada Allah mohon dipinta*

*Mula-mula meninggalkan Kuala Eumpee Trieng
Sampai ke Gieging menuju Krueng Raya
Lepas itu ke Lampanah
Samapai ke Langah ia menuju*

*Dari situ sampai ke Curek
Ke Laweung ia menuju*

Bahasa Aceh

*Nyoe lon kisah Pocut Muhammad
Bungka leugat sigra-sigra
Nuebudoh ninan u Mukim Tujoh
Maken that jeoh nibak yang ka*

*Oh sare troh u Mukim Tujoh
Habeh neubloh Meurandeh Paya
Troh u Nangroe Padang Tiji
Nupiyoh le di Mesjid Raya.....²²³*

²²² *Ibid.* hal. 41.

²²³ *Ibid.* hal. 49.

Terjemahannya

*Ini kisah Pocut Muhammad
Ingin berlepas dengan segera
Mahu berangkat ke Mukim Tujuh
lebih jauh dari yang sudah*

*Sesampainya di Mukim Tujuh
Habis dikunjungi Meurandeh Paya
Sampai ke Negeri Padang Tiji
Rehat sejenak di Masji Raya.....*

Bahasa Aceh

*.....Pocut Muhammad lon cerita
Jinoe neupunab keu u Timu
Nupusak tunu jinoe neubungka*

*Nubudoh ninan teuma beujalan
Trohle yohnyan u Peukan Tuha
Nyang jut geukhun Peukan Tuha nyan
Nyampang sulutan kenan neutuka*

Terjemahannya

*.....Saya cerita Pocut Muhammad
Sekarang menuju arah ke Timur
Dengan emosi sekarang pergi*

*Dari tempat itu ia berjalan
Sampailah pula ke Pekan Tuha
Di katakan Pekan Tua
Kadang sultan datang ke situ²²⁴*

Dari ringkasan hikayat di atas, menerangkan daerah-daerah yang dikunjungi oleh Pocut Muhammad pada masa sebelum terjadi penyerangan terhadap daerah Kampung Jawa di Bandar Aceh. Mengenai daerah-daerah yang tersebut hanya sebahagian sahaja penulis ambil sebagai contoh, sebenarnya banyak lagi daerah-daerah lain yang menjadi perbahasan dalam hikayat tersebut. Oleh itu, menjadi contoh bahawa sastera (hikayat) Pocut Muhammad yang telah dikarang oleh pengarangnya dapat

²²⁴ *Ibid.* hal. 105-106.

memberikan petunjuk mengenai daerah-daerah yang dimaksudkan tersebut. Daerah tersebut sampai sekarang masih wujud dan menjadi saksi atas peristiwa yang dikisahkan oleh hikayat mahupun karya sejarah lokal Indonesia pada amnya.

Perbahasan mengenai tokoh dalam setiap peristiwa memang sangat penting kerana dengan adanya tokoh (pelaku sejarah) maka adanya peristiwa yang disebut sejarah. Oleh kerana itu dalam perbahasan ini penulis menghuraikan mengenai tokoh-tokoh yang telah terlibat dalam peristiwa yang telah dikisahkan dalam naskah Hikayat Pocut Muhammad, tokoh-tokoh ini mempunyai peranan tersendiri sebelum dan sesudah penyerangan terhadap Kampung Jawa di Bandar Aceh pada masa itu. Tokoh-tokoh tersebut antara lain adalah :

1. Raja Muda (Ala ad-din Johan Sjah)
2. Pocut Keling
3. Pocut Sandang
4. Pocut Muhammad
5. Jamal al-Alam (Jamaloilam versi Hikayat Pocut Muhammad)
6. Bentara Keumangan (Bintara Keumangan)

Di atas merupakan beberapa orang tokoh yang terbabit dalam kisah penyerangan terhadap Kampung Jawa. Nama yang tersebut pada nombor satu, dua, tiga dan empat merupakan anak daripada Sultan Ala ad-din Ahmad Sjah (Maharaja Lela Melayu yang menjadi sultan Aceh pada tahun 1727-1735). Sedangkan Raja Muda (Sultan Ala ad-din Johan Sjah yang memerintah 1735-1760).²²⁵ Tokoh tokoh

²²⁵ Hoesein Djajadiningrat (1982), *op.cit.*, hal. 85.

tersebut merupakan penghias buku sejarah Aceh dalam perang saudara selepas pemerintahan Sultan Ala ad-din Ahmad Sjah yang berketurunan Bugis di Aceh.

2) Hikayat Putroe Gumbak Meuh

Hikayat Putroe Gumbak Meuh, sama seperti hikayat-hikayat lain yang dikarang di negeri Aceh memiliki nilai seni yang sangat tinggi serta mengisahkan keadaan kehidupan manusia dalam lingkungan kerajaan yang mengalami kemajuan dan kemundurannya. Karya sastera ini menurut ahli sejarah ditulis pada masa pemerintahan Sulthanah Sri Ratu Tajul Alam Safiatuddin Johan Berdaulat (1050-1086 H/1614-1675 M).²²⁶ Namun, terdapat satu perkara yang kurang sempurna dalam karya tulisan tersebut kerana tidak diketahui siapa sebenar yang mengarang karya sastera agung ini (Hikayat Putroe Gumbak Meuh). Meskipun karya ini lahir pada masa pemerintahan ratu tersebut, pengarangnya tidaklah dapat diketahui secara pasti kerana tiada sebarang nama yang tertera pada naskah tua hasil peninggalan masa lalu.

Pada zaman dahulu, tidak menjadi masalah apabila tidak menulis nama pengarang di setiap karya sastera. Hal ini kerana menjadi suatu kebiasaan para penulis zaman dahulu tidak memaparkan nama dalam karyanya. Namun demikian, tidak wujud masalah sekiranya mengambil karya sastera tersebut sebagai sumber dalam penulisan kisah sejarah.

Daripada beberapa jenis karya sastera (hikayat) yang pernah lahir di negeri Aceh, karya sastera Hikayat Putroe Gumbak Meuh merupakan salah satu karya sasterawan yang mempunyai nilai-nilai sejarah. Karya ini mengisahkan berbagai-bagai

²²⁶A.Hasmy (1976), *op. cit.*, hal. 57.

masalah kehidupan manusia dan persoalan tatacara kehidupan negara serta segala peristiwa yang pernah berlaku ketika itu. Meskipun demikian kedudukan karya sastera dalam masyarakat pada masa dahulu, kadangkala turut juga bercampur antara perkara mitos dengan perkara yang sebenarnya berlaku, hal tersebut hanya semata-mata ditokok-tambah oleh pengarang hikayat tersebut untuk kepentingan lainnya.

Oleh itu, wujud dua perkara yang sangat berlawanan iaitu antara perkara yang boleh diterima oleh akal manusia dan yang tidak diterima oleh akal. Maka di sinilah pentingnya ahli sejarah menggunakan ilmu pengetahuannya mengenai metode-metode yang digunakan untuk mendapatkan fakta sejarah yang benar (*original*).

Selain itu, untuk mendapatkan maklumat dalam setiap karya sastera hikayat tersebut, para pakar sejarah harus memiliki dan memahami segala makna serta istilah yang dinisbahkan oleh pengarang kepada nama sebuah tempat dan tokoh yang berperanan di dalam karya sastera itu. Sepertimana dalam Hikayat Putroe Gumbak Meuh tidak menyebut negeri Aceh dan tokoh yang berperanan secara jelas namanya. Malah, kerajaan Negeri Aceh menurut ahli Sastera (pujangga) Aceh, H.M. Zainuddin dan Guru Aziz Lamnyong mengatakan bahawa istilah Negeri Gulitan Sagop bermaksud Kerajaan Aceh Darussalam dan Negeri Semanta Indra ialah Kerajaan Pahang di Malaysia. Manakala yang dimaksudkan dengan nama Khamsulkhasara adalah Sultan Iskandar Muda, Putroe Gumbak Meuh iaitu Putri Safiah Ratu Safiatuddin dan yang dinisbahkan sebagai Lila Banggana adalah Sultan Iskandar Thani putra Sultan Ahmad daripada Pahang.²²⁷ Maka oleh itu, A.Hasjmy menyokong pendapat yang dikemukakan oleh kedua tokoh tersebut di atas tersebut.

²²⁷ *Ibid.*, .hal. 60.

Justeru, setelah membaca hasil analisis yang dibuat oleh para pakar di atas, bahawa para tokoh yang penulis sebutkan merupakan pelaku sejarah yang telah memberikan peranan terhadap perjalanan sejarah Aceh khususnya dan Nusantara umumnya. Dengan demikian, tiada seorang pun yang tidak mengakui peranan tokoh tersebut dan kepimpinan mereka dalam kerajaan Aceh Darussalam. Oleh itu, secara objektif setelah mengenal pasti perkara yang tidak logik dalam Hikayat Putroe Gumbak Meuh pada hakikatnya adalah Hikayat Ratu Safiatuddin atau sejarah Ratu Safiatuddin.

Raja Khamsulkasara dan Negeri Gulitan Sagop dalam Hikayat Putroe Gumbak Meuh, pengarang mengisahkan lukiskan kisah tersebut seperti berikut :

Bahasa Aceh :

*Deugo loon qishah sidroë Radja,
CHAMSULKASARA nan geurasi,
Nama nangroë GULITAN SAGOOB,
Laoot seupoot h'ana sakri.*

*Toë ngon langët matauroë loob,
Meunan teuseubut ka teurawi,
Nangroë luwah that djeumeurang,
'Adee djuhan h'ana sakri.*

*Ngon hareuta that bahroollah,
Tangan murah Radja nanggri,
Peukan ramè that meusjeuhu,
Barat timu ureueng peureugi.*

*Djimè idja hitam puteeh,
Kapai inggeeh dum keumari,
Kapay Kleeng ngon kapay 'Arab,
Mè meuneukat tiep-tieb hari*

*Rukoon aweuh halija bawang,
Tabloë sigupang ladoop djibri,
Peukan rame that meusjuhu,
Nangroë maqmu h'ana sakri.*

*Keudè le that h'ana tara,
Geudoong idja dum meuriti,*

*Tudjooh bandja geupeugèdj geudoong,
Manjang lamboong h'ana sakri.*

*Soë njang kalon hireuen dasjah,
Ramè tjedah nanggroë duli,
Lalè tahe soe pandangan,
Ureueung sinan ulèe ile.²²⁸*

Terjemahannya :

*Dengar teman,
Kisah seorang raja,
Khamsulkasara masyhur namanya,
Gulitan Sagoop nama negerinya,
Lautnya luas tiada tara.*

*Di kaki langit dihujung Barat,
Demikian tersurat dalam cerita,
Negerinya luas tiada jauh terbentang,
Raja adil gagah perkasa,*

*Kekayaan melimpah lautnya luas,
Raja pemurah berhati dermawan,
Bandar ramai makmur meruah,
Timur barat datang berniaga.*

*Pedagang datang bawa dagangan,
Kapal Inggris silih berganti,
Kapal Keling, kapal Arab,
Sama berlabuh melabuh sauh,*

*Jenis ketumbar, halia dan bawang,
Dengan sekupang penuh bakul,
Pekan ramai penuh dagangan,
Negeri makmur padi menjadi.*

*Kedai-kedai dibangun berderet,
Gedung stekstil penuh berisi,
Tujuh deretan kedai dibangun,
Tinggi melambung mencakar langit.*

*Para pengamat takjub dihati,
Makmur subur negeri Duli,
Elok mata memandang bandar,
Keluar masuk musafir lalu.²²⁹*

²²⁸ Anzib Lamnjong (1964), *Hikajat Putroë Gumbak Meuh*. Banda Atjeh : Anzib Lamnyong, hal. 11.

²²⁹ *Ibid.*, hal. 10-11

Berdasarkan bait-bait hikayat di atas menjelaskan bahawa karya tersebut mengisahkan tentang kepimpinan seorang raja yang adil serta kemakmuran negeri yang dipimpinnya. Gelaran Khamsulkasara adalah raja Iskandar Muda dan Gulitan Sagop sebagai nama Kerajaan Aceh Darussalam yang diperintah oleh Sultan Iskandar Muda. Keperibadian Ratu Safiatuddin (Putrou Gumbak Meuh) yang dilukiskan oleh pengarang hikayat ini seperti berikut. Hikayat Putroe Gumbak Meuh:

Terjemahannya :

*Raja yang berputera 100 orang,
Yang dara jelita cantik rupawan,
Puteri bungsu berponi emas,
Demikian rupa muda bangsawan.*

*Namanya masyhur jadi sebutan,
Buah bibir di dalam alam,
Itulah puteri berhati budiman,
Lakukan ibadat siang dan malam.*

*Rukuk dan sujud hadap hadharat,
Wajib dan sunat puteri kerjakan,
Shalat sunnat, sembahyang perlu,
Sebarang waktu lalai tiada.*

*Turut perintah penghulu ulama,
Tiada dausa puteri kerjakan,
Malam dan siang khali tiada,
Puteri khusyuk membaca Qur-an.*

*Ibadat puasa bila masanya,
Puteri amalkan di bulan Ramadhan,
Shalat tarawikh, zikir Allah,
Gumbak laksanakan siang dan malam.*

*Seperti perintah burung arwah,
Puji Allah, Shalat junjungan,
Tiap bulan, sepanjang hari,
Tuan puteri membaca Qur-an.*

*Makan puteri kenyang tiada,
Hati tawajuh puji Ilahi,
Tiga hari sepotong roti,
Puteri andalan letih badan,*

*Puteri tetap dalam ibadat,
Dunia fana sunyi di hati,
Hanya Allah dan Muhammad,
Lainnya hilang dalam ingatan.*²³⁰

Begitulah sedikit sebanyak maklumat yang diperolehi dalam naskah Hikayat Putroe Gumbak Meuh yang menampilkan watak wanita sebagai pemimpin masyarakat Aceh dalam perjalanan sejarah bangsanya sampai hari ini mahu pun masa hadapan. Oleh itu, ia sepatutnya dikenang sebagai pemimpin bangsa yang telah bertukus-lumus meneruskan perjuangan menegakkan kedaulatan dan mempertahankan maruah bangsa.

Dalam hal ini suatu yang tidak boleh dinafikan oleh kita, sastera lebih besar peranannya dalam mengisahkan setiap peristiwa yang berlaku pada masa lalu, walaupun perlu diperiksa kebenarannya. Ini kerana penulisan karya sastera tidak memerlukan metode khas seperti penulisan sejarah. Metode penulisan sejarah pada masa itu belum wujud. Inilah yang dimaksudkan hikayat cerita. Kisah cerita mengenai Ratu Safiatuddin dalam Hikayat Putroe Gumbak Meuh ada persamaannya dengan kisah cerita yang di tulis oleh seorang ulama Aceh iaitu Syekh Nuruddin al-Raniry. Beliau menuliskannya sebagai berikut :

“.....adalah bagi duli hadhārat tuan kita Seri Sultan Tajul Alam Safiatuddin Syah Berdaulat zil Allah fil Alam beberapa sifat yang kepujian, dan perangai yang kebajikan, lagi takut akan Allah dan senantiasa sembahyang lima waktu dan tilawatil Qur-an, dan zikir Allah dan senantiasa dengan membaca Kitāb Allah, dan menyuruhkan orang berbuat kebajikan dan melarangkan orang berbuat kejahatan, yang diturunkan Allah Ta’ala kepada nabi kita Muhammad s.a.w., dan terlalu sangat adil padahal memeriksai dan menghukumkan segala hamba Allah.....”Maka daripada berkat Daulat dan sa’adat Yang Maha Mulia itu, jadi banyaklah

²³⁰ *Ibid.*, hal. 93

segala hamba Allah yang salih dan sembahyang lima waktu dan menuntut ilmu."²³¹

Manakala, tokoh Lila Bangguna (Iskandar Sani) yang disebutkan oleh pengarang dalam Hikayat Putroe Gumbak Meuh. Pengarang menyatakan Lila Bangguna (Iskandar Sani) adalah watak manusia yang sangat cergas, pandai, adil dan bijaksana dalam kepimpinannya, soleh serta alim. Menurut cerita hikayat tersebut adalah seperti di bawah:

*Lila Bangguna belajar Qur-an,
Siang dan malam tekun membaca,
Pandailah segera pangeran muda,
Cerdas tangkas berhati mulia.*

*Selesai pangeran belajar siraj,
Mutammimah lanjutan kaji,
Belajar kitab jarumiah,
Matan alfiah hafal segala.*

*Belajar mantik tambah maghni,
Benar ahli pangeran muda,
Ilmu tasauf faham mengerti,
Ilmu ladoni sesat periksa,*

*Pangeran perdalam ilmu suluk,
Ilmu hukum dijelajah pula,
Ilmu bintang dan ilmu hikmat,
Semua bab dipelajarinya,*

*Ilmu hakikat, ilmu makrifat,
Pangeran muda mafhum segala,
Ilmu mintra, ilmu falak,
Lila bijak mengerti segala.*

*Akal cerdas, bijak bestari,
Lila jauhari junjung Ilahi,
Hati khusyuk beramal salih,
Sembah hadharat tiada khali.*

²³¹ Dr.T. Iskandar (1966), *Bustanus Salatin*. Kuala-Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka hal. 73.

*Akal tajam, hati mukmin,
Hukum agama lupa tiada,
Ikut perintah Muhammad Amin,
Hati yakin sembah Rabbana.*

*Lila khalwat sunyikan diri,
Badan kurus, makan tak kenyang,
Sibuk ibadat sembah hadharat,
Lain hajat ingin tiada.*

*Muka lesu terlihat manis,
Kulit badan bagaikan kaca,
Wajah pancarkan cahaya iman,
Kekasih Rahman muda belia.²³²*

Setelah membaca rangkap hikayat di atas, maka jelaslah kepada kita bahawa Iskandar Thani yang berwatak cergas dan alim pernah ditulis oleh sejarawan dalam buku-buku sejarah Indonesia pada amnya dan Aceh khususnya. Beliau merupakan salah seorang sultan yang memerintah Kerajaan Aceh (1636-1641M) dengan gelaran Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Shah.

Dalam kitab *Bustanus al-Salatin* Syaikh Nuruddin Ar-raniry menjelaskan mengenai sultan Iskandar Thani (Lila Banggona) dalam hikayat *Putroe Gumbak Meuh* sebagai berikut:

*Dialalah perkasa terlalu berani,
Turun temurun nasab sultani,
Dialah menjunjung inayat Rahmani,
Bergelar Sultan Iskandar Thani.*

“Dan dialah yang menjalankan hukum Allah dan mengeraskan syariat nabi Muhammad rasulullah. Dan dialah yang mendirikan masjid di Banda Aceh Darussalam yang bernama Baitul al-Musyadah.....”²³³

²³² *Hikayat Putroe Gumbak Meuh*. hal. 106-107.

²³³ Dr.T. Iskandar (1966), *op.cit.*, hal. 44.

Daripada huraian mahupun pendapat para sejarawan di atas mengenai Hikayat Putroe Gumbak Meuh, maka disimpulkan bahawa karya tersebut menyimpan informasi tentang masa lalu kerajaan Aceh Darussalam semasa pemerintahan Sultan Iskandar Muda (Khamsulkhasara) 1607-1636 M dan Sulthan Iskandar Thani (Lila Banggana) 1636-1641 serta Ratu Safiatuddin (Putroe Gumbak Meuh) 1641-1675. Namun demikian, secara khusus Hikayat Putroe Gumbak Meuh adalah menceritakan mengenai Putroe Gumbak Meuh (Ratu Safiatuddin). Jika membicarakan mengenai ratu tersebut bererti menghuraikan peranan seorang wanita dalam menjalankan pemerintahan Aceh pada masa lalu.

Namun demikian, semua fakta yang terdapat dalam hikayat tersebut perlu lebih banyak sokongan daripada bukti-bukti yang lain. Ini kerana secara sengaja mahupun tidak, mungkin ada penyimpangan yang telah dilakukan oleh pengarang dalam menulis kisah tersebut dengan memasukkan kepentingan individu mahupun kelompok tertentu untuk menyanjung dan mengagungkan raja sebagai pemimpin kerajaan masa itu.

4.4. Peranan Sastera Dalam Sejarah Aceh

Sastera memang tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan manusia di mana sahaja berada. Ia bukan hanya mengandungi unsur-unsur seni, filosofi dan imajinasi dalam kehidupan manusia, akan tetapi ia menjadi salah satu alat untuk merakam peristiwa-peristiwa manusia pada masa lalu dan dijadikan literatur yang patut pelihara. Melalui karya tersebut seorang sejarawan mendapatkan sedikit sebanyak informasi tentang sejarah, setelah itu melahirkan penulisan kisah sejarah yang benar dan berkualiti.

Selain itu, peranan karya sastra dalam sejarah Aceh, sedikit sebanyak hampir sama dengan pengaruh karya sastra lain dalam penulisan sejarah. Namun demikian, penulis akan membahaskan peranan sastra dalam sejarah ini yang ditinjau dari dua aspek perannya yang penulis rasa sangat mempengaruhi sebuah karya sejarah masa kini. Aspek pertama bagaimana sebuah karya sastra memberikan sumbangannya kepada sejarah Aceh, sehingga gaya penulisan sejarah ini dapat menjadi suatu cerita sejarah yang lebih hidup jika ditulis oleh seorang sejarawan.

Aspek yang kedua ialah sejauh mana peranan karya sastra dalam memberikan informasi awal untuk tujuan penelitian mahupun pengkajian sejarah Aceh, sehingga peristiwa-peristiwa masa lalu yang terkandung di dalamnya dapat diangkat oleh seorang sejarawan untuk ditulis kembali dalam bentuk karya sejarah masa kini. Oleh itu, dalam pembahasan ini penulis hanya membahaskan peranan karya sastra dari beberapa aspek sokongan mahupun sumbangan yang telah diberikan terhadap penulisan karya sejarah, sehingga terciptanya sebuah karya sejarah yang dapat dipercayai kebenarannya, dari segi cara penyampaian mahupun penulisannya. Ianya memerlukan seni karya sastra kerana dengan penyampaian yang indah dapat membuat orang terpesona untuk membacanya sehingga apabila menceritakan kembali peristiwa masa lalu seakan-akan peristiwa tersebut sedang terjadi.

Sastra merupakan seni dalam mengungkapkan pemikiran melalui tulisan-tulisan. Ia sebagai suatu seni karya sastra yang boleh meninggalkan unsur keindahan dalam bahasa penulisannya. Dengan kata lain, bahasa sastra adalah bahasa yang mengandungi nilai-nilai keindahan kerana sebuah karya sastra yang baik adalah dapat

memahami permasalahan yang ditulis dalam karya serta gaya bahasa yang dipergunakan oleh sasterawan menentukan kepada kebaikan karya sastera itu sendiri.

Kelaziman untuk menceritakan kembali peristiwa-peristiwa yang pernah terjadi pada masa lalu, jika sejarawan pandai melakarkan kembali peristiwa yang pernah berlaku pada masa lampau dengan bahasa yang indah, maka pembaca mampu mengingat kembali apa sahaja yang diceritakan oleh sejarawan dengan mudah. Oleh itu, menceritakan kembali peristiwa sejarah dengan bahasa yang indah merupakan satu alternatif dalam memberikan pemahaman serta ingatan kepada peminat sejarah. Sesuai dengan pendapat Louis Gottschalk mengenai hubungan sastera dengan penulisan sejarah, ia memberikan istilah “Sejarah berbentuk (berlanggam) sastera.”²³⁴ Beliau mengatakan bahawa :

*“Sejarah adalah hidup, mereka yang belum mengalami kehidupan, atau yang baru mengalami hidup yang hanya cukup untuk menuliskan sesuatu disertasi doktor, masih kurang pengalamannya untuk menulis sejarah yang baik. Ia mengetahui terlalu sedikit mengenai motif dan kumpulan (asosiasi) pada diri manusia, mengenai cinta, benci, perang, damai dan ekonomi (inflasi), kemahuan (ambisi), pengorbanan, penderitaan, ketakutan, kemiskinan, kemakmuran, revolusi, propaganda, kejemuan, prustasi dan perjuangan untuk dapat mencurahkan pengalamannya pada kertas. Sebabnya ialah kerana sejarawan berbeza dengan pembaca roman.”*²³⁵

Maka dapatlah kita simpulkan bahawa jika seorang sejarawan ingin menulis kisah sejarah yang menarik dan mendapat sambutan banyak pembaca mestilah menggunakan seni sastera serta mengamalkan langkah-langkah penulisan sejarah yang

²³⁴ Louis Gottschalk (1975), *op.cit.*, hal. 8.

²³⁵ *Ibid.*

objektif. Dengan ini pandangan Louis boleh menjadi landasan aspek pertama sebagai peranan karya sastera dalam penulisan sejarah Aceh.

Aspek yang kedua ialah peranan karya sastera dalam penulisan sejarah. Ia dapat dilihat melalui sumbangannya yang telah diberikan terhadap proses penulisan kembali kisah sejarah. Pada dasarnya sebuah karya sastera memang sebuah karya imaginasi pengarang sahaja. Walau bagaimanapun dalam kenyataannya sebuah karya sastera (hikayat) adalah peninggalan dari segala peristiwa yang terjadi dalam kehidupan manusia. Karya sastera sejarah merakam segala peristiwa yang dialami oleh masyarakat sama ada dari segi sosial, adat-istiadat, sistem agama, politik serta revolusi yang terjadi. Oleh itu, Mohd. Taib Osman merumuskan mengenai karya sastera sejarah sebagai berikut:

Penulisan sejarah kepada orang Melayu dalam zaman lampau tidak sahaja bererti pencatatan peristiwa sejarah, tetapi juga merupakan suatu bentuk seni sastera. Oleh yang demikian Sejarah Melayu Tradisional kelihatan agak berbeza dengan penulisan sejarah hari ini. Sejarah Melayu mengandungi urutan silsilah kesultanan yang berbeza atau catatan peristiwa yang menarik perhatian pencatatnya di zaman lampau.²³⁶

Dengan ini, karya sastera adalah perakam masa lalu. Maka sastera ini merupakan sumber maklumat yang sangat berguna untuk sejarawan dalam mengungkapkan kembali peristiwa sejarah yang berlaku pada masa karya sastera tersebut ditulis. Sepertimana Sofyan Tanjung dalam sebuah artikelnya yang bertajuk “Sastera Sebuah Kejujuran Masa Lalu” beliau mengatakan bahawa sastera adalah sejarah yang paling jujur kerana ia merakam hal-hal yang paling halus. Ia bukan hasil

²³⁶ Mohd. Taib Osman dalam Umar Yunus (1996), *Teori Moden Sastera dan Permasalahan Sastera Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. hal. 50-51.

pandangan atau kajian dangkal yang tidak mampu melepaskan diri dari kepentingan kelompok, ideologi dan politik sebagaimana sejarah.

Dalam masalah tersebut, Sofyan pula membandingkan kejujuran sasterawan dengan sejarawan. Menurut beliau Sasterawan hanya menafsir dan mencatat sebuah peristiwa yang terlibat secara langsung. Manakala, seseorang ilmuan atau sejarawan merangkap dan mencatat peristiwa sosial melalui sudut pemikiran ilmu sosial yang di pelajarinya. Dengan demikian, kejujuran seseorang sejarawan kebiasaannya tidak mutlak. Di samping itu juga fakta sejarah pada umumnya kebanyakan ditulis atau disampaikan oleh sebuah institusi tertentu untuk disesuaikan dengan kepentingan mereka. Kalau sejarah harus ditulis secara jujur seperti mana karya sastera, besar kemungkinan karya tersebut tidak boleh diterbitkan.²³⁷

Berdasarkan pendapat Sofyan di atas dapat kita simpulkan bahawa proses kelahiran karya sastera sangat berbeza dengan proses penulisan karya sejarah. Hal ini kerana sebuah karya sastera ditulis bukan untuk memenuhi kehendak penguasa tertentu dan kepentingan individu tertentu, tetapi ianya keinginan pihak sasterawan itu sendiri. Manakala karya sejarah kadangkala ditulis kerana ada unsur kepentingan pihak tertentu untuk kepentingan politiknya. Oleh itu, sebuah karya sastera mendukung dalam proses melahirkan sebuah karya sejarah kerana setiap informasi yang terkandung dalam karya sastera dapat dijadikan sebagai sumber maklumat sejarah. Meskipun tidak semua yang dikisahkan dalam karya sastera tersebut benar, namun sedikit sebanyak ada hubungkait di dalamnya untuk disemak kembali oleh para sejarawan masa kini sebagai bukti dan fakta dalam karyanya.

²³⁷ Sofyan Tanjung (1986), "*Sastera Sebuah Kejujuran Masa Lalu*", Harian Waspada, 9 September, hal.3.

Seperti mana penulis jelaskan bahawa karya sastera (hikayat) yang pernah berkembang dan dikarang oleh sasterawan di negeri Aceh sebagai karya sastera tempatan, telah memberikan sumbangan dalam bentuk maklumat sejarah. Misalnya, dalam hikayat Malem Dagang menceritakan tentang laksamana sebagai Iskandar Muda yang datang ke Tanah Melayu serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam melawan Portugis. Hal tersebut diakui oleh H.K.J. Cowan, iaitu seorang Laksamana pada masa itu Iskandar Muda disifatkan dengan tokoh Malem Dagang.

Justeru, karya sastera atau hikayat yang pernah berkembang di Aceh pada masa lalu dapat membantu para sejarawan untuk mendapatkan gambaran secara umum. Malah, para pakar sejarah sedikit sebanyak dapat merujuk kembali peristiwa masa lampau untuk membuat kajian tentang kebenaran peristiwa yang pernah diceritakan dalam sebuah karya tersebut. Walaupun jenis karya sastera tersebut dinamakan sebagai karya sastera sejarah kerana di dalamnya mengisahkan tentang peristiwa-peristiwa masa lampau.

Oleh itu, karya sastera dalam masyarakat Aceh selain mengandungi unsur-unsur sejarah masa lalu ia juga menjadi hiburan yang mengandungi nilai-nilai pendidikan moral kepada pembaca atau pendengar. Bahkan adakalanya jenis karya sastera tersebut dikhususkan sebagai pendorong untuk membangkitkan semangat berperang melawan musuh oleh masyarakat Aceh pada masa dahulu dalam menghadapi kaum penjajah. Misalnya, Belanda pada masa itu yang ingin menjajah serta merebut kedaulatan Aceh sebagai sebuah negara berdaulat yang sudah diakui oleh kerajaan-kerajaan lain.

Pada suatu ketika kerajaan Belanda mengisytiharkan manifesto perangnya terhadap kerajaan Aceh pada 26 Mac 1873 supaya kerajaan Aceh harus mengakui kedaulatan Belanda di bumi Aceh pada masa itu. Maka dengan jawapan spontan dan tidak memuaskan yang dikemukakan oleh pihak kerajaan Aceh kepada pihak Belanda berlakulah peperangan yang sangat dahsyat antara Belanda dan Aceh. Maka kedua-dua belah pihak menjadi korban dalam pertempuran tersebut. Akibat pencerobohan pihak Belanda terhadap Aceh tersebut terjadilah ketegangan dalam masyarakat pada masa itu untuk menghadapi kaum penjajah Belanda.

Seruan demi seruan untuk mengatasi serta mempertahankan kedaulatan Aceh pada masa itu disampaikan melalui media masa termasuk pembacaan syair-syair karya sastera (hikayat). Salah satu jalan yang harus ditempuh adalah dengan cara berperang melawan musuh yang telah nyata menghina agama Islam serta umat. Maka bermulalah kembali unsur-unsur perang sabil yang sudah tertanam dalam jiwa rakyat Aceh sebagai dasar ideologi. Sehingga bangkit semula semangat jihad untuk berperang melawan musuh negara serta agama Islam melalui karya sastera (hikayat perang sabil) yang dikarang pada abad ke XVII sebagai dorongan untuk mengadakan perlawanan terhadap kaum penjajahan Belanda. Ia tercatat dalam kisah di bawah ini yang terjemahannya sebagai berikut:

*Wahai para teungku jangan ragu-ragu,
Penuhilah kewajiban-kewajiban Agama hai saudara,
Wahai sahabat tiada kewajiban yang lebih penting,
Yang melebihi kewajiban berperang, Dan sekarang
kewajiban Menjadi kewajiban pribadi,
Salah satu tiang Agama,
Demikian pesan utusan Tuhan
Marilah kita yang berada di sini sekarang menyadari sepenuhnya,
Perang sabil adalah kewajiban anda,
Ketahuilah wahai saudara,*

*Yang pertama iman kepada-Nya, yang kedua sembahyang dan Yang ketiga kewajiban berperang melawan Belanda.*²³⁸

Begitulah nukilan-nukilan serta seruan yang terkandung dalam naskah karya sastra (hikayat Perang Sabil) untuk sentiasa mengajak semua rakyat Aceh berhadapan dengan musuh. Ia hanya semata-mata untuk mencari keredhaan daripada Allah s.w.t, kerana mempertahankan Islam dengan harapan mendapatkan tempat yang sesuai di sisi Allah s.w.t di hari akhirat kelak.

Demikian, sangat besar peranan serta pengaruh karya sastra (hikayat) perang sabil tersebut di kalangan masyarakat Aceh dalam menghadapi kolonialis Belanda pada masa itu. Maka pihak Belanda sangat mengambil berat terhadap kemunculan karya-karya tersebut di kalangan masyarakat Aceh. Seorang sarjana Barat, Anthony Reid ahli sejarah bangsa Australia, melukiskan Hikayat Perang Sabil itu sebagai suatu yang sangat dahsyat:

“This ulama activity of 1880’s produced a whole new literature of popular epic poetry in Atjehese. The Hikayat perang sabil was the most famous of these exhortations to the holy war, but Teungku Tiro, Teungku Kuta Karang and others also circulated their own shorter work stressing the helplessness of the kafir and the success in store for Atjehese when own the true disciplines of Islam. Scular poets like wise compose more entertaining accounts of the heroisme of the Atjehese and the more comic aspects of dutch polices. The poems read aloud by one of their number, became the most popular evening entertainment for the yuong men gathered in the meunasah (communal hall).”

“(Kegiatan para ulama sekitar tahun 1880’s telah menghasilkan sejumlah karya sastra baru yang berbentuk puisi kepahlawanan popular dalam lingkungan rakyat Aceh, Hikayat Perang sabil

²³⁸ Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh (1977) *Perang Koloneal Belanda di Aceh*. Banda Aceh: P.t. Harapan Offset. hal. 132.

adalah yang paling masyhur dalam membangkitkan semangat perang suci, Teungku Tiro, Teungku Kuta Karang dan ulama-ulama lainnya, juga telah menulis karya-karya pendek mereka yang melukiskan kelemahan fihak kafir dan kemenangan telah tersedia untuk rakyat Aceh, apabila pada suatu masa nanti mereka menerima kebenaran ajaran Islam. Para penyair duniawi juga telah mencipta sejumlah bacaan hiburan yang melukiskan kepahlawanan rakyat Aceh dan bentuk-bentuk kelucuan dari ahli-ahli politik Belanda. Syair-syair ini yang dibaca nyaring oleh salah seorang mereka, telah menjadi hiburan malam yang terpenting bagi para pemuda yang berkumpul di surau (menasah).”²³⁹

Berdasarkan komentar Anthony Reid di atas, maka jelas bahawa ulama masa itu sangat aktif dalam kegiatan menulis karya-karya sastera hikayat perang sabil sebagai bentuk karya sastera yang berpengaruh dalam masyarakat untuk membangkitkan semangat rakyat Aceh menghadapi pihak penjajah Belanda. Oleh kerana demikian, pihak Belanda sendiri menjadi terancam akibat munculnya karya tersebut di kalangan masyarakat Aceh. Maka pihak Belanda mengadakan pemantauan supaya tidak tersebar secara merata ke daerah-daerah lain serta memberi suatu amaran khas bagi siapa sahaja yang membaca hikayat perang sabil dalam masyarakat Aceh. Hal ini kerana, pihak Belanda telah mengetahui dan merasai kesan selepas membaca atau mendengar hikayat tersebut telah membawa pangaruh yang sangat kuat terhadap jiwa masyarakat untuk menghadapi kaum penjajah (Belanda) secara individu mahupun kelompok.

Oleh itu, penyalin hikayat perang sabil (Anzib) dalam karya sasteranya yang berbentuk prosa berbahasa Aceh, telah menggambarkan betapa takutnya Belanda kesan daripada meluasnya Hikayat Perang Sabil di kalangan masyarakat sebagai berikut:

²³⁹ A.Hasymi (1987), *op.cit.*, hal. 54-55.

Terjemahannya:

“Apabila Belanda mengetahui ada orang yang menyimpan Hikayat Prang Sabil, terus dirampas dan penyimpanannya dihukum, demikian pula terhadap siapa sahaja yang membacanya.

Penyalin naskah ini pernah mengetahui, ada seorang yang bernama Leem Abah, penduduk kampung Peurada kemukiman Kajee Adang daerah XXVI Mukim (sekarang Kecamatan Ingin Jaya). Pada suatu malam dia mendengar orang membaca Hikayat Perang Sabil. Esoknya tanpa diketahui siapapun, pada pagi-pagi buta dia telah berada di Pekan Aceh didepan Societeit Atjeh Club (sekarang Balai Teuku Umar), di mana dijumpainya seorang orang Belanda lagi berjalan-jalan, lantas dengan mendadak Leem Abah menghunus rencongnya yang disembunyikan dalam lipatan kain dan ditikam Belanda itu tepat pada dadanya, hingga jatuh terlentang dan mati terus di situ juga.

Sesa’at kemudian, Leem Abah tersebut terus ditangkap dan akhirnya diinternir ke Pulau Jawa, yang mungkin telah dibunuh, sebab tidak pernah pulang lagi ke Aceh.

Peristiwa ini terjadi dalam tahun 1907, pada waktu pertama kali Belanda menetapkan wajib bayar pajak bagi orang Aceh.

Selain dari peristiwa tersebut pada masa itu, masih banyak lagi terjadi kejadian-kejadian yang serupa, di mana satu dua orang masuk ke kota dan terus membunuh Belanda, sehingga terpaksa diadakan penjagaan yang ketat, dan siapa saja yang dicurigai terus ditangkap.

Demikianlan tajam dan berbisanya kandungan Hikayat Perang Sabil itu. Kerana itulah, maka Belanda takut setengah mati kepada orang yang membaca ataupun mendengar Hikayat Perang Sabil tersebut.

Lantaran itu, dimana saja diketahui ada orang yang menyimpan hikayat tersebut, terus dibeslah (diambil dengan paksa) dan penyimpanannya dihukum berat, agar orang lain menjadi ketakutan.

Sungguhpun demikian, Hikayat Perang Sabil tetap disimpan orang kita naskahnya dengan cara sembunyi-sembunyi, ataupun ditulis kembali kerana banyak orang yang bisa menghafalnya. Sebab itulah, maka kadang-kadang terdapat sedikit perbedaan antara satu dengan lain naskah.”²⁴⁰

Dari keterangan Anzib di atas, bahawa hikayat Perang Sabil telah menyumbangkan begitu besar peranannya dalam membangkitkan semangat jihad fisabilillah demi mempertahankan kedaulatan Aceh dari penjajahan kaum kolonialis, sehingga pihak kerajaan Belanda pun mengambil kira terhadap proses penyebaran

²⁴⁰ *Ibid.*, hal. 56-57

karya tersebut serta mengambil tindakan yang berat untuk siapa sahaja yang menyimpannya. Peranan karya hikayat tersebut dapat memberikan pengaruh yang sangat kuat terhadap rakyat Aceh secara individu mahupun kelompok dalam membuat penyerangan terhadap Belanda.

Menurut kesimpulan Kern sebagai penasihat kerajaan Belanda, dari jumlah 79 peristiwa penyerangan secara perseorangan, korban di pihak Belanda antara tahun 1910-1912 adalah sebanyak 99 orang dengan perincian 12 mati dan 87 orang cedera. Latarbelakang terjadinya serangan mendadak secara perseorangan terhadap Belanda kerana pengaruh idea perang sabil dan perasaan benci terhadap kafir (*kafir-haat*).²⁴¹ Mangsa-mangsa tersebut meskipun bukan orang-orang Eropah itu sendiri tetapi dianggap kafir oleh orang Aceh, kerana mereka telah berpihak kepada bangsa penjajah yang berbeza aqidah dengan orang Aceh yang seratus-peratus beragama Islam.

4.5. Pengaruh Sastera Dalam Masyarakat Aceh

Sebagaimana telah penulis jelaskan di atas bahawa karya sastera suatu bangsa merupakan gambaran perbandingan yang menyingkap segala aspek kehidupan yang berkaitan dengan masyarakat atau bangsa itu sendiri. Ini kerana, karya tersebut menghuraikan keadaan sosial masyarakat semasa karya tersebut dihasilkan. Kisah-kisah peristiwa-peristiwa yang dialami oleh masyarakat mendapatkan sorotan yang serius oleh pengarang-pengarang sastera atau penyair masa itu. Setiap gejala sosial yang terjadi dalam kehidupan masyarakat di muatkan kedalam karya sastera (hikayat)

²⁴¹ Teuku Ibrahim Alfian (1999), *op.cit.*, hal. 175

dalam pelbagai bentuk dan jenis yang berbeza sehingga mencapai sebuah karya sastera sejarah yang menarik.

Kemunculan karya sastera (hikayat) dalam masyarakat Aceh khususnya memang sangat menarik, kerana setiap karya sastera (hikayat) yang dihasilkan hampir semuanya mempunyai tujuan dan objektif tersendiri. Antara ada yang sifatnya sebagai media pendidikan, media hiburan dan media dakwah untuk masyarakat. Justeru, kewujudan karya-karya sastera (hikayat) tersebut dalam masyarakat tidak boleh dipisahkan dengan persekitaran masa itu. Van Buxembururg menyatakan bahawa sastera yang ditulis pada satu kurun tertentu langsung berkaitan dengan norma-norma dan adat istiadat pada zaman itu.²⁴²

Berdasarkan kenyataan yang dikemukakan oleh Van Buxembururg di atas menjelaskan bahawa karya sastera yang dihasilkan pada masa tertentu selalunya ada hubungkait dengan masyarakat pada masa itu. Bahkan kewujudan karya sastera (hikayat) dalam masyarakat tersebut sangat besar pengaruhnya, terutama pada masyarakat Aceh semasa menentang penjajahan Belanda di Aceh saat itu.

Setiap karya sastera (hikayat) yang dihasilkan oleh penyair di Aceh masa itu mengimbau masyarakat untuk berjuang di jalan Allah serta memberi pandangan kepada sesiapa yang bersama menyokong perjuangan melawan penjajah Belanda yang dianggap kafir (*kaphe'*) oleh bangsa Aceh. Seandainya mati dalam peperangan melawan penjajah mereka akan mendapatkan pahala syahid dan dihapuskan segala

²⁴² Jan Van Luxemburg (1992), *Pengantar Ilmu Sastra*. Dick Hartoko (terj.), Jakarta: Pt.Gramedia, hal.23.

dosanya serta Allah s.w.t. akan menempatkannya di syurga yang dilengkapi segala kenikmatan dan kemudahan yang memuaskan. Dalam hikayat tersebut pengarang memperingatkan agar tidak mensesiakan kesempatan tersebut, kerana sudah tiba masanya untuk berjihad selagi pintu jihad masih terbuka lebar untuk sesiapa sahaja yang ingin berjihad dan berperang di jalan Allah s.w.t. Maka dengan itu dikisahkan oleh pengarang hikayat, terjemahannya adalah sebagai berikut :

*Wahai pemuda intan baiduri,
Usia dunia akan berakhir,
Janji Ilahi akan terbukti,
Seperti dalam suratan takdir.*

*Selagi langit belum berantakan,
Beberapa tanda telah nyata,
Di dunia dajal gentayangan(disana-sini),
Berkeliaran dimana-mana.*

*Sebelum datang dajal hakiki,
Sudah di dunia antek-anteknya,
Bila masa kehadirannya nanti,
Segala amal tiada berguna.*

*Arti ibadat sudah tiada,
Masa bakti Tuhan akhira,
Segala amal sia-sia,
Pintu ibadat terkunci erat.*

*Jangan lalai saudaraku,
Berjihad kumpulkan bekal akhirat,
Selagi pintu taubat masih terbuka,
Kini masanya memeras keringat.*

*Sebelum datang malaikat Izrail,
Seluruh Hadharat Menjemput nyawa,
Baiklah datang sebelum dipanggil.
Serahkan rela, sayang mengapa.*

*Oh, saudaraku sayang,
Bangsawan dan rakyat biasa,
Di Jalan Allah mari berperang,
Kehilangan nyawa gelisah mengapa ?²⁴³*

²⁴³ A. Hasjmy (1977), *op.cit.*, hal. 83.

Selain, Hikayat-hikayat Perang Sabil memberikan ganjaran dan keistimewaan yang luar biasa, ianya juga menitikberatkan kewajipannya kepada setiap kaum muslimin dan muslimat yang tua mahupun muda bahkan kanak-kanak sekalipun untuk melaksanakan kewajiban membela agama dan negara. Oleh itu, untuk memperkuat hujah tersebut maka di bawah ini terdapat beberapa rangkap syair yang terjemahannya sebagai berikut:

*Waktu kafir menduduki negeri
Semua kita wajib berperang
Jangan diam bersunyi diri
Di dalam negeri bersenang-senang*

*Diwaktu itu hukum fardhu'ain
Harus yakin seperti sembahyang
Wajib kerjakan setiap waktu
Kalau tak begitu dosa hai abang*

*Tak sempurna sembahyang puasa
Jika tak mara ke medan perang
Fakir miskin, kecil dan besar
Tua, muda, pria dan perempuan
Yang sanggup melawan kafir*

*Walaupun dia budaknya orang
Hukum fardhu'in dipundak kita
Meski tak sempat lunaskan hutang
Wajib harta di sumbangkan
Kepada siapa yang mau berperang.²⁴⁴*

Oleh kerana pengaruh-pengaruh tersebut, masyarakat Aceh mengambil pilihan mati syahid melawan kafir daripada hidup dalam keadaan hina di bawah kekuasaan bangsa kafir. Mereka mahu bangkit menuju medan perang untuk melawan musuh meskipun musuh yang dihadapinya sangat kuat dengan dilengkapi peralatan perang. Namun, berbekalkan semangat perjuangan jihad fī sabīlillāh, iklas dan suci

²⁴⁴ Teuku Ibrahim Alfian (1999), *op.cit.*, hal. 171.

menjadi bukti bahawa bangsa Aceh dahulu sanggup mempertahankan kedaulatan Kerajaan Aceh dari penjajahan-penjajahan bangsa Barat, sehingga negara serta kedaulatan kerajaan Aceh tetap kekal dan tidak diserahkan kepada mana-mana pihak penjajah. Maka sesuatu yang sangat wajar apabila wajah dari kesusasteraan Aceh sebahagian besar dipengaruhi oleh semangat kepahlawanan atau karya epik.

Faktor utama yang telah mempengaruhi semangat rakyat Aceh dalam melawan kaum penjajah adalah karya hikayat Perang Sabil (Prang Sabi). Hikayat tersebut ditulis oleh seorang penulis yang disebut juga sebagai puisi perang untuk membangkitkan semangat perjuangan bagi rakyat Aceh khususnya dan kaum muslimin umumnya. Maka dikeranakan pengaruh karya hikayat tersebut pada tahun 1912 Kerajaan Hindia Belanda mengutuskan wakilnya yang bernama R.A. Kern yang pada masa itu menyandang jawatan sebagai penasihat urusan bumiputera datang ke Aceh untuk menyelidiki dan membuat laporan mengenai gejala bunuh kafir (dalam bahasa Aceh poh kafhe). Sehingga pihak Belanda masa itu memberikan gelar terhadap orang Aceh sebagai *Atjeh-moord*.²⁴⁵

Dengan demikian, pengarang karya tersebut sendiri melukiskan sebab karya sastera hikayat tersebut di tulis. Maka penulis melukiskan dengan indah dalam empat rangkuman sajak yang terjemahannya sebagaimana berikut :

*Setelah puji salawat dan salam, (²⁴⁶)
Sewarkah hadiah hamba sembahkan,
Dengan hidayah Khalikul Alam,
Hikayat Prang Sabi hamba kisahkan,*

²⁴⁵ *Ibid.*, hal. 174.

²⁴⁶ Tgk. Tjhik Pante Kulu, *Hikayat Prang Sabi*, hal. 16

*Pekabaran Al-Qur-an akan direka,
Pinta kakanda pada adinda,⁽²⁴⁷⁾
Menolak kehendak layak tiada,
Meski karangan kurang sempurna,*

*Benarlah ini amalan terpuji,
Semoga Ilahi beri pahala,
Berguna hendaknya bagi semua,
Handai taulan sahabat segala.*

*Ganti memberi keris berdulang,
Lambung padi berderet rapi,
Ganti pusaka puncak kerawang,⁽²⁴⁸⁾
Inilah rangkaian intan baiduri.²⁴⁹*

Dari petikan hikayat di atas menggambarkan bahawa pengarang hikayat tersebut menulis hikayatnya untuk membangkitkan semangat jihad dalam jiwa masyarakat untuk memerangi musuh, sehingga mereka bersedia mati syahid di medan pertempuran. Begitu juga halnya dalam kenyataan di bawah ini:

Hikayat Perang Sabil, yang diciptakan oleh seorang ulama besar Tgk. Tjihik Pante Kulu pada akhir abad XIX untuk membangkitkan semangat “perang sabil” rakyat Aceh melawan Belanda, yang menurut Muzakkir walad (Gubernur Aceh), bahwa hikayat Perang Sabil ini kalau tidak melebihi, sekurang-kurangnya menyamai “illias” dan Odissea” kesusasteraan epos karya pujangga Homerus di zaman “Epic Era” Yunani sekitar tahun 900-700 sb. Masehi²⁵⁰

Di samping Hikayat Perang Sabil yang penulis nyatakan dan huraikan di atas, juga masih banyak hikayat-hikayat Aceh yang serupa dapat memberikan pengaruhnya terhadap jiwa bangsa Aceh dalam menghadapi bangsa penjajah Belanda mahupun Portugis. Abdul Karim atau lebih dikenal Do Karim dalam karya Hikayat Perang Kompeuninya banyak memberikan sumbangannya dalam menggerakkan jiwa serta

²⁴⁷ Yang dimaksudkan dengan abang (kakanda) iaitu tengku Tjihik di Tiro Muhamamad Saman.

²⁴⁸ Semacam perhiasan kebesaran di Aceh yang terbuat dari emas murni.

²⁴⁹ A.Hajmy (1977), *op.cit.*, hal. 53-54.

²⁵⁰ *Ibid.*, hal.98.

semangat perjuangan rakyat Aceh khususnya, dalam menentang kaum penjajahan Belanda di bumi Serambi Mekah. demikian juga, karya hikayat Perang Peuringgi yang dikarang menjelang akhir abad ke-XIV tidak banyak perbezaan dengan hikayat-hikayat lain yang telah penulis paparkan dalam memberikan sokongan yang sangat besar untuk membangkitkan semangat jihad melawan Portugis yang mula menjajah negeri Malaka di semenanjung Tanah Melayu dan sebahagian menguasai daerah-daerah pantai di negeri Aceh.

Demikian pengaruh karya sastera (hikayat) Aceh dalam masa-masa tertentu pada zaman lalu. Banyak memberikan sokongan dalam membangkitkan semangat patriotisme di kalangan masyarakat Aceh untuk menghadapi bangsa penjajah Belanda, Jepun mahupun Portugis. Namun demikian hal yang sama juga berlaku terhadap karya-karya sastera yang dihasilkan di daerah lain. Meskipun pengaruhnya berbeza-beza tidak seperti yang wujud pada hikayat-hikayat yang dihasilkan di Aceh telah jelas peranannya sebagai media pendidikan dan dakwah. Malahan, ia juga dikhususkan untuk membangkitkan semangat jihad para pembaca dan pendengar, di mana negeri Aceh pada masa itu dalam keadaan huru-hara akibat oleh gerakan penentangan terhadap bangsa penjajah.

Di samping faktor-faktor tersebut, peranan ulama juga sangat besar dalam memberikan sokongan untuk berjihad di jalan Allah s.w.t. dengan dakwah-dakwah yang dilakukan melalui media dakwah mahupun tulisan-tulisan yang berupa hikayat-hikayat. Kesemua ini adalah untuk menyeru kepada rakyat supaya bangkit berperang melawan pihak musuh. Seruan serta perintah tersebut pernah dikeluarkan oleh Tgk. Muhammad Amin Dayah Cut Tiro pada bulan Disember 1877 Masihi yang menyeru

dengan mengatakan bahawa “ Barang siapa yakin akan Allah s.w.t. dan Rasul-Nya hendaklah berperang Sabil ke Aceh Besar, seluruh rakyat juga berpuasa tiga hari, kenduri membaca al-Quran dan memberi sedekah untuk menolak bahaya serta menyuruh bertaubat kepada orang yang telah melanggar hukum-hukum Islam.”²⁵¹

Begitulah pesanan mahupun kesan yang sangat dahsyat yang terkandung di dalam karya sastera hikayat Perang Sabil dalam masyarakat Aceh ketika itu, disaat menghadapi musuh negara dan agama yang ingin menguasai negeri Aceh masa tersebut. Sehingga hari ini karya-karya tersebut menjadi objektif kajian oleh para ahli sejarah dalam mahupun luar Negara.

4.6. Pengaruh Sastera Dalam Penulisan Sejarah Aceh

Sebagaimana penulis huraikan dalam penulisan sebelumnya bahawa pada awalnya karya sastera dan sejarah kadangkala tidak dapat dipisahkan. Ini mungkin disebabkan pada awalnya sejarawan masa itu bebas untuk menulis apa yang perlu untuk ditulis kerana tiada tegahan dari mana-mana pihak. Apakah lagi pada masa itu belum wujud suatu sistem penulisan sejarah secara sistematik seperti pada zaman sekarang. Sebahagian karya sejarah yang ditulis zaman awal tersebut dianggap bukan karya sejarah, tetapi semata-mata sebagai cerita penglipur lara yang wujud untuk cerita rakyat, dalam penulisan-penulisan tradisi sama ada berbentuk prosa mahupun puisi.

Namun demikian, tidak boleh dinafikan kewujudan karya-karya yang ditulis pada tahap permulaan sebagai tulang belakang untuk melahirkan karya sejarah. Dengan ini, ia dapat membuka mata kita untuk menuju ke masa hadapan yang lebih

²⁵¹Teuku Ibrahim Alfian (1981), Perang Di Jalan Allah : Aceh 1873-1912, Desertasi Ph.D University Gajah Mada, Yogyakarta, hal.137

sempurna. Hal ini kerana, karya-karya masa lalu tersebut tidak memenuhi syarat untuk dijadikan sebagai sebuah karya sejarah yang objektif kerana bercampur dengan unsur-unsur karut, mitos, legenda serta dongeng. Namun, di dalamnya tetap menceritakan peristiwa yang sesungguhnya berlaku pada masa silam untuk generasi masa akan datang, agar tidak mudah untuk dilupakan begitu sahaja.

Bentuk penulisan tersebut, dikategorikan sebagai kesusasteraan Melayu lama. Proses terdapatnya peristiwa-peristiwa sejarah di dalam karya sastera pada masa lalu tersebut dikeranakan adanya suatu keperluan oleh pihak tertentu untuk ditulis dalam karya tersebut. Ada pula kemahuan sendiri oleh pengarang yang menyaksikan peristiwa tersebut pada masa itu, meskipun yang menulis tersebut bukan ahli dalam menulis sejarah. Maka oleh itu, sebahagian karya tersebut bercampur dengan karut, mitos dan sebagainya.

Kelazimannya, di Indonesia cerita-cerita sejarah yang berbentuk astra ditulis dalam bentuk novel. Ini menggambarkan tentang suatu keadaan gerakan perlawanan terhadap kolonialis. Sepertimana, roman yang diterjemahkan daripada bahasa Belanda karangan M.H. Szikely Lulofs topiknya “Tjut Nyak Din” sebuah roman yang menceritakan cita-cita kepahlawanan di zaman penjajahan. Sistem pensejarahan sebelum wujud metode khusus penulisan sejarah kritis ianya tidak dapat dipisahkan daripada sastera, kerana hampir semua peristiwa yang terjadi masa dahulu ditulis dalam bentuk karya sastera. Hal tersebut dilihat dalam bentuk karya sastera klasik sebagai peninggalan masa lalu dalam mengungkapkan peristiwa sejarah serta kebudayaan Melayu Asli. Misalnya Hikayat Raja-raja Pasai dan Hikayat Sejarah

Melayu. Hikayat seperti ini banyak mendapatkan pengakuan daripada para ahli sebagai di Tanah Melayu khususnya dan di Nusantara umumnya. bentuk karya sastra tertua.

Menjelang abad ke 17 M berlakunya kajian serta kritikan-kritikan terhadap penulisan karya sejarah tersebut. Sehingga pada abad ke-19 M kritikan-kritikan itulah berkembang dengan pesat dan munculnya “metode sejarah.” Ianya bebas daripada pengaruh sastra yang memiliki metode tersendiri sebagaimana ilmu-ilmu lainnya. Maka bermula para sejarawan membuat kajian terhadap sumber-sumber sejarah secara benar tanpa bercampur dengan unsur karut, dongeng, mitos dan legenda.

Bermula lahirnya metode sejarah ini para sejarawan telah menggunakan sistem yang lebih objektif dalam menilai sesebuah sumber sejarah yang didapati. Metode sejarah yang dimaksudkan adalah sebuah metode yang digunakan oleh para sejarawan dalam menulis karya sejarah secara ilmiah. Metodologi sejarah ini harus digunakan oleh para ahli sejarah dalam menginterpretasikan semua sumber sejarah dalam berbagai-bagai bentuk dan corak. Oleh itu, DR. M.Gade Ismail yang dikenali sebagai pakar sejarah dari University Syiah Kuala (Unsyiah) Banda Aceh telah memberikan huraian lebih khusus mengenai metode sejarah kritis tersebut. Ia adalah suatu sistem penulisan sejarah yang mempunyai langkah-langkah yang harus dijalankan dan mesti digunakan oleh sejarawan sebelum menulis karya sejarahnya. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

1. Mencari sumber,
2. Mengkritik sumber,

3. Menganalisa sumber dan
4. Historiografi (pensejarahan).²⁵²

Langkah-langkah tersebut merupakan satu prosedur yang harus dilalui oleh seseorang sejarawan sebelum mengambil kesimpulan yang muktamad dalam penulisannya, sehingga menjadi sebuah karya yang tidak diragui kebenarannya. Berdasarkan apa yang telah penulis nyatakan jelaslah bahawa antara karya sastera dan karya sejarah memang mempunyai perbezaan yang nyata sekali dalam metode penulisannya walaupun kedua-duanya menceritakan peristiwa masa lampau dalam karya tersebut. Akan tetapi untuk karya sejarah di samping menceritakan masa lampau ianya mesti menggunakan metode sejarah yang telah ditetapkan. Kesan daripada penggunaan metode sejarah itulah karya sastera menjadi kurang ilmiahnya dari sudut pandang penulisan sejarah. Oleh itu, Ranke yang terkenal sebagai “Bapa Pensejarahan Moden” memperkenalkan konsep *Wei Es Eigentlich Gewesen* (seperti sebenarnya berlaku) telah meletakkan sumber yang benar seperti kenangan masa silam (memoir), catatan harian, buku kenangan dan surat-menyurat sebagai sumber yang utama dan suci serta meletakkan sejenis hikayat (babad) pada tahap paling bawah kerana karya tersebut mempunyai maklumat yang sangat meragukan.²⁵³

Walaupun, sejarah telah menemui suatu metode tersendiri yang lebih ilmiah dalam sebuah penulisan karya sejarah, namun secara tidak langsung fungsi seni pun sangat diperlukan dalam sebuah penulisannya. Hal ini kerana dalam penyajian sesebuah peristiwa sejarah selalu melahirkan karya yang menarik dan aspek

²⁵² Muhammad Gade Ismail (1992), *Metode Penelitian Sejarah*. Darussalam Banda Aceh: Universitas Syiah Kuala, hal. 9.

²⁵³ Arba'iyah Mohd Noor (2002), *op.cit.*, hal.18.

kesusasteraan seharusnya turut dimanfaatkan. Sesuatu karya sejarah yang hanya mementingkan data dan fakta, akan bersifat hambar dan tidak membangkitkan emosi tertentu. Di samping itu, dengan menggunakan gaya bahasa yang sesuai menyebabkan peminat sejarah merasa mudah dan berminat untuk membacanya. Bahkan sewaktu membacanya seolah-olah pembaca mereka sedang menyaksikan peristiwa yang ditulis oleh sejarawan tersebut. Meskipun demikian, perlu ada pengaruh karya seni dalam sesebuah karya sejarah. Ianya harus mengutamakan langkah-langkah metode sejarah kritis dan ilmiah dalam menginterpretasi setiap sumber yang diperolehi di mana sahaja, sehingga wujudnya sebuah karya sejarah yang objektif tanpa adanya kepentingan individu mahupun kelompok. Seperti mana yang dimaksudkan oleh Gottschalk iaitu “Objektif adalah memperolehi pengetahuan yang tidak memihak dan benar serta bebas daripada reaksi peribadi seseorang”.²⁵⁴

Sesungguhnya keilmiahnya sebuah karya sejarah tidak sempurna jika tidak dihiasi dengan nilai-nilai seni di dalam penulisan. Walau bagaimanapun nilai seni hanya terdapat dalam bahasa penulisan sahaja kerana dengan gaya bahasa yang indah sangat mempengaruhi karya tersebut dibaca oleh sesiapa sahaja dan menjadi ingatan setiap pembacanya. Di samping dipengaruhi nilai seni dalam sebuah karya sejarah, ia juga mempengaruhi emosi disebabkan oleh fakta ataupun bukti yang terkandung dalam naskah karya sastera (hikayat) tersebut dapat membangkitkan perasaan emosi pengarang dan pembaca terhadap kisah-kisah tersebut. Maka dalam hal ini menjadi bukti betapa besar pengaruh karya seni dalam sistem penulisan tersebut termaktub dalam keterangan di bawah ini. Pada hakikatnya sejarah telah dianggap suatu bentuk sastera dan cabang daripada ilmu kemanusiaan, ianya dapat membantu ilmu-ilmu

²⁵⁴ Ishak Saat (2007), *Ilmu Sejarah Antara Tradisi dan Moden*. Shah Alam : Karisma, hal. 5

sosial dan merupakan metode untuk lebih memahami semua cabang seni dan ilmu lain. Namun apakah secara keseluruhan atau tidak satu pun di antara klasifikasi yang disebutkan dapat menyumbang atau tidak, cara kerja sejarawan untuk menganalisa setiap peninggalan masa lampau manusia sebagai bukti yang dapat dipercayai. Walaupun demikian, dari bentuk bukti yang di dapati, cara ia merangkai terdapat pengaruhnya. Maka, prosedur analisis yang demikian dikenali dengan metode sejarah.²⁵⁵

Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa pengaruh karya sastera dalam penulisan sejarah sudah bermula sejak penulisan karya sejarah. Hal ini kerana masa itu karya sastera klasik sudah dipergunakan sebagai tempat untuk menyampaikan peristiwa bersejarah. Oleh sebab itulah membuktikan bahawa pengaruh karya sastera dalam penulisan sejarah telah bermula dari penulisan sejarah itu sendiri.

4.7. Tokoh Sastera Dalam Sejarah Aceh

Sejarah negeri Aceh yang cukup panjang dengan berbagai-bagai peristiwa yang terjadi hingga berlarutan sampai hari ini. Keadaan negeri yang penuh pergolakan ini tidak pernah terluput dengan begitu mudah kerana berpunca daripada konflik luaran dan dalaman. Dalam keadaan negeri Aceh yang tidak stabil, maka timbul satu jalan alternatif untuk berjuang melawan kezaliman pihak penjajah mahupun pemerintahan sendiri (Indonesia). Langkah-langkah untuk menghadapi penindasan dan kezaliman adalah melalui media penulisan hikayat (sastera) tulisan mahupun lisan, sehingga dapat membangkitkan kembali semangat perjuangan rakyat Aceh masa dahulu.

²⁵⁵ Louis Gottschalk (1975), *op.cit.*, hal. 19

Disebabkan oleh penindasan dan kezaliman itulah bumi Aceh pada masa itu telah ramai melahirkan tokoh-tokoh ulama yang menjadi pemimpin dalam semua aspek kehidupan masyarakat. Mereka ini sangat berperanan dalam memimpin rakyat untuk mempertahankan kedaulatan Aceh daripada segala bentuk kezaliman atau penjajahan dengan mewajibkan kepada setiap orang untuk berperang di jalan Allah.

Oleh itu, tidak mustahil sebahagian daripada tokoh ulama tersebut juga menjadi pjuangga atau sasterawan perang yang sangat disegani dan diakui oleh pihak lawan. Seperti Teungku Haji Muhammad Pante Kulu atau yang lebih terkenal dengan nama “Teungku Chik Pante Kulu” mempersembahkan kepada Teungku Chik di Tiro, sebagai Panglima Perang Angkatan Sabil iaitu sebuah karya sastera yang bernama Hikayat Perang Sabil.²⁵⁶

Berdasarkan karya tokoh ulama itulah telah melahirkan para perjuang yang sanggup mengorbankan nyawa demi mempertahankan agama Islam di bumi Aceh khususnya, dengan harapan mendapatkan imbalan yang setimpal di hari akhirat kelak.

Perang sabil yang dilancarkan rakyat oleh Aceh di bawah pimpinan tokoh ulama yang sekaligus menjadi penulis hikayat perang. Golongan ini telah membuatkan kaum penjajah terutama Belanda menjadi tidak tenteram dan merasa takut. Hal ini digambarkan oleh Hazil dalam keterangannya sebagaimana berikut :

“..... Teungku Chik di Tiro Syeikh Saman dan barisan sabilnya yang berjumlah 6000 Orang (jumlah yang sebenar puluhan ribu orang) menghebatkan serangan atas garis konsentrasi....., kian besar kemenangan mereka, kian hebat pula anjuran kaum penyair

²⁵⁶ A. Hasymi (1977), *op.cit.*, hal. 42

(maksudnya para penyanyi Hikayat Perang Sabil) untuk melakukan Perang Sabil.²⁵⁷

Dari huraian Hazil tersebut jelas bahawa dalam sejarah perjuangan rakyat Aceh sangat besar peranan serta pengaruh tokoh ulama, sekaligus penyair dalam mempertahankan kedaulatan Aceh pada masa dahulu.

Impak daripada pengaruh karya tokoh-tokoh ulama sebagai penyair tersebut telah membawa ketakutan luar biasa terhadap kaum penjajah sehingga Anzib Lamnyong menggambarkan kehebatan Hikayat Perang Sabil tersebut seperti berikut :

*Kendati bercun rencong dan pedang,
Hikayat Perang Sabil lebih berbisa,
Belanda takut lutut bergoyang,
Kisah dilarang menyimpan membaca,*

*Di zaman Belanda hikayat dilarang,
Siapa menyimpan hukuman berganda,
Karena kandungan merangsang perang,
Mengobar semangat lawan Belanda.*

*Demikian kisah mengandung racun,
Mematikan kafir Belanda celaka,
Penyimpan dihukum tiada ampun,
Hikayat dirampas pembaca disiksa*

*Kaki tangan Belanda berkeliaran,
Siang malam sibuk mencari,
Demi diketahui siapa penyimpan,
Kepada Belanda laporan diberi.*

*Sesaat ketika serdadu pun datang,
Hikayat disita, pemilik digari,
Kepada Belanda dipersembahkan,
Penyimpan digiring kedalam tangsi.*

*Demikian hikayat merangsang perang,
Membangkitkan semangat pendengar berita,*

²⁵⁷ *Ibid.*, hal. 43

*Dimana jumpa Belanda dicincang,
Hilang melayang cinta dunia.*²⁵⁸

Berdasarkan cerita hikayat tersebut menggambarkan bahawa karya sastera (hikayat) Perang Sabil merupakan puisi perang yang mampu membangkitkan semangat perjuangan dengan gemilang. Malah pengarang hikayat tersebut adalah salah seorang tokoh ulama yang berhak mendapatkan gelaran sebagai “Penyair Perang” terbesar di dunia.

Mengenai tokoh-tokoh yang penulis nyatakan di sini adalah secara kebetulan sahaja tokoh ulama yang dapat mempengaruhi rakyat Aceh dengan karya sasteranya dalam setiap pergerakan menghadapi kaum penjajahan di Aceh khususnya. Sememangnya tidak boleh dinafikan lagi kerana mereka adalah sebahagian dari pengarang karya sastera (hikayat) yang telah menyumbangkan karya sasteranya, sehingga membangkitkan perasaan emosional rakyat Aceh pada masa dahulu yang telah bertungkus lumus dalam peperangan menentang pihak penjajah. Tokoh-tokoh ulama tersebut juga merupakan sebagai pengarang hikayat. Antaranya adalah seperti Teungku Chik Kuta Karang, Teungku Chik Pante Kulu, Teungku Chik Pante Geulima dan Teungku Chik Di Tiro serta ramai lagi. Mereka inilah yang telah membawa dan memperlihatkan hikayat sebagai media komunikasi agama dengan masyarakat di mana sahaja mereka berada.

Tokoh-tokoh sastera yang penulis maksudkan dalam penulisan ini adalah tokoh sastera atau pengarang hikayat yang memegang peranan penting dalam rentetan sejarah Aceh dan turut mengorbankan segalanya demi maruah, agama, bangsa dan

²⁵⁸ *Ibid.*, hal. 27-58.

tanah air. Dalam perjuangan bersama rakyat menentang penjajah di Aceh dan Nusantara hinggalah ke Semenanjung Tanah Melayu, tokoh-tokoh tersebut telah memberikan sokongan yang sangat besar dan luar biasa dalam kepimpinan kerajaan Aceh untuk menegakkan kedaulatan Aceh pada masa lampau. Sumbangan mereka itulah segala persoalan yang timbul dalam masyarakat Aceh dapat diatasi dengan adil dan bijaksana sehingga nama mereka menjadi penghias dan kenangan dalam setiap tulisan mengenai sejarah bangsa Aceh masa kini dan masa hadapan.

Namun demikian, ada juga tokoh-tokoh sastera lain dalam sejarah Aceh yang tidak terlibat secara langsung dalam hal kepimpinan dan tokoh penting dalam perjalanan sejarah Aceh, sebaliknya, mereka hanya sekadar tokoh generasi penerus dalam penulisan atau pengkajian terhadap hikayat-hikayat yang pernah dikarang oleh pengarang sebelumnya. Mereka juga pengarang hikayat yang mengandungi kisah-kisah penting dalam kehidupan masyarakat Aceh pada masa itu seperti kisah sejarah, keagamaan dan keadaan sosial masyarakat pada masa dahulu. walau bagaimanapun karyanya sangat bermanfaat bagi kita mahupun para peneliti sejarah untuk membuat suatu kajian ilmiah mengenai hal yang tersirat mahupun tersurat didalamnya untuk dijadikan sebagai sumber sejarah dalam penulisan karya sejarah masa kini.

BAB V

PENUTUP

Bab lima ini merupakan penutup daripada isi kandungan keseluruhan perbahasan disertasi ini. Oleh itu, pada bab yang terakhir ini penulis dapat menyimpulkan beberapa kesimpulan serta beberapa saranan untuk menjadi perhatian kepada penulis lain pada masa yang akan datang sekiranya ia berkeinginan membuat kajian tentang hubungan sastera (hikayat) dalam penulisan sejarah sejarah Aceh khususnya. Sebagai mana biasanya, dalam sebuah karya penulisan mesti diakhiri dengan sebuah kesimpulan. Dengan demikian, dalam penulisan disertasi ini penulis telah menghuraikan mengenai bahagian-bahagian penting daripada karya sastera (hikayat) untuk digunakan sejarawan dalam menulis kembali kisah sejarah masa kini. Dari semua pembahasan tersebut penulis dapat menarik suatu kesimpulan :

5.1. Kesimpulan Umum

5.1.1. Aceh merupakan sebuah wilayah yang terletak di hujung pulau Sumatera dan merupakan bahagian daripada Negara Indonesia. Sebelum bergabung dengan Republik Indonesia ia merupakan sebuah kerajaan Islam yang mula-mula sekali memeluk agama Islam di Asia Tenggara dan ianya telah wujud ribuan tahun yang lalu. Mengikut pendapat para ahli sejarah ia bermula daripada kerajaan Perlak pada tahun 840 M sehingga berakhir pada masa kerajaan Aceh Darussalam pada 1939 M.

5.1.2. Karya sastra merupakan salah satu cabang ilmu pengetahuan sosial yang ada hubungkait dengan ilmu sejarah. Dari hasil kajian yang telah dijalankan oleh para ahli sejarah, sebuah karya sastra (hikayat) telah dijadikan sebagai sumber sejarah dalam penulisan sejarah itu sendiri. Pada zaman awal sebelum sejarah menggunakan metode tersendiri yang lebih khusus dalam sebuah penulisan sejarah, ianya dianggap sebagai bahagian daripada ilmu sastra.

5.1.3. Karya sastra dapat memberikan peranannya tersendiri dalam penulisan sejarah di Aceh khususnya iaitu mengenai sistem penulisan kisah sejarah yang berbentuk sastra, sehingga kisah yang ditulis tersebut menjadi ramai peminat untuk membacanya. Ini dikeranakan sejarawan yang mengisahkan cerita sejarah tersebut menggunakan bahasa sastra yang seolah-olah peristiwa yang dikisahkan tersebut menjadi kenyataan. Di samping peranannya dalam penulisan kisah sejarah ianya juga berperanan dalam memberikan informasi mengenai peristiwa-peristiwa yang pernah terjadi, meskipun informasi tersebut hanya setakat petunjuk awal terhadap peristiwa itu. Namun demikian, ianya dapat membantu sejarawan dalam membuat kajian untuk penulisan sejarah masa kini dan akan datang.

5.1.4. Aspek-aspek sejarah yang terdapat dalam karya sastra (hikayat) Aceh iaitu mengenai informasi peristiwa masa lampau manusia yang diceritakan dalam karya hikayat tersebut. Mengenai sumber informasi dalam penulisan kisah sejarah sebenarnya dapat diperolehi melalui

sumber-sumber yang ada iaitu sumber primer dan sekunder, lisan mahupun tulisan dan visual.

5.1.5. Dikatakan dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kajian terhadap sumber lokal iaitu hikayat Aceh, maka sudah tentu pengkaji mencari unsur-unsur sejarah yang terkandung di dalam hikayat tersebut. Sehingga hikayat tersebut dapat dijadikan sebagai bahan rujukan untuk menulis kisah sejarah masa kini. Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan bahawa dalam karya sastera (hikayat) Aceh terdapatnya unsur-unsur sejarah yang berbentuk peristiwa, tokoh dan tempat terjadinya peristiwa.

5.1.6. Dalam ilmu pensejarahan, aspek sumber merupakan hal yang paling penting untuk dapat merekonstruksi kembali peristiwa masa lalu, oleh itu, sebahagian sumber sejarah mengenai hal-ehwal tentang Aceh masa dahulu dapat diperolehi dalam karya hikayat.

5.2. Saranan

Setelah penulis memberikan beberapa kesimpulan dari perbahasan disertasi ini, penulis juga ingin memberikan beberapa saranan untuk dapat dijadikan ingatan kepada penulis-penulis lain yang mengkaji mengenai sastera (hikayat) dan sejarah tersebut adalah :

5.2.1. Sejarah adalah masa lampau manusia yang dapat dijadikan pelajaran untuk masa kini dan akan datang. Ianya sangat berguna untuk generasi-generasi

selanjutnya, kerana dengan mempejalajari sejarah kita akan mengetahui peristiwa masa lalu suatu kaum untuk dijadikan pengajaran. Hikayat Melayu pada umumnya banyak mengandungi cerita-cerita sejarah masa dahulu, maka oleh yang demikian semua pihak diharapkan dapat memberikan kerjasama dan sokongan kepada pengkaji sejarah dalam kajian mereka.

5.2.2. Khusus bagi generasi sekarang hendaklah memahami dan mendalami mengenai sejarah dan kesusasteraan masa lalu, kerana banyak generasi sekarang tidak memahami sejarah negara dan bangsanya sendiri, ini semua disebabkan kurangnya minat dan tidak memahami betapa pentingnya pendidikan sejarah.

5.2.3. Kerana karya sastera (hikayat) sangat berkait rapat dengan sejarah, maka, alangkah baik sekiranya generasi sekarang memperbanyakkan kajian-kajian dan seminar antarabangsa mengenai kewujudan serta kepentingannya karya-karya sastera klasik tersebut. Sehingga generasi masa akan datang dapat menghargai setiap karya tersebut sebagai karya bersejarah untuk sumber maklumat yang terpenting dalam penulisan sejarah masa hadapan.

5.2.4. Disertasi ini merupakan perbahasan awal daripada kajian mengenai aspek-aspek sejarah yang terdapat dalam karya sastera (hikayat) pada zaman dahulu. Oleh demikian, diharapkan perlu adanya lanjutan ke hadapan untuk membahaskan masalah ini secara mendalam tentang pentingnya sastera dalam penulisan karya sejarah.

1. Penutup

Sebagai penutup akhir daripada disertasi ini, penulis menaruh harapan yang tinggi semoga hasil penelitian yang sangat sederhana ini dapat dijadikan tambahan referensi dalam dunia pendidikan dan ilmu pengetahuan di Aceh khususnya, terutama dalam bidang sejarah dan hubungannya dengan karya sastra di Alam Melayu. Semoga apa yang telah penulis kerjakan mendapatkan rahmat dan kurnia daripada Allah Yang Maha Kuasa dan menjadi amal soleh. Mudah-mudahan kajian ini bermanfaat untuk pengkaji selanjutnya.

BIBLIOGRAFI

A. BAHASA MELAYU DAN INDONESIA

- Abdul Halim Bin Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- A. Hasjmy (1977), *Sumbangan Kesusasteraan Aceh Dalam Pembinaan Kesusasteraan Indonesia*, Jakarta: Bulan Bintang.
- _____ (1976), *59 Tahun Aceh Merdeka dibawah Pemerintahan Ratu*, Jakarta: Bulan Bintang.
- _____ (1981), *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. (Kumpulan prasaran pada seminar di Aceh). Bandung: Pt. Alma'arif penerbit percetakan offset.
- _____ *et.al.* (1981), "Nafas Islam Dalam Dalam Kesusasteraan Aceh" *Dari Sini Ia Bersemi*, Panitia Penyelenggara Musabaqah Tilawatil Qur'an Tingkat Nasional ke 12 Tahun 1981 Banda Aceh, Pemerintah Daerah Istimewa Aceh.
- _____ *at.al* (1995), *50 Tahun Aceh Membangun*. Banda Aceh: Majelis Ulama Indonesia Daerah Istimewa Aceh bekerja sama dengan Pemerintah Daerah Istimewa Aceh.
- _____ (1977), *Apa Sebab Rakyat Aceh Sanggup Berperang Puluhan Tahun Melawan Agresi Belanda*, Jakarta: Bulan Bintang.
- A.Hasymy (1987), " *Sari Sastra ' 87*" (Kertas Kerja Seminar, Sempena Perayaan Kesultanan Melayu Negeri Pahang Darul Makmur Ke Seratus Tahun Pada 15-18 Oktober 1987)
- A. Mukti Ali (1964), *Alam Pikiran Modern di Indonesia*, Jakarta: Tinta Mas
- Abdul Rahman Haji Abdullah (2007), *Pengantar Ilmu Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ (1990) *Pemikiran Ummat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar Atjeh (1971), *Sekitar Masuknya Islam ke Indonesia*, Solo: Ramadhani.
- Ahmad Mahdzan Ayub (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi: Satu Pengenalan* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajib Rosidi (1985), *Kapan Kesusasteraan Indonesia Lahir ?*. Jakarta: Pt. Agung.

- Al-Chaidar (1999), *Gerakan Aceh Merdeka, Jihat Rakyat Aceh Mewujudkan Negara Islam*, Jakarta: Madani Press.
- Anzib Lamnjong (1964), *Hikajat Putroë Gumbak Meuh*. Banda Atjeh: Anzib Lamnjong.
- _____ (1980), *Hikayat Prang Sabi, Masa Prang Acheh ngon Belanda*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Proyek Penerbitan Buku Sastra Indonesia dan Daerah.
- _____ (1963), *Hikajat Prang Sabi Prang Atjeh Beulanda 1873-1904*, Banda Atjeh: Anzib Lamnjong,
- Arba'iyah Mohd Noor (2002), *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ariel Haryanto (1985), “*Sastera dan Politik (Sebuah Upaya Memahami Persoalan Kesustraan Mutakhir di Indonesia,*” dalam Ariel Haryanto (ed.), *Perdebatan Sastera Kostekstual*. Jakarta: Rajawali.
- Badri Yatim (1997), *Historiografi Islam*, Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Bakar Hatta (1984), *Sastra Nusantara Suatu Pengantar Studi Sastra Melayu*, Galia Indonesia, Jakarta.
- B. Setiawan (1986), *Ensiklopedi Nasional Indonesia*. Jilid VI, Jakarta : Cipta Abadi Pustaka.
- Boris Parnickel (1995), *Perkembangan Sastra Nusantara Serumpun (Abad Ke-7–Ke-19)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Buyung Adil (1971), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- C. Van Dijk (1983), *Darul Islam : Sebuah Pemberontakan*, Jakarta: Grafitti Press.
- Departemen Pendidikan dan Kebudayaan (1984), *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- _____ (1988), *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Jakarta: Balai Pustaka.
- _____ (1989) *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Jakarta : Balai Pustaka.
- Edi S. Ekadjati, (1975), *Penyebaran Agama Islam Di Pulau Sumatera*, Bandung: Pt Sanggabuwana.
- Edward Djamaris (2007), *Sastra Lama Berisi Sejarah Ringkasan Isi Cerita Serta Deskripsi Latar dan Tokoh*. Jakarta: Pusat Bahasa,

- H.A. Nawawi Rambe (1979), *Sejarah Da'wah Islam*, Jakarta : Wijaya.
- Haji Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara (Khususnya Tanah Melayu)*, Malaysia: Al-Rahmah.
- H. Kreamer, Prof. Dr. dan Dr. C.A.O. Van Reiwenhuijze (1952), *Agama Islam*, Jakarta: Penerbit Kristen.
- Haji Buyong Adil (1972), *Sejarah Pahang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ (1971), *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia
- H. K. J. Cowan (1937) *De Hikajat Malem Dagang*, Land end Volkenkunde van Nederland-Indie: Het Koningklijk voor die taal.
- Hamka (1961), *Sejarah Umat Islam*, Bukit tinggi, Jakarta: N.V. Nusantara.
- _____ (1962), “*Mazhab Syafi'i di Indonesia*”, *Gema Islam*. VII, No.7, May 1962
- _____ (1963) “Masuk dan Berkembangnya Agama Islam di Daerah Pesisir Sumatera” (Kertas Kerja Seminar Masuknya Islam ke Indonesia di Medan 17-20 Maret 1963)
- _____ (1976), “*Pengaruh Islam Dalam Sastera Melayu* “dalam Islam dan Kebudayaan Melayu, Malaysia : Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- _____ (Edisi Baru), *Sejarah Ummat Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Harun Jafar (2004), *Ikhtisar Kebudayaan Dan Prosa Melayu Klasik*. Universiti Sultan Idris Tanjong Malim.
- Harun Mat Piah *et.al.* (2000), *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hasan Usman (1986), *Metode Penelitian Sejarah*. Perguruan Tinggi Agama / IAIN (terj.), Jakarta: Departemen Agama Republik Indonesia.
- Hasanuddin Yusuf Adan (2005), *Sejarah Aceh Dan Tsunami*, Jogjakarta: Ar-Ruzza Media.
- Hasyim Awang (1955), “*Sastera Rakyat Malaysia*” dalam *Warisan Dunia Melayu-Teras Peradaban Malaysia*, KL: Biro Penerbitan Gapena.
- Hoesein Djajadiningrat (1982), *Kesultanan Aceh (Suatu pembahasan Tentang Kesultanan Aceh Berdasarkan Bahan-bahan Yang Terdapat Dalam: Karya Melayu)*, Banda Aceh: Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan Proyek Pengembangan Permeseuman Daerah Istimewa Aceh.
- Hugiono (1992), *Pengantar Ilmu Sejarah*, Jakarta: Pt. Renika Cipta.

- Ibn Batutah (2006), *Pengembaraan Ibn Batutah, "Pengembaraan Agung, Karya Terulung, Menyingkapi Wajah Dunia"*, Syed Nurul Akla, Nurul Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd Dom (terj.), Kuala Lumpur: MPH Group Printing, Sdn. Bhd.
- Ibrahim Syukri (1985), *History of the Malay Kingdom of Patani*, Corner Bailey dan John N.Miksic (terjemahan). Ohio University Press.
- Imam Barnadid (1982), *Metode Penelitian Sejarah*, Yogya: Insani Press.
- Imran Teuku Abdullah (1991), *Hikayat Meukuta Alam*, Jakarta: Intermedia.
- Ishak Saat (2007), *Ilmu Sejarah Antara Tradisi dan Modern*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn.Bhd.
- Ismail Hamid (2001), *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Person Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Jan Van Luxemburg (1992), *Pengantar Ilmu Sastra*. Dick Hartoko (terj.), Jakarta: Pt.Gramedia.
- Jones Russell (1997), *Hikayat Raja Pasai*, Syah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Kamus Dewan Edisi ketiga (2002) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khatib A. Latif (1983), "Aceh Dalam Perspektif Sejarah", (Kertas kerja Seminar yang disampaikan pada pertemuan pengenalan Aceh kepada rombongan pelancong Majlis Agama Islam, Port Klang Ogos 1993).
- Khoo Kay Kim dan Mohd Fadzil Uthman (1980), *Sastera dan Sasterawan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Louis Gottschalk (1975), *Mengerti Sejarah*. Nugroho Notosusanto (terj.) Jakarta: Yayasan Penerbit Universitas Indonesia.
- M. Yunus Jamil (1968), *Tawarich Raja-raja Kerajaan Atjeh*. Banda Aceh : Kodam Iskandar Muda.
- M. Zainuddin (1957), *Singa Aceh*, Biografi Sultan Iskandar Muda, Medan: Balai Pustaka.
- _____ (1961), *Tarich Aceh dan Nusantara*. Medan: Pustaka Iskandar Muda.
- M.Arifin Amin, *et.al.* (1972), "Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh" (Risalah Seminar Sejarah Masuk Islam di Aceh Timur 1972), Majlis Ulama Aceh Timur.
- M.D. Mansoer (1962), *Masuk dan Berkembangnya Agama Islam*, Gema Islam.

- Mahyuddin Hj Yahya (1997), *Sejarah Islam*, Kuala Lumpur: Fajar bakti Sdn.
- Majalah Sinar Darussalam (1987), *Majalah Pengatahuan Dan Kebudayaan*. Banda Aceh : IAIN Ar-Raniry.
- Mohammad Said (1961), *Aceh Sepanjang Abad*, Medan: Waspada.
- Mohd. Ali (1963), *Peranan Bangsa Indonesia Dalam Sejarah Asia Tenggara*. Jakarta: Bratara.
- Mohd. Taib Osman dalam Umar Yunus (1996), *Teori Moden Sastera dan Permasalahan Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Gade Ismail (1992), *Metode Penelitian Sejarah*. Darussalam Banda Aceh: Universitas Syiah Kuala.
- Muhammad Said (1981), *Aceh Sepanjang Abad*. Jilid I, Medan: P.T Percetakan dan Penerbitan Waspada.
- Muhammad Umar (2002), *Darah Dan Jiwa Aceh “Mengungkap Falsafah Hidup Masyarakat Aceh”*, Banda Aceh: Yayasan Busafat.
- Muhammad Yamin (1960), *Gajah Mada*, Jakarta: Balai Pustaka.
- Mustafa Hj. Daud (1991), *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution, Sdn.Bhd.
- Noeng Muhajir (1998), *Metodelogi Penelitian Kualitatif*, Yogyakarta: Reka Sarain, hal.
- N.K. Koenjaraningrat (1986), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P.T Gramedia.
- N.J. Kroom (1970), *Zaman Hindu*, Arief Effendi (terj.), Jakarta: Pustaka Sarjana.
- P.A. Hosein Djajadiningrat (1963), “Islam di Indonesia”, dalam Kenneth Morgan (ed.), *Islam Djalan Mutlak*, Abu Salamah (terj.), Jakarta: PT. Pembangunan.
- P.E. De Josselin De Jong (1965), *Agama2 Di Gugusan Pulau2 Melayu*, Abdullah Hussain (terj.) Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- P.J. Veth (1987), *Atchin en Zijne Betrekkingen tot Nederland*. Leiden: Geralth Kolff.
- Panitia Seminar Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia (1963), *Risalah Seminar Masuknya Islam ke Indonesia*, Medan.
- Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh (1977), *Perang Kolonial Belanda di Aceh*, Banda Aceh : Pusat dokumentasi dan Informasi Aceh.
- Ramli Harun (1981), *Hikayat Pocut Muhammad*, Jakarta: Pendidikan dan Kebudayaan.

- Rusdi Sufi (1981), *Dari Sini Ia Bersemi*. Banda Aceh: Panitia MTQ-12, TK Nasional.
- Sabaruddin Ahmad (1977), *Pengantar Sastra Indonesia*, Medan : Saiful.
- S. M. Amin *et.al* (1980), “*Sejenak Memonitor Aceh Serambi Mekkah*”, Bunga Rampai Tentang Aceh, Jakarta : Brata Karya Aksara.
- Sartono Kartodirdjo (1993), *Pendekatan Ilmu Sosial Dalam Metodologi Sejarah*. Jakarta : Gramedia Pustaka utama.
- Sidi Gazalba (1981), *Pengantar Sejarah Sebagai Ilmu*. Jakarta: Bhratara Karya Aksara.
- Sidik Haji Baba (1993), “Aceh: Pusat Dakwah Islamiyah Pada Abad Ke 16 dan 18”, *Jurnal Usuluddin*. Bil.1 Oktober 1993.
- Siti Hawa Saleh(1992), *Bustan Al-Salatin*. Kuala Lumpur.
- Sofyan Tanjung (1986), *Sastera Sebuah Kejujuran Masa Lalu*, Harian Waspada.
- Supardi Djoko Damono (1978) *Sosiologi Sastera Sebuah Pengantar Ringkas*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Sutan Takdir Alisyahbana (1934), *Pujangga Baru Tahun 1934*, Jakarta: Pustaka Rakyat.
- Tarjan Hadi Jaya (1951), *Sejarah Melayu*, Jakarta: Sapta Darma.
- Teuku Ibrahim Alfian (1981), *Perang Di Jalan Allah : Aceh 1873-1912*, Desertasi Doktot Falsafah University Gajah Mada, Yogyakarta.
- _____ (ed.) (1981), *Dari Sini Ia Bersemi*, Panitia Penyelenggara Musabaqah Tilawatil Qur’an Tingkat Nasional ke 12 Tahun 1981 Banda Aceh, Pemerintah Daerah Istimewa Aceh.
- _____ (1999), *Wajah Aceh Dalam Lintasan Sejarah*. Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh.
- Teuku Iskandar (1966), *Bustanus Salatin*. Kuala-Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ (1991), *Kamus Dewan*, (Edisi Baru). Cet II. Kuala Lumpur: DBP.
- Teungku Chik Pante Kulu (1980), *Hikayat Prang Sabi, Masa Prang Aceh ngon Belanda*. Penyalin Anzib, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Proyek Penerbitan Buku Sastra Indonesia dan Daerah, Jakarta.
- Wan Muhammad Shaghir Abdullah (1996), *Tafsir Puisi Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Winarno Surachmad (1982), *Pengantar Penulisan Dasar dan Metode, dan Teknis*, Bandung: PN. Transito.

Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh Dan Nusantara*, Medan: Pustaka Iskandar Muda.

Zakaria Ahmad (1972), *Sekitar Keradjaan Atjeh Dalam Tahun 1520-1675*, Monora Medan.

B. BAHASA INGGRIS

Anthony Reid (1968), *The contest For North Sumatera*, London: Oxford University Press

B.Schrike (1960), *Indonesian Sociological Studies*, Bandung: Sumur Bandung.

C. Smith (1957), *Islam Modern History*, Princeton N.J: Princeton University Press.

Marden, William (1966), *The History of Sumatra*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

C. INTERNET

Morina Octavia, Pengaruh sastra Dalam Masyarakat Aceh, <http://media-sastra-indonesia.blogspot.com/2009/01/pengaruh-hikayat-dalam-masyarakat-aceh.html>, 7 Januari 2009

Md. Nasir Hamid, Bentuk dan Tehnik Sastra Lisan Dalam Sastra Tulisan: HikayatRaja Pasai, http://www.karyanet.com.my/knetbeta/ebook/preview/previu_Hikayat_Raja_Pasai.pdf, 16 April 2009

Jakob Sumardjo, Awal Masuknya Islam ke Indonesia, <http://www.pikiranrakyat.com/prcetak/112001/06/0803.htm>, 6 November 2002

Suara Hidayatullah `Ruhnya` RakyatAceh: <http://www.hidayatullah.com/sahid/9912/khusus2hl>. 8 Desember 2009

Zoelfikar Sawang, Secuil Dinamika Sastra, <http://www.serambinews.net/old/index.php?aksi=bacaopini&opinid=1532>, 16 April 2009